

**BANGUNAN WARISAN MASJID KAPITAN KELING:  
KAJIAN TERPERINCI YANG MERANGKUMI ASPEK  
KEISTIMEWAAN DAN KEUNIKAN SERTA IMPAK  
KEWUJUDAN TERHADAP MASYARAKAT TEMPATAN.**

**MOHAMAD ADI SYAKIRIN BIN MOHD RASHID**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN**

**2024**

**PERAKUAN TESIS**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_


SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: MOHAMAD ADI SYAKIRIN BIN MOHD RASHID  
No. Kad Pengenalan: 000403070653  
Tarikh: 14 FEBUARI 2024

Tandatangan Penyalia

Nama Penyalia: CIK NORIDAYU BINTI BAKRY  
Tarikh: 14 FEBUARI 2024

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat illahi dengan limpah rahmat dan rezekinya saya dapat menyiapkan tugas projek penyelidikan ini dengan jayanya meskipun menempuhi dan berdepan dengan pelbagai cabaran, masalah dan rintangan.

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya Cik Noridayu binti Bakry kerana membantu dan bersama menyumbang pendapat, pandangan dan sokongan dalam menyiapkan tugas projek penyelidikan ini. Tugas ini pasti tidak lengkap tanpa ada bimbingan dan tunjuk ajar daripada mereka berdua. Segala bantuan dan tunjuk ajar yang diberikan amat saya hargai.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Masjid kapitan keling atas kerjasama dan bantuan perkongsian maklumat yang diperlukan oleh saya ketika melaksanakan tugas projek penyelidikan ini. Tambahan pula, tidak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan kerana bersama-sama saya dalam membantu melancarkan tugas ini dari segi prosedur dan peluang yang diberikan untuk terlibat dalam menjalankan tugas ini.

Walaupun bagaimanapun, tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya kerana sentiasa memberikan semangat dan juga sokongan yang berterusan di samping mendoakan untuk dipermudahkan perjalanan dan proses pelaksanaan projek ini. Dalam pada itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut bersama menyumbang bantuan dan berkongsi maklumat dan info yang berkaitan ketika tugas ini dilaksanakan. Bantuan yang diberikan akan saya ingati.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung sepanjang tugas ini dilaksanakan. Diharapkan supaya tugas ini sedikit sebanyak membantu memberi manfaat dan kebaikan di samping menjadi panduan kepada generasi yang akan datang.

Sekian sahaja daripada saya, terima kasih.

## SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>ix</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>x</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	1
1.3 Permasalahan kajian	4
1.3.1 Masalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dokumentasi keistimewaan dan keunikan	
1.3.2 Informasi mengenai seni bina yang ada pada Bangunan masjid	
1.3.3 Impak yang diterima masyarakat hasil Kewujudan masjid	
1.4 Persoalan kajian	6
1.5 Objektif kajian	6
1.6 Skop kajian	6
1.7 Definisi terminologi	9
1.7.1 Bangunan	
1.7.2 Warisan	
1.7.3 Masjid	
1.7.4 Bangunan warisan	
1.9 Kepentingan kajian	13
1.9.1 Penyelidik	
1.9.2 Masyarakat	

	1.9.3 Pendidikan	
	1.9.3 Ekonomi	
	1.9.4 Negara	
	1.10 Rumusan bab	16
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
	2.1 Pengenalan	18
	2.2 Sejarah dan perkembangan kebudayaan masyarakat di Negeri Pulau Pinang	18
	2.2.1 Sejarah Pulau Pinang	
	2.2.2 Perkembangan kebudayaan di Pulau Pinang	
	a. Kaum Cina	
	b. Kaum India	
	c. India Muslim dan Jawi Peranakan	
	d. Baba dan Nyonya	
	2.3 Impak kebudayaan terhadap perkembangan agama Islam di Pulau Pinang	34
	2.4 Sejarah dan perkembangan Masjid Kapitan Keling	37
	2.5 Rumusan bab	42
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	3.1 Pengenalan	44
	3.2 Metodologi kajian	44
	3.3 Data primer	47
	3.3.1 Temu bual	
	3.3.2 Pemerhatian lapangan	
	3.4 Data sekunder	48
	3.4.1 Kepustakaan	
	3.4.2 Internet	
	3.5 Rumusan bab	50

<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	51
4.2	Pendokumentasian keistimewaan dan keunikan Masjid Kapitan Keling	52
4.2.1	Motif Bunga Tulip sebagai lambang keunikan yang terpancar di Masjid Kapitan Keling	
4.2.2	Keistimewaan Masjid Kapitan keling sebagai pusat integrasi dan perpaduan masyarakat	
4.3	Impak masjid kepada sosial, ekonomi, pelancongan serta budaya terhadap masyarakat tempatan.	62
4.3.1	Data demografi responden	
4.3.2	Impak Masjid Kapitan Keling pada sektor ekonomi	
4.3.3	Impak Masjid Kapitan Keling pada pelancongan	
4.3.3	Impak Masjid Kapitan Keling pada sosial	
4.3.5	Perspektif masyarakat terhadap bangunan warisan Masjid Kapitan Keling	
<b>BAB 5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	85
5.2	Rumusan	85
5.3	Cadangan	87
5.3.1	Memperkasakan kerjasama dengan pihak berkepentingan	
5.3.1	Mempromosikan bangunan warisan di peringkat tempatan dan juga antarabangsa	
a.	Tempatan	
b.	Antarabangsa	
	<b>RUJUKAN</b>	90
	<b>LAMPIRAN</b>	92

## SENARAI GRAF

<b>NO.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.1	Terbinanya Masjid Kapitan Keling dapat membantu komuniti tempatan dalam menjana pendapatan	69
4.2	Masjid Kapitan Keling dapat membantu aktiviti ekonomi masyarakat tempatan kawasan sekitar dapat bergerak dan beroperasi.	70
4.3	Masjid Kapitan Keling mampu untuk menjadi penyumbang kepada perkembangan dan kerancakan ekonomi negeri	70
4.4	Masjid Kapitan Keling dapat membantu sektor-sektor ekonomi yang baru dan pelbagai dapat dibangunkan di kawasan sekitar	70
4.5	Masjid Kapitan Keling dapat menjadi wadah kepada perkembangan peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan	71
4.6	Masjid Kapitan Keling dapat menjadi lokasi utama pelancong untuk mengenali dan menjejaki kekayaan khazanah budaya tempatan	74
4.7	Masjid Kapitan Keling boleh menjadi sebuah lokasi untuk penyelidikan daripada penyelidik dan agensi luar	74
4.8	Masjid Kapitan Keling menjadi penyumbang dan mendorong kepada perkembangan infrastruktur sektor pelancongan tempatan	74
4.9	Masjid Kapitan Keling dapat menjadi penentu dan hala tuju sektor pelancongan tempatan di masa datang	75
5.0	Masjid Kapitan Keling amat sesuai dijadikan produk pelancongan di peringkat antarabangsa setaraf dengan negara-negara lain	75
5.1	Masjid Kapitan Keling merupakan perantaraan yang berfungsi untuk menjalin dan mengerakan ukhwah sesama masyarakat muslim tempatan	78
5.2	Aktiviti dan program yang dijalankan di masjid sangat membantu mendedahkan masyarakat kepada keharmonian sejagat	78
5.3	Masjid Kapitan Keling merupakan pusat kemasyarakatan tanpa mengira faktor kepercayaan agama mahupun bangsa	79

5.4	Masjid Kapitan Keling dapat menjadi pusat Pendidikan untuk komuniti bukan Islam untuk mempelajari hal ehwal islam	79
5.5	Masjid Kapitan Keling menjadi pusat untuk menyalur dan menyampaikan segala bantuan dan keperluan untuk pihak yang memerlukan	79
5.6	Bangunan warisan adalah sangat penting kepada kemajuan dan pembangunan sesebuah negara	82
5.7	Bangunan warisan adalah gambaran yang melambangkan kemegahan ketamadunan sesuatu masyarakat	83
5.8	Nilai dan sejarah bangunan warisan wajib dipelihara dan dikekalkan tidak mengira peredaran masa dan perubahan zaman	83
5.9	Masjid Kapitan Keling adalah lambang ikonik yang menunjukkan Pulau Pinang kaya dengan nilai dan kronologi sejarahnya	83
6.0	Masjid Kapitan Keling mempunyai keunikan dan keistimewaan yang sangat menarik untuk diterokai dan dipelajari	84



## SENARAI CARTA

<b>NO.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.1	Jantina	65
4.2	Umur	66
4.3	Status	66
4.4	Kaum	66

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI RAJAH

<b>NO.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.1	Motif Bunga Tulip Pada bahagian dinding masjid	55
4.2	Motif Bunga Tulip pada bahagian tiang masjid	56
4.3	Motif Bunga Tulip pada bahagian gerbang tingkap masjid	56
4.4	Motif Bunga Tulip pada bahagian dinding mihrab masjid	57
4.5	Motif Bunga Tulip pada tiang masjid	57
4.6	Motif Bunga Tulip pada gerbang dinding masjid	58
4.7	Motif Bunga Tulip pada gerbang pintu utama masjid	58

## **BANGUNAN WARISAN MASJID KAPITAN KELING:**

### **KAJIAN TERPERINCI YANG MERANGKUMI ASPEK KEISTIMEWAAN DAN KEUNIKAN SERTA IMPAK KEWUJUDAN TERHADAP MASYARAKAT TEMPATAN.**

#### **ABSTRAK**

Satu kajian telah dilaksanakan iaitu kajian bangunan warisan Masjid Kapitan Keling, kajian terperinci yang merangkumi aspek keistimewaan dan keunikan serta impak kewujudan terhadap masyarakat tempatan. Kajian ini berteraskan dua objektif yang menjadikan kajian ini dijalankan. Objektif tersebut ialah mengenal pasti secara terperinci mengenai keistimewaan dan keunikan pada Masjid Kapitan Keling, menganalisis impak masjid kepada sosial, ekonomi, pelancongan serta budaya terhadap masyarakat tempatan. Dalam mencapai objektif ini penggunaan metodologi juga diaplikasikan sepanjang melaksanakan tugas ini yang merangkumi pendekatan kualitatif dan juga kuantitatif supaya maklumat dan data yang diperlukan dapat diperolehi dan masih berkaitan dengan kajian yang dikaji supaya tidak tersasar daripada tajuk yang difokuskan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa Bunga Tulip merupakan motif yang memberikan satu keunikan pada bangunan Masjid Kapitan Keling. Majoriti responden juga memberikan reaksi yang positif terhadap impak yang diterima hasil daripada kewujudan Masjid Kapitan Keling. Akhir sekali, kajian ini diharapkan juga dapat memberikan mendapatkan maklumat dan data yang lebih lanjut mengenai bangunan warisan Masjid Kapitan Keling di samping dapat memberi pendedahan yang lebih luas kepada masyarakat dan dijadikan sebagai rujukan kepada kajian yang selanjutnya.

Kata kunci: *Masjid Kapitan Keling, keistimewaan, keunikan, menganalisis, impak, bangunan, warisan, sosial, ekonomi, budaya, kualitatif, kuantitatif.*

**KAPITAN KELING HERITAGE BUILDING:**

**A DETAILED STUDY THAT INCLUDES ASPECTS OF PRIVILEGES AND UNIQUENESS AS WELL AS THE IMPACT OF THE EXISTENCE ON THE LOCAL COMMUNITY.**

**ABSTRACT**

*A study has been carried out, which is a study of the Kapitan Keling Mosque's heritage building, a detailed study that includes aspects of privilege and uniqueness as well as the impact of its existence on the local community. This study is based on two objectives that make it study to conduct it. The objective is to identify in detail the features and uniqueness of the Kapitan Keling Mosque and analyze the social, economic, tourism, and cultural impact of the mosque on the local community. In achieving this objective, the use of methodology is also applied throughout the carrying out of this task, which includes a qualitative and also quantitative approach so that the necessary information and data can be obtained and are still related to the research being studied so as not to stray from the focused topic. The results of the study show that the Tulip Flower is a motif that gives uniqueness to the building of the Kapitan Keling Mosque. The majority of respondents also gave a positive reaction to the impact received as a result of the existence of the Kapitan Keling Mosque. Finally, this study is expected to also provide more information and data about the heritage building of the Kapitan Keling Mosque, in addition to being able to provide wider exposure to the community and be used as a reference for further studies.*

*Keywords: Kapitan Keling Mosque, speciality, uniqueness, analysis, impact, building, heritage, social, economy, culture, qualitative, quantitative.*

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Bab 1 akan membincangkan latar belakang kajian iaitu berkaitan dengan Bangunan Warisan Masjid Kapitan Keling dengan penekanan pada tinjauan terhadap keistimewaan dan keunikan serta impak kepada masyarakat tempatan. Selain itu, bab ini juga akan menghuraikan permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, lokasi kajian skop kajian, metodologi kajian secara umum, kepentingan kajian.

### **1.2 Latar belakang kajian**

Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang berada di utara semenanjung Malaysia. Pulau Pinang juga merupakan antara negeri kecil dalam Malaysia. Hal ini kerana saiz keluasan adalah sekitar 1,048 km<sup>2</sup> (405 batu persegi) dan terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pulau dan bahagian tanah besar iaitu Seberang Perai. Meskipun keluasan Pulau Pinang ini tidak sama dengan negeri yang lain namun keunikan yang ada di negeri ini tidak boleh dipandang rendah kerana nilainya yang sangat bermakna baik untuk negara kepada masyarakat. Pulau Pinang juga mempunyai kisah sejarah yang sangat menarik untuk dipelajari dan penting untuk diketahui oleh umum terutamanya generasi muda.

Pulau Pinang dahulunya merupakan sebahagian daripada Negeri Kedah Darul Aman. Beberapa kronologi sejarah telah berlaku sehingga Pulau Pinang kini menjadi sebuah negeri yang berdiri sendiri dan menjadi penyumbang besar kepada ekonomi negara Malaysia. Berdasarkan kronologi yang berlaku Pulau Pinang suatu ketika dahulu telah menjadi tanah pajakan kepada pihak British yang ketika itu dikenali sebagai Syarikat Hindia Timur (SHTI). Pajakan tersebut telah dilakukan oleh Sultan Kedah iaitu Sultan Muhammda Jiwa kepada pihak (SHTI) pada tahun 1786. Pajakan ini dibuat tidak sewenang-wenangnya malah mempunyai tujuan dan matlamat tertentu. Pajakan ini dimeterai oleh Sultan Kedah dan pihak British yang pada ketika itu dipimpin oleh Kapten Francis Light untuk membantu pihak Kedah daripada diserang dan diancam pihak Siam dan juga Burma. Pulau Pinang telah dijadikan negeri-negeri selat yang terdiri daripada 3 buah negeri iaitu Pulau Pinang, Melaka, dan juga Temasik yang ketika ini

dikenali sebagai Singapura. Kepentingan negeri-negeri ini adalah untuk mengukuhkan lagi kemampuan dan pengaruh British dalam hubungan perdagangan dan juga kawasan jajahan mereka.

Sehingga kini isu dan hal berkaitan pajakan masih diteruskan dan negeri Kedah masih lagi menerima bayaran daripada negeri Pulau Pinang meskipun Pulau Pinang telah diiktiraf sebagai negeri yang berdaulat dalam Malaysia. Walaubagaimanapun, kisah kronologi sejarah yang berlaku ini telah meninggalkan seribu satu kesan tinggalan yang sangat istimewa dan juga unik sehinggakan bandaraya Georgetown iaitu ibu negeri Pulau Pinang antara lokasi di Malaysia yang mendapat pengiktirafan sebagai tapak warisan dunia (UNESCO). Sudah pasti pelbagai hasil tinggalan kolonial dapat dilihat dan ditemui di bandaraya tersebut seperti Fort Cornwallis, Gereja St George, Masjid Kapitan Keling dan sebagainya. Masjid Kapitan Keling merupakan bangunan warisan yang menjadi fokus utama dalam kajian penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik supaya maklumat dan informasi berkaitan kajian dapat diperolehi dan dihuraikan dengan lebih lanjut berdasarkan kesahihan yang tepat.

Latar belakang kajian akan menjelaskan mengenai bangunan warisan Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang. Warisan merupakan satu tinggalan khazanah yang diwarisi nenek moyang terdahulu dan diturunkan kepada generasi ke generasi. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2015)*, mendefinisikan warisan sebagai harta peninggalan atau sesuatu yang turun temurun. Secara umumnya, warisan juga terbahagi kepada dua kategori iaitu warisan ketara dan warisan tidak ketara. Warisan ketara dapat didefinisikan sebagai sesuatu yang kekal dan tidak bergerak. Sebagai contoh, kawasan dan monumen yang dibina merupakan antara objek yang dikategorikan sebagai warisan ketara. Perkara ini jelas seperti yang dinyatakan dalam peruntukan Seksyen 2 yang tertakluk dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) yang menjelaskan bahawa warisan budaya ketara termasuklah kawasan, monumen dan bangunan. Manakala warisan tidak ketara pula ditafsirkan sebagai mana-mana bentuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu yang dihasilkan melalui muzik, not, lirik boleh didengar, nyanyian lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, muzik, tarian sebagaimana yang dihasilkan melalui seni pentas, persembahan teater, penggabungan bunyian dan muzik, seni pertahanan diri, yang telah wujud atau berhubung dengan warisan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia atau berhubung dengan warisan masyarakat Malaysia.



Masjid pula merupakan institusi yang sangat penting dalam dunia dan peradaban islam serta pembangunan umatnya. Berdasarkan kisah hidup baginda Nabi Muhammad S.A.W, perkara pertama yang dilakukan baginda ketika berhijrah dari Kota Mekah ke Kota Madinah ialah dengan membina sebuah masjid suci yang diberikan nama masjid *Quba'*. Masjid kini menjadi tempat dan wadah kepada seluruh umat Islam dan dalam masa yang sama menjadi pusat utama penyebaran dakwah serta ilmu-ilmu islam. Aktiviti solat, pengajian agama dan juga perhimpunan berkaitan keagamaan juga diadakan di masjid kerana fungsi yang menjadi tempat mengeratkan ukhuwah antara sesama umat muslim. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015), menyatakan bahawa masjid merupakan bangunan khas tempat umat islam melakukan solat jumaat dan ibadah lain.

Masjid Kapitan Keling merupakan sebuah bangunan sejarah yang utama terletak di negeri utara semenanjung Malaysia iaitu Pulau Pinang. Bangunan yang tersergam indah ini merupakan sebuah binaan yang usianya mencecah ratusan tahun iaitu sekitar 200 tahun dan merupakan lambang ikonik negeri serta lambang kebanggaan masyarakat tempatan kerana kekayaan terhadap nilai sejarahnya kepada negeri. Lokasinya yang terletak di dalam bandaraya warisan dunia (UNESCO) iaitu di Lebuhraya (sekarang dinaik tarafkan sebagai Jalan Masjid Kapitan Keling), Georgetown Pulau Pinang. Masjid Kapitan Keling merupakan antara monumen yang mendapat pengiktirafan sebagai monumen warisan dunia sebagaimana yang telah diisytiharkan oleh (UNESCO) pada tahun 2008 yang telah mengangkat Georgetown sebagai tapak warisan dunia.

Berdasarkan sejarah bangunan warisan ini, Masjid Kapitan Keling merupakan sebuah masjid yang dibina oleh golongan tentera British yang beragama islam dan mereka merupakan berketurunan India Muslim yang telah berkhidmat dengan pihak kolonial di Pulau Pinang ketika penghujung abad ke 18 di bawah Syarikat Hindia Timur (SHTI). Mereka kebanyakannya terdiri daripada etnik Tamil dan Malabar serta terdapat juga daripada kumpulan etnik dari negeri Gujarat dan Punjab. Dan mereka ini juga terdiri daripada pelbagai komuniti yang menganuti agama yang berbeza ada yang beragama hindu dan juga islam. Mereka ini kebanyakan berasal dari kawasan di pantai barat, utara dan juga selatan negara India. Tahun 1801 merupakan tahun dimana pembinaan masjid ini mula dilakukan dan nama masjid ini diilhamkan daripada pemimpin masyarakat India Muslim di Pulau Pinang yang dikenali sebagai Kapitan Keling. Kapitan merupakan perkataan pinjaman daripada bahasa Sepanyol yang membawa maksud *captain* dalam bahasa inggeris atau *ketua* dalam bahasa Melayu. Manakala perkataan Keling pula

bermaksud kumpulan masyarakat yang berasal daripada benua keling iaitu di negara selatan India.

Sebelum pembinaan bermula, pemimpin Kapitan Keling pertama di Pulau Pinang yang memimpin komuniti muslim dalam angkatan tentera British ketika itu ialah Caudeer Mohudeen Merican. Ketika beliau memimpin komuniti tentera islam British, beliau telah memohon tanah seluas lapan belas ekar daripada pihak British pada November 1801. Permohonan ini adalah bertujuan disebabkan keperluan komuniti tentera islam British untuk mempunyai rumah ibadat untuk melakukan hal-hal berkaitan keagamaan. Pembinaan masjid Kapitan Keling di kawasan tersebut jelas menunjukkan wujudnya toleransi keagamaan dalam kehidupan masyarakat tempatan dan ini jelas dapat dilihat lokasinya masjid yang berdekatan dengan rumah ibadat penganut Buddha iaitu tokong Kong Hock Keong yang telah dibina pada tahun 1800, manakala penganut Kristian pula adanya pula gereja St. George's yang dibina pada tahun 1818 dan kini telah berusia 200 tahun. Kuil Hindu Mahariamman yang dibina pada tahun 1833 juga terdapat berdekatan dengan lokasi masjid Kapitan keling.

### **1.3 Permasalahan kajian**

Dalam melaksanakan kajian ini adalah penting untuk mengenalpasti permasalahan yang timbul untuk menjadi teras kepada kajian penyelidikan. Oleh itu, kajian ini penyelidikan telah menggariskan 3 permasalahan kajian. Permasalahan yang timbul ini telah menjadi teras untuk penyelidikan melakukan kajian ini.

#### **1.3.1 Masalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dokumentasi keistimewaan dan keunikan.**

Kesukaran memperoleh kajian dokumentasi mengenai keistimewaan dan keunikan yang merangkumi aspek mengenai sejarah yang komprehensif dan lebih terperinci. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian yang memfokuskan aspek sejarah yang lengkap bermula dari peringkat awal kronologi pembinaan, perkembangan dan pengaruh yang terdapat pada bangunan warisan Masjid Kapitan Keling mungkin menjadi cabaran dalam menghuraikan dan merungkai sejarah masjid ini dengan lebih terperinci. Kebanyakan sumber yang diperolehi oleh penyelidik kebanyakan hanyalah dalam jumlah yang terhad informasi yang disampaikan dan terdapat juga pada sesetengah



kajian penyelidik lalu telah menghadkan kajian mereka kepada umum untuk dikongsikan. Penyelidik mungkin memerlukan rujukan daripada sumber-sumber yang sahih dan tepat mengenai sejarah bangunan dan ini sudah pasti mencakupi sumber seperti catatan peribadi, laporan pemerintah serta penulisan sejarawan tempatan (Rahman, 2010). Oleh itu, keperluan kajian ini sangat membantu dan mendukung penyelidik untuk menghasilkan sebuah kajian dengan maklumat yang lebih lengkap dan padat.

### **1.3.2 Informasi mengenai seni bina yang ada pada bangunan masjid.**

Selain itu, terdapat permasalahan lain yang dihadapi yang merujuk kepada aspek mengenai keistimewaan dan keunikan yang ada pada Masjid Kapitan Keling ini ialah hal-hal serta informasi mengenai seni bina yang ada pada bangunan tersebut. Umum mengetahui bahawa Masjid Kapitan Keling ini merupakan bangunan yang menjadi bukti kepada sejarah bahawa pihak kolonial pernah bertapak lamanya di Tanah Melayu pada ketika dahulu. Oleh sebab itu, pembinaan bangunan ini sudah pasti akan menerap dan mengaplikasikan unsur dari pengaruh luar dan ini memberikan satu keunikan dan keistimewaan kepada bangunan itu sendiri. Memandangkan monumen Masjid Kapitan Keling ini merupakan satu bangunan yang mempamerkan satu contoh karya seni bina yang menggabungkan unsur-unsur dari pelbagai budaya dan tradisi yang diterapkan pada bangunan tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian dan analisis yang lebih interaktif mengenai unsur dan juga pengaruh yang dibawa dalam seni bina masjid tersebut perlu dilakukan supaya kajian dan maklumat rujukan berkaitan masjid dapat ditambahbaik dengan berpandukan daripada maklumat yang tepat dan sahih. Oleh itu, kurangnya kajian yang lebih terperinci mengenai pengaruh-pengaruh ini dalam konteks reka bentuk dan struktur masjid boleh menjadi sukar dan memerlukan analisis yang mendalam untuk melanjutkan kajian mengenai bangunan warisan ini.

### **1.3.3 Impak yang diterima masyarakat hasil kewujudan masjid.**

Di samping itu, permasalahan lain yang berlaku dan memerlukan penelitian penyelidik ialah menilai impak yang diterima dari segi sosial, ekonomi, pelancongan, dan budaya terhadap masyarakat tempatan. Impak dari wujudnya binaan Masjid Kapitan Keling ini terhadap masyarakat tempatan mungkin sukar untuk dinilai secara objektif dan menyeluruh, terutamanya dalam perubahan demografi dan sosioekonomi sepanjang sejarah binaan bangunan tersebut berlaku. Penyelidik mungkin memerlukan penggunaan dan pendekatan kaedah kualitatif dan kuantitatif yang pelbagai untuk mendapatkan

maklumat berkaitan impak dan ini termasuklah kaedah temu bual, kajian lapangan, kaji selidik selidik yang akan melibatkan analisis data statistik.

#### **1.4 Persoalan kajian**

Melalui kajian yang dijalankan ini, terdapat beberapa persoalan yang timbul dan perlu dinyatakan bagi untuk mencapai objektif yang dirancang sejajar dengan fokus tajuk kajian. Antara persoalan yang diusulkan adalah seperti berikut:

1. Apakah keistimewaan dan keunikan yang terdapat pada Masjid Kapitan Keling?
2. Bagaimanakah impak bangunan warisan Masjid Kapitan Keling terhadap masyarakat tempatan dari aspek ekonomi, pelancongan, dan juga sosial budaya?
3. Apakah perspektif masyarakat terhadap bangunan warisan Masjid Kapitan Keling?

#### **1.5 Objektif kajian**

Keperluan untuk mencapai matlamat dalam kajian ini beberapa objektif telah dirumuskan agar penyelidikan yang dijalankan sejajar dengan tujuan yang dirancang. Objektif-objektif yang telah dibentuk dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti keistimewaan dan keunikan pada Masjid Kapitan Keling.
2. Menganalisis impak masjid kepada ekonomi, pelancongan, serta sosial budaya terhadap masyarakat tempatan.
3. Mengkaji perspektif masyarakat terhadap bangunan warisan Masjid Kapitan Keling.

#### **1.6 Skop kajian**

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah berkaitan bangunan warisan Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang yang akan memfokuskan keistimewaan dan keunikan yang ada pada bangunan tersebut. Hal ini kerana kajian ini akan meneliti beberapa faktor yang menjadi penyumbang kepada bangunan tersebut sehingga menjadikan ianya sebuah bangunan Sejarah yang kaya dengan keistimewaan dan

keunikan yang tersendiri. Kronologi kisah sejarah pembinaan dan perkembangan semasa Masjid Kapitan Keling sejak pembinaanya pada awal abad ke-19 hingga kini dengan memfokuskan pada peristiwa dan beberapa perubahan penting dalam konteks sejarah, sosial, dan juga budaya.

Selain itu, dari segi ruang lingkup geografi pula kajian penyelidikan akan difokuskan kepada Masjid Kapitan Keling yang bertempat di Jalan Buckingham yang berada di dalam kawasan bandaraya Georgetown, Pulau Pinang, Malaysia. Walaubagaimanapun, kajian yang dilakukan ini melibatkan pertimbangan dalam konteks yang lebih luas termasuk pengaruh seni bina dari kawasan sekitar yang mungkin penyumbang kepada perkembangan bangunan tersebut dan dalam masa yang sama juga hubungan antara masjid dengan masyarakat sekitar turut menjadi skop yang akan difokuskan. Hal ini kerana informasi-informasi penting daripada persekitaran juga adalah sangat penting kerana dapat menghuraikan dengan lebih jelas mengenai susur galur dari peringkat awal pembinaan masjid sehingga seperti yang dilihat pada hari ini.

Seterusnya, penyelidik juga akan menggunakan informan sebagai individu yang penting untuk memberikan maklumat dan data dalam kajian penyelidikan. Informan adalah individu yang terlibat secara langsung dalam kajian penyelidikan dan akan memberikan jawapan-jawapan kepada soalan, berkongsi pengalaman atau pandangan mahupun menyediakan maklumat yang relevan dengan topik penyelidikan. Informen juga adalah sumber penting dalam proses penyelidikan kerana mereka membantu penyelidik untuk memahami isu-isu yang dikaji dalam kajian ini. Informan yang terlibat dalam kajian penyelidikan adalah individu penting yang berada dalam organisasi Masjid Kapitan Keling. Kerjasama informan sangat penting dalam memastikan kualiti dan juga relevan hasil kajian penyelidikan.

Di samping itu, dalam kajian ini penyelidik juga akan melibatkan responden. Responden merujuk kepada individu yang akan memberikan respon atau jawapan kepada soalan dan pernyataan yang diajukan kepada mereka. Responden yang terlibat adalah mereka yang terdiri daripada komuniti masyarakat setempat di kawasan sekitar Masjid Kapitan Keling. Tujuan responden ini diperlukan adalah untuk memberikan maklumat dan data yang diperlukan penyelidik untuk mencapai objektif kajian penyelidikan. Dalam konteks penyelidikan, responden memegang peranan penting dalam memberikan data dan maklumat yang diperlukan untuk melakukan analisis hasil dapatan yang diperolehi.


Seterusnya, penyelidikan ini juga akan memfokuskan dari aspek yang menjadi faktor penyumbang kepada wujudnya keunikan yang ada pada bangunan tersebut seperti seni bina dan pengaruh yang ada. Kajian ini akan menganalisis unsur-unsur seni bina Masjid Kapitan Keling dan ini termasuk reka bentuk, struktur, bahan, dan dekorasi, serta pengaruh budaya dan tradisi yang berbeza yang terdapat dalam seni bina masjid. Meskipun begitu, dalam konteks tersebut ianya bukan sahaja memfokuskan kepada seni bina sahaja semata-mata malah juga merangkumi ciri-ciri keunikan yang terdapat pada monumen warisan tersebut yang dikatakan hanya terhad dan mempunyai pengaruh yang sama seperti terdapat pada beberapa bangunan di dalam negara.

Di samping itu, dari segi impak hasil kewujudan bangunan masjid ini juga menjadikan skop yang difokuskan dalam kajian ini. Impak dari segi sosial, ekonomi, budaya dan lain juga akan menjadi fokus dalam kajian ini. Kajian ini akan menilai bagaimana kesan Masjid Kapitan Keling terhadap masyarakat tempatan samaada dari segi interaksi sosial, kegiatan ekonomi, dan perkembangan budaya meskipun kepada negeri mahupun negara. Ini termasuklah peranan masjid dalam memupuk keharmonian sosial serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi tempatan dan mendorong pertukaran budaya. Kajian ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat daripada masyarakat sekitar mengenai impak pulangan yang mereka terima sepanjang binaan bangunan tersebut siap dibina dari zaman dahulu sehingga sekarang sehingga mendapat nama di peringkat antarabangsa seperti pengiktirafan sebagai tapak warisan warisan dunia oleh (UNESCO) pada tahun 2008.

Kesimpulannya, penyelidik mendapati bahawa kajian mengenai bangunan warisan Masjid Kapitan Keling dilihat masih berada pada tahap yang agak memberangsangkan terutamanya daripada kajian lanjutan oleh para penyelidik tempatan. Namun begitu, kajian lanjutan yang berterusan sangat diperlukan dan perlu dilaksanakan kerana dapat memperbanyakkan lagi maklumat dan data berkaitan yang lebih tepat. Memandangkan bangunan tersebut merupakan satu bangunan warisan penting malah merupakan mercu tanda dan lambang ikonik bagi warisan negeri dan negara yang perlu diberi perhatian yang serius kerana statusnya yang membawa nama negara di persada antarabangsa. Oleh itu, kajian lanjutan daripada penyelidik tempatan perlu dipertingkatkan dari masa ke masa bagi membolehkan kupasan maklumat baru dan data yang lebih jelas dapat ditemui. Oleh hal yang demikian, Masjid Kapitan Keling ini mempunyai nilai warisan sangat tinggi dan mempunyai keistimewaan dan keunikannya



yang tersendiri dan mungkin keunikan tersebut tidak ada dilihat pada rekabentuk struktur warisan yang lain, matlamat penyelidik yang ingin memfokuskan kepada keistimewaan dan keunikan yang merangkumi aspek sejarah bangunan warisan tersebut disamping juga menumpukan kepada aspek seni bina dan pengaruh yang terdapat pada monumen tersebut dan juga mengkaji impak yang diterima masyarakat tempatan hasil daripada wujudnya bangunan warisan Masjid Kapitan Keling.



Rajah 1.1: Peta Lokasi Masjid Kapitan Keling

Sumber: Google Maps

## 1.7 Definisi terminologi

Definisi terminologi secara khususnya adalah mengenai penjelasan atau pengertian dari istilah-istilah yang tertentu. Dalam konteks yang lebih luas, terminologi ini adalah mencakup kumpulan istilah yang digunakan dalam ilmu yang tertentu. Keperluan definisi terminologi ini sangat penting supaya pemahaman mengenai maksud-maksud istilah tertentu dapat diperjelaskan dengan lebih baik dan mengelak daripada masalah ketidakfahaman sesuatu istilah.

### 1.7.1 Bangunan

Merujuk kepada carian maklumat dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, bangunan adalah sesuatu yang dibangunkan. Bangunan juga merupakan sebuah struktur binaan yang merupakan hasil kerja yang dilakukan oleh manusia. Struktur bangunan misalnya terdiri daripada dinding, tiang dan juga bumbung dan mempunyai ruangan di dalam. Bangunan juga tidak tetap dan terhadap satu rekabentuk malah boleh dibina dan terdiri dalam pelbagai ragam rekabentuk yang telah diterapkan dengan pelbagai seni dan karya yang istimewa dan dikhususkan untuk menjadi perlambangan dan imej kepada sesuatu bangunan itu. Bangunan juga boleh mempunyai saiz dan ketinggian yang berbeza dan dalam masa yang sama mementingkan struktur yang kukuh dan juga stabil.

Meskipun begitu, merujuk juga kepada maklumat lain iaitu Undang-Undang Negeri Pulau Pinang, Enakmen 14 iaitu enakmen warisan negeri 2011 bahagian Tafsiran halaman 8 ada mentafsirkan “bangunan” artinya suatu bangunan atau Kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambung, yang disebabkan oleh seni binanya, kehomogenannya atau tempatnya dalam landskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains.

Namun begitu, peredaran zaman dan masa pasti memberi memberi impak yang hebat dalam rekabentuk bangunan. Perubahan ini dapat dilihat dari segi rekabentuk itu sendiri dimana setiap bangunan dibina menggunakan bahan dan teknologi yang seiring dengan perkembangan semasa. Rekabentuk bangunan juga boleh dipengaruhi budaya dan komuniti masyarakat di sesuatu tempat. Menurut S. Johar 2011, ada menyatakan bahawa antara komponen yang memainkan peranan yang amat penting dan menyumbang ke arah pembentukan sesuatu identiti sesuatu tempat ialah bangunan-bangunan lama.

### 1.7.2 Warisan

Warisan merupakan satu perkataan yang membawa pengertian dan makna melambangkan sesuatu peninggalan atau harta pusaka dari turun-temurun. Dalam konteks budaya pula, warisan juga diklasifikasikan sebagai nilai-nilai, seni atau tradisi tertentu yang diwariskan kepada generasi yang seterusnya. Perkara tersebut juga boleh

merangkumi dari segi aspek-aspek bahasa, adat istiadat, seni, dan nilai-nilai sosial yang dianggap penting dalam untuk dijaga, dipelihara dan terus diamalkan legasi seterusnya.

Walaupun bagaimanapun, menurut sumber lain iaitu Undang-Undang Malaysia, Akta 645, Akta Warisan Kebangsaan 2005 bahagian tafsiran halaman 16 menyatakan “warisan” membawa pengertian generasi Warisan Kebangsaan, tapak, objek dan warisan kebudayaan di bawah air sama ada disenarikan atau tidak dalam daftar.

Dari perspektif yang berbeza, menurut pernyataan Intan Khasumalina Mohd Khalid 2015, warisan adalah istilah yang digunakan untuk sesebuah negara yang mempunyai tradisi dan dipelihara dari segi nilai estetika senibina, atau elemen buatan manusia yang lain.

### **1.7.3 Masjid**

Berdasarkan carian maklumat melalui bahan ilmiah yang dirujuk iaitu Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, mendefinisikan bahawa masjid merupakan bangunan khas tempat umat islam melakukan solat jumaat dan ibadah-ibadah lain.

Dalam sejarah islam masjid merupakan satu institusi penting yang dibangunkan untuk kegunaan dalam komuniti islam dan merupakan tempat atau binaan yang sangat penting dalam menguruskan hal ehwal yang berkaitan agama islam. Hal ini terbukti dapat diketahui sejak dari zaman kepimpinan Rasulullah SAW lagi masjid telah menjadi nadi yang sangat penting dalam menjalankan aktiviti yang memberi kemakmuran kepada agama islam itu sendiri. Ini dapat dilihat apabila pembinaan Masjid Nabawi telah menjalankan fungsi dan peranannya yang tersendiri yang merangkumi aspek-aspek yang besar penting seperti perkara berkaitan ibadat, ilmu, politik, ekonomi, ketenteraan, pentadbiran dan sebagainya lagi. Menurut Syamsul Kurniawan 2014, menyatakan bahawa masjid sekarang ini fungsi masjid mulai menyempit tidak sebagaimana fungsinya pada masa Rasulullah Saw, masjid menjadi pusat kegiatan politik, ekonomi, sosial dan budaya umat. Perkembangan dan perubahan terhadap fungsi masjid pasti berlaku hal ini kerana seiring dengan perkembangan semasa akan tetapi tetap tidak mengetepikan fungsi dan peranannya dalam komuniti terutamanya penganut yang beragama islam.

#### 1.7.4 Bangunan warisan

Bangunan warisan merupakan gabungan perkataan yang membawa maksud yang sedikit berbeza daripada makna asal kedua-dua perkataan tersebut. Bangunan warisan merujuk kepada satu struktur bangunan atau monumen yang mempunyai nilai sejarah, budaya, seni atau tinggalan arkeologi yang dianggap sangat penting kepada masyarakat dan juga negara, adapun menjadi satu khazanah warisan yang diwarisi dari ketika zaman dahulu. Namun merujuk kepada sumber lain, Nik Saiful Ameyrul (2021) ada menyatakan bahawa bangunan warisan bersejarah ialah bangunan hasil daripada zaman kolonial. Dalam sumber yang sama juga, sesebuah bangunan itu boleh digelar sebagai bangunan warisan sekiranya ia mempunyai nilai seperti seni bina, estetik, sejarah, dokumentari, arkeologi, ekonomi, sosial, politik, rohani dan simbolik (Nik Saiful Ameyrul, 2021). Tambahan pula, menurut Prihatmanti Rani 2017, ada menyatakan bangunan warisan adalah saksi masa lalu yang wajar disimpan untuk mengekalkan kenangan. Bangunan-banguna warisan ini sangat berperanan dalam membentuk sejarah suatu tempat, masyarakat malah menjadi satu tonggak dalam mengekalkan identiti asli budaya dan secara langsung menjadi penyumbang kepada kekayaan warisan sesuatu negara dan masyarakatnya sendiri.

Bangunan warisan ini boleh dibahagikan kepada beberapa ciri yang menggambarkan bahawa bangunan tersebut adalah bangunan warisan. Nilai Sejarah dan budaya pada bangunan merupakan ciri yang membolehkan sesuatu bangunan tersebut dikategorikan sebagai bangunan sejarah. Bangunan tersebut mestilah mencerminkan kisah sejarah terbina bangunan tersebut dan ada mempunyai kaitan dengan tokoh-tokoh terkenal mahupun gaya arkitekstur yang digunakan pada bangunan tersebut mencerminkan budaya sesuatu Masyarakat di sesuatu tempat. Ciri lain seperti keaslian struktur bangunan tersebut. Ciri tersebut membawa maksud bahawa bangunan warisan tersebut mestilah daripada struktur asal dari awal pembinaan tanpa mengubah rekabentuk asal bangunan meskipun pembaikpulihan dilakukan. Perkara tersebut juga turut dinyatakan oleh S.N.Harun 2011, rekabentuk dan bahan termasuk gaya seni bina dan teknik pembinaan dianggap sebagai nilai penting dalam bangunan itu kerana ia menghimpunkan sejarah silam.



## **1.9 Kepentingan kajian**

Setiap kajian yang dilakukan sudah pasti mempunyai hala tujuan yang perlu dikecapi dan sudah pasti memerlukan komitmen yang tinggi ketika penghasilannya untuk mendapatkan jawapan dan hasil yang terbaik. Penyelidik memilih kajian berkaitan bangunan warisan Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang adalah disebabkan nilai warisan yang ada pada bangunan tersebut adalah sangat tinggi dan menarik kerana ianya merupakan bangunan yang telah berusia ratusan tahun lamanya dan sudah tentu mempunyai kisah sejarah dan keunikannya yang tersendiri. Kajian ini juga membantu dalam memahami sejarah dan warisan budaya yang terkait dengan Masjid Kapitan Keling yang merupakan salah satu mercu tanda bersejarah di Georgetown, Pulau Pinang (Khoo, 2007). Dengan mempelajari sejarah pembinaan dan perkembangan masjid sudah pasti kita akan lebih menghargai nilai-nilai sejarah dan keunikan tempat tersebut. Dengan pengiktirafan daripada pihak badan berkepentingan dunia yang berkreativiti tinggi seperti UNESCO yang telah memberikan pengiktirafan kepada bandaraya Georgetown lalu sekaligus mengiktiraf Masjid Kapitan Keling sebagai warisan dunia dalam masa yang sama. Perkara tersebut jelas bukanlah satu pengiktirafan yang sia-sia akan malah sangat perlu dibanggakan oleh masyarakat tempatan terutamanya daripada generasi muda. Oleh sebab itu, kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini membawa kepentingan yang menyeluruh yang merangkumi masyarakat, pendidikan, negara dan juga kepada penyelidik sendiri.

### **1.9.1 Penyelidik**

Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini sedikit sebanyak memberikan pulangan dan kepada penyelidik. Hal ini kerana, kajian yang dilakukan ini dapat memberi peluang kepada penyelidik untuk mendalami pelbagai aspek yang lebih terperinci yang merangkumi aspek sejarah, seni bina, budaya, agama dan juga kesan terhadap masyarakat. Kajian ini juga memberi pendedahan kepada penyelidik mengenai bagaimana masyarakat dan komuniti sekitar Masjid Kapitan dapat memanfaatkan hasil daripada pembinaan dan kewujudan masjid terhadap multikulturalisme dan juga perpaduan sosial. Tambahan pula, kajian ini juga dapat memperlihatkan kepada penyelidik mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masjid melalui globalisasi, teknologi dan juga isu-isu sosial. Hal tersebut termasuk inisiatif yang diambil oleh pihak

masjid untuk memastikan relevansi dan juga keberkesanan masjid dalam membantu komuniti setempat.

### **1.9.1 Masyarakat**

Selain itu, kajian yang dilakukan penyelidik juga dapat memberi pendedahan yang lebih luas kepada masyarakat terutamanya dalam pengetahuan nilai seni bina serta pengaruh yang ada pada bangunan warisan Masjid Kapitan Keling. Hal ini dikatakan demikian, kerana ilmu pengetahuan mengenai seni bina bangunan warisan ini penting kerana seni bina merupakan satu perkara yang melambangkan identiti bagi sebuah masyarakat dan perlu dipertahankan untuk diamati dan dihargai oleh generasi yang akan datang disamping menjulang nilai seni tempatan. Masjid Kapitan Keling menampilkan gabungan seni bina Melayu, Moor, dan juga India yang mencerminkan kepelbagaian etnik dua budaya di Pulau Pinang (Nasution & Zahari, 2013). Oleh itu, dengan adanya kajian ini, membolehkan kita memahami bagaimana pengaruh seni bina ini berkembang menjadi pilihan masyarakat dahulu untuk digunakan pada setiap bangunan yang dibina malah dalam masa yang sama melihat bagaimana ia mencerminkan perpaduan budaya masyarakat di rantau ini suatu ketika dahulu.

Seterusnya, kajian ini juga tidak hanya mengupas kisah keistimewaan bangunan warisan tersebut dari segi sejarah dan seni bina semata-mata akan tetapi turut juga akan menilai impak yang diterima masyarakat tempatan setelah wujudnya Masjid Kapitan Keling ini sejak awal pembinaan sehinggalah pada masa sekarang. Kajian ini juga penting untuk menilai impak Masjid Kapitan Keling terhadap masyarakat sekitar dari segi sosial, ekonomi, dan budaya (Ismail & Suhara, 2013). Dengan adanya kefahaman dan pengetahuan yang lebih baik hasil daripada kajian ini yang memfokuskan mengenai impak ini, pasti pihak berkepentingan dapat merancang strategi, intervensi atau program yang lebih efektif untuk menambah baik seiring dapat memberikan pulangan yang lebih baik untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan secara tidak langsung pemeliharaan warisan budaya tempatan dapat dicapai secara sepakat antara masyarakat dan juga badan kerajaan.

### **1.9.2 Pendidikan**

Di samping itu, kajian ini juga berperanan dalam meningkatkan kesedaran dan kualiti Pendidikan dan pengetahuan masyarakat tidak kira masyarakat tempatan mahupun luar. Penyelidik percaya bahawa dengan melalui hasil kajian ini dapat nilai meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai sejarah, serta mengembangkan lagi pengetahuan masyarakat mengenai perkara yang melibatkan kreativiti seni bina dan kepentingan Masjid Kapitan Keling sebagai bangunan warisan disamping memperkayakan pendidikan ilmu yang berkaitan mengenai warisan budaya tempatan supaya pengetahuan masyarakat mengenai warisan budaya dan sejarah Malaysia berada pada tahap yang memberangsangkan dan seiring meningkatkan ajakan paradigma masyarakat tempatan.

Oleh itu, jelaslah bahawa kepentingan kajian ini tidak hanya menguntungkan kepada penyelidik semata-mata malah kebaikan kajian lebih menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat. Kajian yang dilakukan ini juga tidak hanya akan berpaksikan kepada satu karya sahaja malah kajian ini akan lebih berkembang dan akan terus dikaji dengan lebih mendalam oleh penyelidik dari generasi yang akan datang. Ini juga jelas terbukti penyelidikan yang dilakukan ini akan menjadi lanjutan dan segala maklumat dan data yang diperolehi dan dikembangkan dan diterokai sehingga menghasilkan sebuah kajian yang lengkap dengan data yang sahih dan juga tepat.

### **1.9.3 Ekonomi**

Kepentingan kajian penyelidikan ini juga memberi manfaat kepada perkembangan sektor ekonomi. Dengan adanya kajian penyelidikan pihak berkepentingan dapat membangunkan satu inisiatif untuk membangunkan dan merencanakan lagi pembangunan kawasan sekitar. Melalui penyelidikan ini juga dapat membantu mengukur impak masjid ini yang dijadikan sebagai tempat ibadah yang berperanan memberikan impak kepada perkembangan ekonomi mikro komuniti setempat. Kewujudan Masjid Kapitan Keling sebagai pusat keagamaan telah membuka satu ruang kepada permintaan untuk mendapatkan khidmat bantuan yang dapat membantu meningkatkan satu peluang pendapatan peniaga tempatan.

Oleh itu, dengan kajian penyelidikan ini juga dapat memberikan satu pandangan yang lebih menyeluruh berkenaan impak ataupun sumbangan Masjid Kapitan Keling

terhadap pertumbuhan ekonomi sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat kebangsaan. Dalam masa yang sama kajian ini juga dapat melihat bagaimana persepsi komuniti masyarakat memberikan pendapat yang mereka terima dari segi ekonomi, pelancongan, dan juga sosial hasil daripada kewujudan Masjid Kapitan Keling.

#### **1.9.4 Negara**

Kajian penyelidikan terhadap bangunan warisan Masjid Kapitan Keling ini sudah tentu menyumbangkan satu implikasi yang sangat baik kepada negara. Hal ini kerana, Masjid Kapitan Keling merupakan satu binaan warisan yang memainkan peranan yang sangat signifikan dalam menjadi penyumbang kepada kekayaan sejarah, dan juga budaya negara Malaysia. Meskipun masjid ini memainkan peranan yang sangat penting dalam institusi agama Islam dan menjadi satu lambang kebanggaan bagi penganutnya akan tetapi keistimewaan dan keunikan yang ada pada bangunan tersebut memperkayakan lagi identiti kepada negara Malaysia.

Kajian yang dilakukan ini juga secara tidak langsung dapat merungkai konteks sejarah Masjid Kapitan Keling yang menjadi saksi kepada kronologi dan perjalanan masa negara dari dahulu sehingga kini. Kajian ini juga tidak lari daripada memberi pendedahan bagaimana peranan masjid dalam peristiwa sejarah negara dan juga termasuk perjalanan kehidupan komuniti-komuniti masyarakat yang wujud dari awal sehingga kini membentuk satu komuniti masyarakat yang berbilang bangsa dan agama dan hidup dalam sejahtera. Oleh itu, dengan adanya penyelidikan ini dapat memberi sumbangan kepada negara dan membuka satu pintu pemikiran dan kesedaran yang baru, dan juga lebih mendalam terhadap nilai-nilai warisan sejarah tempatan dan bersama dapat mengukuhkan lagi kefahaman dan pengetahuan masyarakat dalam konteks warisan tempatan.

#### **1.10 Rumusan bab**

Tujuan kajian terhadap monumen warisan Masjid Kapitan Keling ialah dapat memberikan pengumpulan lebih banyak maklumat dan informasi yang lebih jelas mengenai sejarah yang wujud disebalik terbinanya monumen warisan ini. Kesan dan impak yang diterima masyarakat setelah monumen Masjid Kapitan Keling wujud juga memainkan peranan penting dalam membentuk keharmonian kepelbagaian masyarakat

tempatan yang dilihat sehingga ke hari ini. Dengan itu melalui bab ini, penyelidik akan membuat pemerhatian dengan berpandukan objektif yang telah dirangka, tajuk serta permasalahan yang dihadapi sepanjang penyelidikan dilakukan. Pemerhatian yang dilakukan dapat membantu penyelidik untuk membuat rangka perancangan kajian yang lebih baik supaya tiada sebarang masalah yang timbul ketika penyelidikan dilakukan pada peringkat yang lebih mendalam terhadap kajian yang dilakukan. Kaedah pemerhatian yang dilakukan adalah bertujuan untuk menetapkan objektif, tajuk dan juga mengenal pasti permasalahan yang berlaku ketika kajian ini dilaksanakan. Dengan adanya tindakan mahupun langkah yang sebegini, ini membantu melancarkan setiap peringkat pelaksanaan kajian ini.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Pada bahagian bab ini penyelidik akan menghuraikan memberapa maklumat dan informasi yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dipilih dalam pelaksanaan kajian penyelidikan ini. Maklumat yang akan diketengahkan adalah merangkumi maklumat serta data-data yang dilakukan oleh penyelidik yang lepas yang akan dijadikan sebagai rujukan dan contoh kepada penyelidik bagi mengembangkan lagi pengumpulan data dan maklumat penyelidik. Dalam sorotan kajian ini penyelidik akan merangkumi sejarah dan perkembangan kebudayaan masyarakat di Pulau Pinang, impak kebudayaan terhadap perkembangan agam Islam di Pulau Pinang serta, sejarah dan perkembangan Masjid kapitan Keling.

#### **2.2 SEJARAH DAN PERKEMBANGAN KEBUDAYAAN MASYARAKAT DI NEGERI PULAU PINANG.**

##### **2.2.1 Sejarah Pulau Pinang**

Setiap negeri-negeri di Malaysia mempunyai kisah dan kronologi sejarahnya yang tersendiri, sejarah yang terungkap dan yang telah direkodkan tidak berlaku kerana diwujudkan masyarakat tempatan semata-mata malah ada juga kisah sejarah yang berlaku disebabkan pencetusan yang diwujudkan oleh penjajah terutamanya dari negara-negara Eropah. Negeri-negeri yang mempunyai tinggalan secara daripada kolonial adalah negeri Pulau Pinang, Melaka dan juga Temasek (Singapura). Perkara tersebut berlaku kerana negeri-negeri tersebut merupakan negeri yang dikenali negeri-negeri selat oleh penjajah kerana fungsi dan kepentingannya kepada penjajah. Pulau Pinang antara yang menerima tempias yang luas daripada penjajah luar jika ingin dibandingkan dengan negeri lain dan ini jelas dapat dibuktikan dengan hasil-hasil tinggalan yang masih ada sehingga ke hari ini di negeri Pulau Pinang. British merupakan empayar penjajah yang paling besar menakluki bumi Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu malah termasuk juga negara asia tenggara yang lain seperti Burma (Myanmar). Penjajahan dan penaklukan yang dilakukan kolonial British telah meninggalkan seribu satu kisah sejarah di Pulau Pinang dan



sehingga ke hari ini bukti tinggalan tersebut masih wujud dan kukuh meskipun telah menjangkau dan melalui peredaran dan perkembangan masa. Antara tinggalan yang masih wujud sehingga ke hari ini ialah Fort Cornwallis, Masjid Kapitan Keling, landasan keretapi Bukit Bendera, dan juga gereja St. George dan terdapat juga beberapa tinggalan binaan daripada zaman kolonial British.

Meskipun begitu berbalik semula kepada sejarah Pulau Pinang sebelum wujudnya kedatangan dan penjajahan daripada kolonial British, Pulau Pinang dikenali sebagai Pulau Ka satu. Nama tersebut wujud adalah hasil daripada pemberian seorang pelayar yang dikenali sebagai Ragam. Nama tersebut diberikan kerana pulau tersebut merupakan satu-satunya pulau yang dijumpai oleh Ragam sepanjang melakukan pelayaran berdagang secara ulang-alik daripada Lingga ke Kedah dan melihat keadaan saiz pulau yang besar serta kedudukan geografinya yang terpisah daripada kawasan daratan tanah besar. Tambahan pula, di Pulau Pinang terdapat satu kawasan yang dinamakan sebagai Batu Uban. Lokasi Batu Uban ni terletak di kawasan Gelugor, Pulau Pinang. Nama Batu Uban ini diambil dan diilhamkan daripada sebuah batu yang ada di kawasan tersebut. Menurut Noriah Mohamed et al., (2016) menyatakan bahawa nama Batu Uban diperolehi daripada sebuah batu yang mempunyai rupa bentuk yang menyerupai kepala manusia yang mempunyai uban yang sangat banyak di kawasan tersebut.

Memandangkan batu uban merupakan satu kawasan penempatan yang menjalankan aktiviti perdagangan di Pulau Pinang ini jelas membuktikan bahawa kawasan tersebut mempunyai aktivi ekonomi yang rancak di Pulau Pinang pada suatu ketika dahulu . Menurut Noriah Mohamed et al., (2016) menyatakan bahawa Batu Uban ini merupakan kawasan pelabuhan pertama dan paling awal dibuka di Pulau Pinang. Batu Uban berkembang lebih maju berbanding kawasan lain sehinggalah pelabuhan yang baru dibuka oleh pihak kolonial di Tanjung Penaga. Pembukaan Batu Uban ini dikatakan dibuka oleh individu yang berasal daripada kepulauan Sumatera, Indonesia. Menurut Noriah Mohamed et al., (2016) menyatakan dalam kajiannya bahawa Batu Uban telah dibuka oleh Haji Mohammad Salleh atau nama sebenar beliau adalah Raja Nan Intan Ibni Almarhum Tengku Pateh Sebatang dan turut dipanggil sebagai Nakhoda Intan dalam kalangan pengikut dan penduduk tempatan di tempat asal beliau. Bukti yang menyatakan bahawa Nakhoda Intan adalah individu pertama yang membuka Batu Uban ini adalah pembinaan masjid Batu Uban. Menurut Noriah Mohamed et al., (2016) setibanya Nakhoda Intan di Batu Uban beliau telah membina sebuah surau kecil untuk dijadikan

sebagai tempat ibadat bagi penduduk setempat. Walau Bagaimanapun, surau tersebut mula melalui proses penambahbaikan dan pembesaran bermula tahun 1784. Tarikh tersebut adalah berdasarkan paparan papan tanda yang diletakkan pada bahagian pagar depan utama masjid tersebut. Perantauan beliau ke Pulau Pinang telah membuka penempatan penduduk dan dalam masa yang sama membangunkan kawasan tersebut dengan ekonomi.

Walaupun bagaimanapun, kepimpinan beliau dalam mentadbir dan memimpin masyarakat di sana tidak lagi seperti biasa apabila muncul dan datangnya pihak kolonial British di Pulau Pinang. Tindakan pihak British dengan mengambil alih Pulau Pinang menjadi tanda kemasukan aktiviti penjajahan di Tanah Melayu terutamanya Pulau Pinang pada ketika itu. Hal tersebut dapat dibuktikan lagi dengan kenyataan menurut Noriah Mohamed et al., (2016), pengambilan Pulau Pinang pada 11 Ogos tahun 1786 oleh ketua kolonial British iaitu Francis Light merupakan titik penting dalam catatan sejarah negara Malaysia kerana pengambilan ini menunjukkan bahawa bermulanya kemasukan kuasa-kuasa asing terutamanya barat di negeri Tanah Melayu. Tragedi terpisahnya Pulau Pinang daripada negeri-negeri ketuanan Melayu Kedah telah menyebabkan negeri Pulau Pinang mula berdiri mencipta serta mempunyai identiti sebagai negeri berkoloni inggeris.

Pengambilan Pulau Pinang daripada negeri Kedah bukanlah melalui satu perjanjian yang sah di sisi undang-undang malah mempunyai agenda dan keinginan yang menyimpang dari pihak British kepada pihak Kedah dan mengambil kesempatan di atas kesempatan yang dilalui kerajaan Kedah pada ketika itu. Pengambilan ini bermula Sultan Muhammad Jiwa memberikan beberapa penawaran kepada pihak kolonial Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) dengan syarat pihak British memberikan bantuan ketenteraan kepada pihak Kedah. Syarat tersebut diminta oleh pihak Kedah disebabkan oleh keinginan Kedah untuk mengekang pihak lawan daripada Siam yang cuba mengganggu kedaulatan Kedah pada ketika itu dan sekaligus mengekalkan kemerdekaan Kedah. Tahun 1771 merupakan tahun di mana penyerahan Pulau Pinang kepada pihak British. Penyerahan ini jelas telah memberikan gambaran bahawa pihak British telah berjaya menguasai dan mempunyai tanah jajahan tambahan di luar Eropah dan berjaya mempunyai mencipta empayar di rantau Asia Tenggara.

Dalam pada itu, penguasaan ini memberikan peluang kepada pihak British untuk menguasai laluan dagangan ekonomi yang menghubungkan timur dan barat



memandangkan pemerolehan bahan dagangan dari China sangat penting untuk kepentingan British. Jika dilihat dari sudut lain, penyerahan Pulau Pinang ini juga mungkin menguntungkan pihak Kedah juga kerana Kedah dapat mempunyai hubungan dua hala dengan pihak British. Menurut Noriah Mohamed et al., (2016), Sultan Kedah mengatakan bahawa Kedah mestilah mewujudkan hubungan dengan negara yang mempunyai kekuatan supaya usaha untuk menghalang dan mematahkan cubaan musuh dari Burma dan juga Siam dapat dicapai.

Seterusnya, pemberian Pulau Pinang oleh Kedah kepada pihak SHTI memerlukan beberapa syarat yang perlu dikotakan dan ditunaikan oleh pihak British iaitu menjamin negeri Kedah daripada ancaman musuh dengan menyalurkan bantuan ketenteraan dan memberikan pajakan dengan bayaran tahunan sebanyak 30000 Dollar Sepanyol untuk setiap tahun kepada Kedah. Walaubagaimanapun, syarat dan tawaran yang diberikan perlu dimaklumkan kepada pihak SHTI di India samaada menyetujui atau tidak. Namun demikian, tawaran tersebut seperti tidak diendahkan oleh pihak British dan seolah tidak memaklumkan kepada SHTI di India. Pendudukan British di Pulau Pinang pada awalnya dianggap sementara memandangkan menunggu maklum balas daripada pihak SHTI di India mengenai tawaran dari Sultan Kedah. Namun begitu, sebaliknya telah berlaku pendudukan Francis Light telah berlaku di Pulau Pinang pada 11 Ogos 1786 dengan atas nama Raja England iaitu King George III. Bermula daripada masalah tersebut, Sultan telah mengetahui dan menganggap bahawa British telah menipu daya Kedah malah tidak sama sekali memberikan bantuan ketenteraan kepada Kedah. Perkara ini sedikit sebanyak menjejaskan hubungan Kedah dengan pihak British. Sultan Kedah iaitu Sultan Abdullah secara serta-merta mengenakan beberapa sekatan terutamanya dalam sekatan ekonomi dan menyekat dan menghalang daripada adanya kemasukan kapal-kapal dagang memasuki Pulau Pinang.

Dalam masa yang sama Kedah juga mengisytiharkan perang dengan British akan tetapi peperangan yang dicetus telah menyebabkan Kedah mengalami ketewasan yang teruk sehingga kekalahan dalam peperangan ini telah menjerat Kedah. Secara tidak langsung, Sultan Kedah terpaksa mengambil langkah berbaik semula dengan Francis Light. Kekalahan ini telah membawa kepada satu perjanjian baru antara Kedah dan juga Francis Light dan perjanjian damai ini telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Menurut Noriah Mohamed et al., (2016) menyatakan bahawa perjanjian damai telah ditandatangani pada 1 Mei 1791 oleh Kedah dan juga British. Kekalahan dan tindakan

secara melulu oleh Kedah telah menyebabkan jumlah pajakan telah diturunkan oleh British yang hanya perlu dibayar sebanyak 6000 dolar Sepanyol malah hal ehwal berkaitan sekatan cukai dan juga sekatan-sekatan kapal daripada SHTI tidak boleh dikenakan dan perlu ditarik balik oleh Kedah. Kronologi yang berlaku ini telah membuka peluang dan kelebihan kepada Francis Light untuk menakluki dan menguasai Pulau Pinang meskipun dilakukan dengan pelbagai tipu helah yang telah direka oleh Francis Light. Menurut Noriah Mohamed et al., (2016) menyatakan perjanjian yang dilakukan oleh kedua-dua pihak antara Kedah dan British ini secara tidak langsung telah mengiktiraf penjajahan Syarikat Hindia Timur Inggeris di Pulau Pinang. Penguasaan British ke atas Pulau Pinang membuatkan pelbagai aspek dari segi ekonomi, budaya, sosial di Pulau Pinang mengalami perubahan. Perubahan ini tidaklah merubah secara menyeluruh dan ketara akan tetapi masih ada lagi aspek yang asal masih ada dan wujud sehingga ke hari ini.

Aspek yang dibawa dan yang diubah apabila penguasaan British ini adalah wujudnya pengamalan dan dasar sistem pemerintahan kolonial British yang memperkenalkan ideologi kolonial. Dalam pada itu, aspek pembangunan juga tidak terasing apabila British mula membina bangunan dengan menerapkan pengaruh daripada barat. Pembinaan ini dapat mengukuhkan lagi penguasaan British ke atas kerajaan tempatan pada ketika era pendudukan British. Terdapat beberapa bangunan yang masih wujud ke hari ini yang membuktikan kuasa kolonial pernah mendarat dan bertapak di Pulau Pinang dan perkara tersebut jelas dapat dibuktikan dengan adanya binaa kubu pertahanan perang iaitu Fort Cornwallis, Queen Victoria Memorial Clock Tower, dan terdapat juga binaan bangunan keagamaan seperti gereja St George dan juga Masjid Kapitan Keling. Lokasi-lokasi binaan tersebut kini berada dalam lingkungan kawasan Georgetown dan hanya dibezakan dengan fungsi dan reka bentuk yang terdapat pada binaan bangunan tersebut.

Kesimpulannya, jelas dapat disimpulkan bahawa sejarah yang terungkap di Pulau Pinang ini merupakan satu indikator yang sangat penting dalam menggambarkan asal usul dan bagaimana terbentuknya bentuk sebuah negeri Pulau Pinang yang makmur dan berkembang. Dari awal penjajahan sehinggalah mencapai kemerdekaan Pulau Pinang telah mendepani pelbagai peristiwa-peristiwa yang telah membentuk identiti dan kebudayaannya yang tersendiri sehingga kini dilihat berkembang maju dan membangun. Penjajahan kolonial barat yang telah mempengaruhi beberapa aspek seperti aspek

perdagangan dan pentadbiran. Aspek tersebut telah mencetuskan semangat perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dan membentuk naratif sejarah yang tersendiri. Dalam pada itu, Pulau Pinang merupakan antara negeri yang menjadi mercu tanda penting dalam membentuk Malaysia yang moden seperti yang dilihat pada hari ini kerana terus menyumbang kepada ekonomi, budaya, dan juga sosial. Pengiktirafan demi pengiktirafan diterima oleh negeri seperti pengiktirafan tapak warisan dunia (UNESCO) telah membawa Pulau Pinang ke satu langkah yang lebih ke hadapan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan warisan-warisan tempatan. Dengan adanya kefahaman dan pengetahuan mengenai sejarah Pulau Pinang kita dapat mengapresiasi lagi kepelbagaian dan kekayaan budaya warisan Pulau Pinang untuk mercu tanda penting kepada Malaysia.

## **2.2.2 Perkembangan kebudayaan di negeri Pulau Pinang.**

### **a. Kaum cina**

Penjajahan kolonial telah membawa perubahan yang besar dalam konteks masyarakat di Tanah Melayu pada satu ketika dahulu dan ianya kekal sehingga ke hari ini. Perubahan yang berlaku ini telah mewujudkan satu komuniti masyarakat yang majmuk dan berbilang kaum di Malaysia. Namun begitu, perubahan ini yang berlaku sudah pasti mempunyai kisah dan kronologinya yang tersendiri. Kaum Cina merupakan antara tiga kaum yang utama di Malaysia selepas kaum Melayu. Majoriti kaum cina di Malaysia ini kebanyakannya berada di Pulau Pinang. Mereka terdiri daripada Hokkien, Cantonese dan juga Hakka. Pulau Pinang merupakan antara negeri yang mempunyai jumlah penduduk kaum Cina paling ramai di Malaysia. Komuniti Cina di Pulau Pinang mempunyai sejarah yang panjang, ianya bermula dari zaman penjajahan British lagi. Menurut Nik Hasnaa Nik Mahmood (1997) ada menyatakan selepas berlakunya pembukaan Pulau Pinang oleh kolonial British Francis Light pada tahun 11 Ogos 1786 maka bermulalah penghijrahan masyarakat Cina ke Tanah Melayu dan jumlah mula bertambah banyaknya. Peningkatan ini berlaku secara signifikan ketika pemerintahan British kerana mereka dasar yang dipegang oleh kolonial di Tanah Melayu dengan menjadikan Pulau Pinang sebagai penempatan pertama mereka.

Dasar yang dibawa oleh pihak British adalah berbeza berbanding dengan penjajahan kolonial yang lain seperti Portugis dan juga Belanda ketika menjajah Tanah Melayu.

Ketika British meluaskan penaklukan di tanah jajahannya mereka telah mengamalkan satu prinsip iaitu menggalakkan berlakunya penghijrahan kemasukan orang Cina ke tanah jajahan mereka. Tanah Melayu antara yang menjadi lokasi yang menjadi penghijrahan orang Cina kerana British menganggap dan menyedari kepentingan dan kebolehan yang ada pada orang Cina kerana keupayaan untuk menghasilkan satu sumber kekayaan yang baru di wilayah jajahan takluk yang baru dibuka oleh British.

Keberadaan kaum cina di Pulau Pinang telah memberikan satu sumbangan yang luas dan signifikan kepada pembangunan negeri. Di zaman penjajahan, ramai pendatang Cina dari tanah besar China telah berhijrah untuk memulakan hidup baru dan mencari sumber pendapatan dan peluang ekonomi terutamanya dalam sektor pembangunan. Kedatangan kaum Cina ke Tanah Melayu juga adalah galakan daripada pihak British yang memegang dasar galakan penghijrahan kaum lain ke tanah jajahan mereka. Sebelum datangnya pihak kolonial, Tanah Melayu hanya didiami masyarakat pribumi sehingga datangnya penjajah kolonial telah membawa perubahan yang drastik dalam komposisi kaum di Tanah Melayu. Ketika kolonial menaungi pentadbiran Tanah Melayu mereka telah melakukan pengasingan terhadap kumpulan etnik di Tanah Melayu dan membahagikan kawasan penempatan mengikut kaum. Kaum Cina ditempatkan di dalam kawasan bandar kerana keupayaan dan kelebihan yang ada pada kaum Cina dalam aktiviti perniagaan. Dan pembahagian ini juga tidak hanya ditetapkan oleh pihak British semata-mata malah juga disebabkan oleh keinginan kaum Cina sendiri untuk menetap di kawasan bandar akan tetapi terdapat juga sebahagian daripada komuniti mereka ada tinggal di kawasan luar bandar. Menurut Nik Hasnaa Nik Mahmood (1997), ada menyatakan bahawa kaum cina lebih cenderung untuk membuat penempatan mereka di kawasan-kawasan bandar di Tanah Melayu, akan tetapi ada daripada mereka yang terdesak dengan keadaan yang memaksa mereka untuk berhijrah ke kawasan atau daerah lain untuk mengusahakan tanah dan juga melakukan kerja-kerja lain seperti perlombongan bijih timah.

Di Pulau Pinang kawasan Georgetown sebahagian besar kaum Cina tinggal di kawasan bandar tersebut dan juga kawasan sekitarnya dan sehingga ke hari ini kaum Cina masih menjadi kaum majoriti yang menetap di kawasan bandar tersebut. Penempatan mereka di kawasan Georgetown telah menjadi satu cabang yang membawa perubahan dari segi pembangunan dan juga pertumbuhan ekonomi di Pulau Pinang. Meskipun jumlah kaum Cina lebih mendominasi pada sebelah pulau namun pada bahagian tanah besar iaitu Seberang Perai Utara kaum Pribumi iaitu Melayu lebih ramai berbanding

kaum-kaum lain. Perkara ini mungkin disebabkan oleh faktor dasar yang telah diamalkan sejak zaman British lagi dimana kaum-kaum Cina di kawasan bandar dan kaum Melayu di kawasan luar bandar.

Oleh itu, kaum Cina di Pulau Pinang memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan dan juga ekonomi negeri Pulau Pinang namun begitu mereka juga mempunyai masalah dan juga cabaran yang perlu mereka hadapi terutamanya dalam pemeliharaan identiti budaya mereka dan usaha membentuk satu kesinambungan yang harmoni dan juga pelbagai di Pulau Pinang. Dan peranan mereka tidak hanya boleh diukur dari impak ekonomi malah sumbangan mereka dalam kepelbagaian budaya dan juga warisan sejarah negeri juga perlu diakui peranan mereka.

#### **b. Kaum India**

Komuniti kaum India merupakan antara kaum yang utama di Pulau Pinang selepas kaum Melayu dan juga Cina. Kaum India di Pulau Pinang telah memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk kepelbagaian dan keharmonian masyarakat di Pulau Pinang. Kaum India ini pada asalnya wujud di Pulau Pinang adalah hasil daripada penjajahan kolonial British yang membawa sejumlah besar buruh daripada negara India untuk berkhidmat bersama kolonial di Pulau Pinang. Menurut Mohan Rathakrishan (2017) ada menyatakan bahawa ketika British memerintah di Pulau Pinang terdapat ramai buruh dari India dibawa masuk ke Pulau Pinang dengan mengamalkan sistem indenture dan kangani. Indenture adalah satu sistem di mana pekerja mahupun buruh yang akan menjalankan kerja berdasarkan ikatan kontrak yang mempunyai syarat yang khusus, masa bekerja dan jumlah pembayaran. Manakala Kangani pula merujuk kepada seorang pemimpin yang menguruskan pekerja di kawasan perladangan. Kedatangan mereka ini di Pulau Pinang ada di dalam kalangan mereka yang berkhidmat sebagai tentera dan ada juga yang berkhidmat dalam industri ekonomi seperti perladangan, pembinaan jalan.

Namun begitu, tidak semua komuniti kaum India ini adalah daripada golongan yang dibawa tentera British ke Pulau Pinang malah ada dalam kalangan mereka ini adalah golongan pedagang yang berdagang dan menjalankan kegiatan ekonomi di Pulau Pinang. Kaum India ini juga terdiri daripada beberapa kelompok etnik yang berbeza seperti Tamil, Punjabi, dan lain-lain manakala kepercayaan dan anutan agama mereka juga berbeza ada di kalangan mereka menganuti agama Hindu, Sikh, Islam dan juga Kristian. Ketika



kemasukan sejumlah besar buruh dari India oleh British, kebanyakan mereka ini adalah dari India Selatan. Menurut Mohan Rathakrishnan (2017) ada menyatakan bahawa jumlah buruh India yang datang dari India Selatan adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan jumlah buruh dari India Utara kerana kerajaan India pada ketika itu memberikan galakan untuk buruh dari India Selatan untuk bekerja di bawah kagani.

Selain itu, terdapat masalah atau faktor yang mencetuskan penghijrahan masyarakat India ke Pulau Pinang. Masalah seperti diskriminasi kasta di negara India. Pengamalan sistem kasta sudah lama berlaku di negara India yang membawa kepada pengasingan kumpulan masyarakat berdasarkan kelebihan dan juga kekurangan yang dimiliki oleh seseorang itu. Walaupun amalan kasta ini dilihat adalah seolah amalan tradisional dalam budaya masyarakat di India namun amalan ini juga memberikan satu sisi pandangan yang sangat negatif kepada masyarakat India sendiri. Golongan yang mempunyai kasta yang tinggi akan mendapat penghormatan yang tinggi berbanding golongan yang mempunyai kasta yang rendah dan komposisi ini juga berbeza dari segi gaya hidup mereka. Menurut Mohan Rathakrishnan (2017) menyatakan bahawa golongan Brahmin merupakan golongan kasta tinggi dan mereka mendapat penghormatan seperti mempunyai kemewahan harta benda seperti rumah, tanah, dan mempunyai kemudahan asas seperti air, jalan raya dan juga mempunyai kenderaan. Namun begitu, menurut Mohan Rathakrishnan (2017) ada juga menyatakan bahawa golongan kasta bahawa iaitu Paraiyan terlihat lebih hina dengan pekerjaan yang mereka lakukan seperti mengutip najis lembu, mencuci pakaian orang dan juga memakan makanan sembahyang orang yang telah mati. Masalah sistem kasta ini membuatkan masyarakat India mula melakukan penghijrahan dengan menerima pelawaan daripada pihak British untuk berkhidmat di tanah jajahan British di luar negara India seperti di Pulau Pinang.

Seterusnya, masalah yang tercetus membawa penghijrahan masyarakat India ke Pulau Pinang adalah disebabkan oleh pengaruh ekonomi yang berlaku. Buruh atau pekerja di India kerap kali berhadapan dengan masalah ekonomi yang melanda negara India. Masalah yang berlaku memberikan kesan yang besar kepada masyarakat di India terutamanya mereka yang berasal dari golongan kasta rendah. Golongan buruh petani ada contoh yang mengalami masalah kerana penghasilan hasil pertanian mengalami pengurangan disebabkan oleh bencana alam telah menjejaskan sumber pendapatan mereka. Menurut Mohan Rathakrishnan (2017) menyatakan bahawa sekitar pada awal abad ke 19 India telah berhadapan dengan bencana alam yang telah merosakan hampir

semua hasil pengeluaran pertanian seperti padi dan juga pokok kapas. Sumber pendapatan sangat diperlukan oleh masyarakat di India untuk menyara keluarga malah mereka juga perlu membayar cukai kepada pihak British dalam bentuk hasil pertanian sebagai ganti. Masalah yang berlaku ini telah menyebabkan golongan buruh mula melakukan penghijrahan dengan menerima tawaran yang dibuat oleh pihak kolonial British ke masyarakat di India. Pulau Pinang merupakan satu destinasi yang dituju buruh India dengan berkhidmat kepada kolonial dalam sektor ekonomi yang dibangun dan diusahakan oleh pihak kolonial. Menurut Mohan Rathakrishnan (2017) menyatakan bahawa buruh India yang dibawa masuk ke Batu Kawan, Pulau Pinang adalah dengan bekerja sebagai pekerja ladang kelapa dan juga tebu kerana tanaman tebu dan juga kelapa merupakan satu sumber komersial yang penting kepada British kerana potensinya untuk diesport ke luar negeri. Meskipun begitu, khidmat kerja yang diberikan pula tidak dibayar dengan jumlah bayaran yang setimpal dan sangat rendah daripada British iaitu sekitar 3.60 dollar untuk sebulan. Ini telah memberi satu tamparan yang negatif terhadap tujuan penghijrahan masyarakat India ke Pulau Pinang kerana tidak memberikan satu bentuk perubahan yang besar yang diinginkan oleh mereka ketika berhijrah.

Oleh itu, meskipun kehidupan kaum India di Pulau Pinang tidaklah berubah secara menyeluruh pada satu ketika dahulu namun kronologi yang berlaku telah membentuk satu persekitaran yang baru dan pelbagai dalam kebudayaan di Pulau Pinang. Penghijrahan buruh dari India ini telah membentuk masyarakat yang majmuk di Pulau Pinang dan membentuk satu komuniti yang harmoni dan tidak kurang juga memberikan sumbangan kepada kesejahteraan negeri baik dari segi ekonomi, pembangunan dan juga kebudayaan di Pulau Pinang.

### **c. India Muslim dan Jawi Peranakan**

Dalam membincang dapatan kajian yang merangkumi aspek keistimewaan dan keunikan Masjid Kapitan Keling terdapat indikator penting yang mencerminkan aspek tersebut. Di sepanjang kewujudan masjid Kapitan keling ini terdapat satu kronologi yang telah berlaku sehingga terbina dan wujudnya bangunan Masjid Kapitan Keling ini iaitu komuniti masyarakat India Muslim dan juga Jawi Peranakan. Umum sedia mengetahui sekiranya membicarakan mengenai masyarakat India Muslim sudah pasti akan terlintas merujuk kepada masyarakat Islam yang berasal daripada negara India. Kewujudan

mereka di Tanah Melayu adalah melalui beberapa cara ada yang tiba di Pulau Pinang kerana berkhidmat sebagai tentera kepada British dan ada juga yang datang dengan tujuan untuk menjalankan aktiviti perdagangan. Walaubagaimanapun, masyarakat ini tidak hanya terdiri daripada satu etnik sahaja malah lebih daripada satu dan mereka ini berasal daripada beberapa wilayah di India seperti di selatan India iaitu wilayah Tamil Nadu. Masyarakat yang datang daripada wilayah tersebut dikenali sebagai masyarakat Tamil manakala mereka yang berasal daripada wilayah Karala dikenali sebagai Malabar dan juga Telegu. Namun begitu terdapat juga sebahagian mereka berasal daripada bahagian lain di India iaitu Gujerat dan mereka akan lebih dikenali sebagai Gujerati. Manakala terdapat juga yang datang dari bahagian utara India dan akan tetapi jumlah dalam kalangan mereka hanyalah sebilangan kecil sahaja dan mereka lebih dikenali sebagai Pathan dan Punjab. Masyarakat India yang datang dari wilayah Benggala juga ada dan mereka lebih dikenali sebagai masyarakat Benggali. Oleh itu, jelaslah bahawa komuniti India Muslim ini terdiri daripada perbezaan pelbagai etnik dan wilayah asal mereka dan sehingga kini komuniti telah membentuk satu kumpulan masyarakat yang sangat penting di Pulau Pinang.

Seterusnya, golongan komuniti India Muslim ini mengalami gelombang kedatangan mereka ke Pulau Pinang sekitar abad ke 18 dan juga abad ke 19 dan anggaran tersebut adalah selari dengan zaman di mana datangnya kehadiran penjajah kolonial British. Gelombang yang berlaku ini mungkin disebabkan oleh khidmat dan penglibatan masyarakat India Muslim bersama dengan tentera British di bawah SHTI. Golongan India Muslim ini sentiasa dikaitkan dengan penduduk Pulau Pinang kerana mereka ini lebih mendominasi dalam membantu memberi sumbangan mereka kepada Francis Light untuk membangun dan memajukan Pulau Pinang pada ketika dahulu. Pengaruh yang ada pada mereka telah mengubah tanggapan masyarakat dari luar terutamanya berkaitan identiti yang menggambarkan masyarakat di Pulau Pinang. Bagi masyarakat di utara Malaysia terutamanya dalam kalangan Melayu ini menggelarkan dan memanggil komuniti India Muslim ini “keling” ataupun lebih dikenali sebagai mamak. Walau bagaimana pun, proses asimilasi telah berlaku melalui hasil perkahwinan campuran antara masyarakat India Muslim dengan penduduk tempatan lalu melahirkan generasi dan komuniti Melayu yang baru dan lebih dikenali sebagai Jawi Peranakan atau Jawi Pekan. Perbezaan yang dapat dilihat pada mereka ini adalah mempunyai rupa bentuk muka campuran antara darah Melayu dengan darah India dan mereka ini mempunyai hidung yang mancung dan



bermata bulat dan di dalam jenaka masyarakat mereka dikenali sebagai “anak mami” dan beberapa panggilan lain seperti “mamu”, “nana” dan sebagainya lagi.

Seterusnya, seperti yang sedia maklum pembentukan kumpulan masyarakat Jawi Peranakan ini adalah disebabkan berlaku proses asimilasi yang bermula daripada faktor perkahwinan campuran. Perkahwinan yang bermula antara India Muslim dengan Melayu tempatan dan ada juga berkahwin dengan Arab, Benggali, Gujarat juga dikatakan faktor adanya Jawi Peranakan ini. Akan tetapi keunikan keunikan dan keistimewaan Jawi Peranakan di Pulau Pinang ini adalah mereka ini hanya yang mempunyai darah yang berketurunan India Muslim sahaja. Kewujudan kumpulan masyarakat Jawi Peranakan ini bukanlah satu perkara yang baru malah telah berlaku dan ini tidak hanya berlaku di Malaysia malah juga berlaku di rantau asia tenggara yang lain. Menurut Omar Yusoff dan Jamaluddin Aziz (2010), menyatakan masyarakat Jawi Peranakan ini telah terbentuk dan berada di Gugusan Kepulauan Melayu dan termasuk juga Tanah Melayu, seperti di negeri Kedah, Perak dan juga Melaka. Namun begitu, perubahan yang ketara dalam perkembangan dan pembentukan masyarakat Jawi Peranakan ini adalah di Tanah Melayu terutamanya di Pulau Pinang. Faktor perkahwinan yang berlaku antara lelaki India Muslim dengan wanita Melayu ini tidak hanya melibatkan mereka yang berasal daripada golongan bangsawan malah juga turut berlaku golongan bawahan yang lain. Perkembangan dan perubahan ini berlaku dengan lebih ketara lagi apabila berlakunya pembukaan pelabuhan di Pulau Pinang yang menjadi lokasi singgahan para pedagang dari luar seperti Arab dan juga India untuk berlabuh dan menetap di Pulau Pinang dan termasuk juga Jawi Peranakan yang datang dari Kedah. Oleh itu, asimilasi yang berlaku antara India Muslim ini telah melahirkan satu komuniti masyarakat yang baru di Pulau Pinang iaitu Jawi Peranakan.

Di samping itu, sejarah kepada wujudnya pembentukan kumpulan masyarakat Jawi Peranakan ini berlaku secara berperingkat. Pada peringkat awal, ianya bermula dari kedatangan pedagang dan juga golongan saudagar yang menjalankan aktiviti ekonomi dan dagangan di Pulau Pinang. Menurut Omar Yusoff dan Jamaluddin Aziz (2010), menyatakan golongan Jawi Peranakan ini telah menetap di Pulau Pinang sebelum datangnya kedatangan Francis Light di Pulau Pinang. Pembentukan komuniti Jawi Peranakan ini bermula dengan adanya perkawinan campuran antara Kapitan Keling dengan wanita Melayu dan lalu diikuti oleh India Muslim yang lain. Menurut Omar Yusoff dan Jamaluddin Aziz (2010), menyatakan isteri yang pertama kepada Kapitan

Keling adalah berasal daripada Batu Uban, Pulau Pinang yang telah menetap di kawasan tersebut sejak tahun 1736. Pada peringkat kedua pula, perkembangan komuniti ini semakin bertambah apabila datangnya kaum buruh yang berkhidmat bekerja di ladang dengan kerajaan British. Dikatakan jumlah yang datang adalah dalam lingkungan seratus orang buruh dari India di hantar ke Pulau Pinang oleh British untuk menjalankan aktiviti komersial yang melibatkan pembukaan ladang-ladang getah, lada hitam serta biji kopi. Kedatangan kumpulan ini ke Pulau Pinang telah menyebabkan bermula proses asimilasi dengan rakyat tempatan.

Tambahan pula, pada peringkat ketiga pula adalah melibatkan golongan banduan yang dibawa British ke Pulau Pinang untuk tujuan hukuman ke atas kesalahan yang dilakukan. Menurut Omar Yusoff dan Jamaluddin Aziz (2010), menyatakan selepas tahun 1789 jumlah banduan yang tiba di Pulau Pinang semakin ramai dan meningkat sehinggakan pada tahun 1810 dianggarkan jumlah ini mencecah 1300 orang banduan dan terus meningkat tahun berikutnya sehingga jumlah mereka sekitar 1462. Peningkatan jumlah banduan yang dibawa ke Pulau Pinang ini menyebabkan British terpaksa untuk mengurangkan jumlah penghantaran dari India. Akan tetapi banduan-banduan yang telah selesai menjalani hukuman tidak dapat dibawa pulang ke negara asal mereka kerana British telah bertindak untuk tidak menyediakan kos penghantaran semula banduan-banduan tersebut. Disebabkan tindakan tersebut jumlah banduan yang telah selesai menjalani hukuman tidak dapat pulang ke negara asal mereka dan mereka terus mengambil keputusan untuk tinggal dan menetap di Pulau Pinang. Menurut Omar Yusoff dan Jamaluddin Aziz (2010) menyatakan bahawa banduan yang telah selesai menjalani hukuman dan akan tinggal di Pulau Pinang kerana sudah selesa dan biasa dengan keadaan dan suasana di Pulau Pinang. Keadaan ini akan menjadi faktor dan asbab yang menyebabkan jumlah komuniti Jawi peranakan akan meningkat kerana kebanyakan bekas banduan akan berkahwin dengan dengan masyarakat India yang lain dan termasuk juga dengan orang-orang Melayu. Dan mereka telah membentuk satu komuniti yang baru dalam kumpulan masyarakat. Kehadiran India Muslim sejak zaman penjajahan telah memberikan sumbangan yang besar kepada perkembangan pembinaan Masjid Kapitan Keling. Penglibatan mereka dalam memainkan peranan penting untuk memelihara dan menyelenggara masjid tidak boleh dipertikaikan lagi. Kepelbagaian aktiviti keagamaan, perayaan, aktiviti sosial telah menunjukkan bahawa India Muslim telah membina dan melahirkan satu hubungan komuniti yang erat di sekitar Masjid Kapitan Keling.

Manakala peranan Jawi Peranakan yang mengaplikasikan elemen-elemen Melayu dan India telah memberikan satu nafas yang baru kepada Masjid Kapitan Keling. Peranan mereka kepada seni bina yang merangkumi seni ukir, seni khat telah melengkapkan keistimewaan dan keunikan Masjid Kapitan Keling.

Tuntasnya, hasil dapatan yang diperolehi ini jelas dapat disimpulkan bahawa keistimewaan dan keunikan yang ada pada bangunan warisan Masjid Kapitan Keling ini mempunyai kaitan dan hubung kait dengan komuniti masyarakat India Muslim dan juga Jawi Peranakan. Hal ini kerana bermulanya dari awal pembinaan sehingga binaan masjid siap dibina dan digunakan adalah hasil daripada peranan yang dimainkan oleh komuniti tersebut sehinggakan ke hari ini komuniti tersebut terus menerus memainkan peranan penting untuk menjaga dan melindungi Masjid Kapitan Keling ini. Dalam menggambarkan kekayaan budaya dan sejarah masyarakat India Muslim dan Jawi Peranakan di Pulau Pinang, jelas tidak dapat dielakkan dan diubah bahawasanya warisan komuniti ini merupakan satu warisan yang sangat penting yang mencerminkan landskap yang multikultural kepada negeri Pulau Pinang dan juga secara tidak langsung kepada Masjid Kapitan Keling juga. Pelbagai aspek dan faktor yang telah ditelusuri dalam kehidupan mereka sehinggakan identiti yang ada pada mereka dimartabatkan sebagai satu warisan tempatan. Sementelahan itu, masyarakat India Muslim di Pulau Pinang boleh dijadikan satu contoh yang menarik untuk kepelbagaian budaya di Malaysia. Komuniti ini telah mengekalkan tradisi serta nilai-nilai yang ada sehingga ke hari ini dan sekaligus menjadi indikator yang penting untuk menyatupadukan masyarakat selaras dengan perkembangan semasa. Dalam pada itu, komuniti Jawi Peranakan pula menjadi penyumbang yang mempelbagaikan corak yang istimewa kepada kepelbagaian budaya di Pulau Pinang. Asimilasi yang berlaku telah mewujudkan satu nilai perpaduan yang unik antara gabungan Melayu dan juga India Muslim sehinggakan mereka menjadi satu komuniti yang unik. Sehingga ke hari ini generasi moden Jawi Peranakan masih mengekalkan adat resam leluhur mereka dan mewarisinya kepada generasi-generasi baru yang sedia ada dan akan datang. Masyarakat India Muslim dan Jawi Peranakan telah membentuk sebuah komuniti yang teguh dan dapat menyesuaikan dan berinteraksi dengan etnik lain di Pulau Pinang dan menciptakan satu warisan yang tersendiri yang memberi corak khusus yang melambangkan sebuah negeri Pulau Pinang.

#### **d. Baba dan Nyonya**

Baba dan Nyonya merupakan satu komuniti yang mempunyai ciri-ciri yang unik dan telah wujud di alam Nusantara terutamanya di Pulau Pinang dan juga Melaka. Komuniti Baba Nyonya ini pada asalnya merupakan kumpulan etnik imigran yang datang tanah besar China. Kehadiran mereka ke tanah lama dikesan malah sejak kedatangan penjajahan barat komuniti ini telah ada di Nusantara. Menurut Noriah Mohamed dan Omar Yusoff (2010) ada menyatakan bahawa Baba Nyonya ini adalah keturunan daripada imigran China yang datang ke Nusantara pada abad ke-15 dan juga abad ke-16 ke Negeri-negeri Selat.

Baba merupakan panggilan yang dipanggil kepada jantina lelaki manakala Nyonya pula dipanggil kepada jantina perempuan. Menurut Noriah Mohamed dan Omar Yusoff (2010) ada menyatakan bahawa Baba merupakan istilah pinjaman dari India yang digunakan untuk merujuk kepada kaum lelaki Cina di Negeri-negeri Selat. Golongan Baba Nyonya ini juga dikatakan bermula apabila imigran dari China datang untuk melakukan aktiviti ekonomi di Tanah Melayu dan mula menetap dalam jangka masa yang lama lalu berkahwin dengan rakyat tempatan di Tanah Melayu. Menurut Sohaimi Zakaria et al., (2017) ada menyatakan bahawa Baba Nyonya adalah kaum China yang datang berdagang ke Tanah Melayu yang pada awalnya tidak berniat untuk berkeluarga dan menetap lalu menunjukkan minat lalu berkahwin dengan anak-anak gadis tempatan. Anak yang dilahirkan hasil daripada perkahwinan adalah penyambung legasi dan pewaris perniagaan yang dijalankan dan menjaga perniagaan sekiranya golongan ini pulang ke tanah besar China. Jumlah komuniti Baba Nyonya ini semakin bertambah apabila ramai imigran dari China mula berhijrah ke Tanah Melayu untuk memulakan kegiatan ekonomi di Tanah Melayu. Menurut Sohaimi Zakaria et al., (2017) juga menyatakan pada pertengahan abad ke-19 terdapat lebih ramai orang China telah mula berhijrah ke Tanah Melayu. Peningkatan ini juga telah menyumbang kepada peningkatan jumlah komuniti Baba Nyonya di Tanah Melayu dan menjadi tunjang utama proses asimilasi yang berlaku antara masyarakat Melayu tempatan dengan masyarakat imigran China.

Selain itu, gaya hidup Baba Nyonya ini juga berbeza dengan kaum Cina yang asal kerana asimilasi yang berlaku telah menyebabkan perubahan ini berlaku. Dalam gaya hidup Baba Nyonya ini pengaruh kebudayaan Melayu dilihat lebih jelas dan juga signifikan dalam identiti masyarakat Baba Nyonya ini. Cara pertuturan yang diamalkan



oleh masyarakat Baba Nyonya lebih sopan seperti pertuturan kaum Melayu dan sifat peramah yang ada juga sama dengan sifat yang ada dalam kaum Melayu. Namun begitu, dari segi masakan juga masyarakat Baba Nyonya ini jauh berbeza dengan masyarakat Cina yang asal. Pengaruh Melayu dalam masakan Baba Nyonya lebih signifikan. Menurut Sohaimi Zakaria et al., (2017) ada menyatakan bahawa masyarakat Baba Nyonya ini lebih mengemarkan masakan yang berasaskan rempah ratus dan juga mempunyai rasa yang pedas dan berbeza dengan masyarakat Cina asal yang kurang menyukai masakan pedas dan juga berempah. Ini jelas bahawa masyarakat Baba Nyonya ini mempunyai persamaan yang serupa dengan masyarakat Melayu.

Di samping itu, kehidupan masyarakat Baba Nyonya di Tanah Melayu ini mungkin mempunyai persamaan dengan masyarakat Melayu terutamanya dalam kebudayaan. Namun begitu aktiviti atau kegiatan utama yang dilakukan oleh masyarakat Baba Nyonya ketika berada di Tanah Melayu mungkin berbeza. Kegiatan atau aktiviti yang dijalankan oleh kaum lelaki Baba Nyonya ketika menetap di Tanah Melayu adalah dengan menjalankan aktiviti atau kegiatan ekonomi iaitu dengan menjalan aktiviti perniagaan. Ada dalam kalangan mereka menjalankan aktiviti ekonomi dengan masyarakat tempatan dan juga yang menjalankan aktiviti ekonomi dalam urusan perdagangan. Namun tujuan utama mereka adalah dengan mencari sumber kewangan untuk menyara keluarga mereka. Aktiviti perniagaan ini sering melibatkan kaum lelaki manakala untuk kaum perempuan pula lebih menjurus untuk menguruskan hal-hal dirumah. Kebanyakannya melakukan kegiatan seperti menjahit, sulam menyulam, menjahit kasut manik dan juga yang menyulam bakul. Meskipun aktiviti-aktiviti ini sering dilakukan oleh masyarakat Baba Nyonya namun terdapat juga aktiviti yang dilakukan sama seperti masyarakat Melayu. Menurut Sohaimi Zakaria et al., (2017) ada menyatakan bahawa masih ada sebahagian masyarakat Baba Nyonya yang mengikut cara hidup kaum Melayu iaitu seperti bertani, mengusahakan sawah padi dan juga berkebun.

Oleh itu, ingin ditegaskan bahawa keunikan warisan kaum Baba Nyonya di Pulau Pinang ini telah mencipta satu nilai warisan budaya yang menarik dan mewujudkan satu perpaduan yang harmoni dalam kalangan masyarakat di Pulau Pinang. Kaum Baba Nyonya pada hari ini komited untuk mempertahankan warisan mereka dan bergerak seiring dan beradaptasi dengan perkembangan zaman.



### **2.3 IMPAK KEBUDAYAAN TERHADAP PERKEMBANGAN AGAMA ISLAM DI PULAU PINANG.**

Pulau Pinang sebuah negeri yang kaya dengan nilai sejarahnya, kaya dari segi kebudayaan tempatan dan juga kaya dengan sisa tinggalan kolonial yang masih kukuh sehingga ke hari ini pasca penjajahan barat. Nilai warisan dan sejarah yang ada telah memberikan satu impak dan pulangan kepada perkembangan agama Islam di Pulau Pinang. Kepelbagaian dan beraneka ragam kebudayaan di Pulau Pinang telah memberikan satu sumbangan yang signifikan terhadap pemahaman, penyebaran dan juga praktik didikan agama Islam di Pulau Pinang. Sebelum kedatangan Francis Light di Pulau Pinang, Pulau Pinang atau dahulu sebelum kedatangan penjajahan kuasa barat dikenali sebagai Pulau Ka Satu.

Perkembangan agama Islam di Pulau Pinang pada ketika dahulu dikatakan bermula di sebuah lokasi di Batu Uban iaitu satu kawasan di Gelugor bahagian sebelah pulau. Lokasi tersebut merupakan kawasan di mana masyarakat Melayu dahulu memulakan penempatan awal di Pulau Pinang dan dalam masa yang sama menyebar dan mengembangkan lagi agama Islam di Pulau Pinang. Menurut Shohana Hussin (2016) menyatakan di Pulau Pinang lokasi pendidikan Islam yang separa paling awal ditemui di sana setakat ini adalah di Batu Uban kerana kawasan tersebut merupakan petempatan awal Melayu yang paling awal diwujudkan sekitar 1730-an. Pada satu ketika dahulu, agama Islam di Pulau Pinang dapat diperkembangkan lagi dengan adanya kehadiran dan kedatangan dari masyarakat-masyarakat dari luar terutamanya dari alam nusantara yang lain. Di Pulau Pinang agama Islam berkembang dengan adanya pengaruh dan jolokan dari masyarakat yang berasal daripada Indonesia iaitu dari Kepulauan Sumatera. Bukti tersebut dapat dikukuhkan lagi dengan adanya sebuah surau lama yang telah dibina sejak tahun 1734 dan kini telah dibaik pulih menjadi sebuah masjid jamek di Batu Uban pada hari ini. Pembinaan masjid tersebut dibina oleh seorang pengembara dan juga seorang pedagang iaitu Raja Nan Intan dan juga dikenali sebagai Nakhoda Intan yang berasal dari Sumatera, Indonesia. Penghijrahan beliau ke Pulau Pinang telah membuka satu lembaran baru kepada perkembangan agama Islam di Pulau Pinang. Hal ini kerana, beliau merupakan seorang bangsawan yang berkarakter sangat alim dan mempunyai ilmu yang tinggi dalam bidang agama. Menurut Shohana Hussin (2016) ada menyatakan Raja Nan Intan Ibn Almarhum Tengku Pateh Sebatang merupakan seorang yang mempunyai gelaran seorang bangsawan dan juga seorang pedagang yang mempunyai ilmu

pengetahuan agama yang sangat mendalam. Penghijrahan yang dilakukan Nakhoda Intan ke Pulau Pinang telah menarik perhatian ramai masyarakat daripada Sumatera untuk berhijrah ke Pulau Pinang dan dalam masa yang sama sifat beliau yang alim dan kepimpinan yang ada pada beliau juga menjadi penyumbang kepada penghijrahan masyarakat Sumatera ke Pulau Pinang. Menurut Shohana Hussin (2016) turut menyatakan bahawa dengan kealiman dan ketokohan yang ada pada Nakhoda Intan telah menjadi daya penarik kepada berlakunya penghijrahan masuk lebih ramai masyarakat serta kaum keluarga dari Pagaruyung Sumatera. Ini telah menjadikan komuniti masyarakat yang menganut agama islam di Pulau Pinang pada ketika itu meningkat hasil daripada aktiviti penghijrahan yang berlaku.

Seterusnya, asimilasi kaum pendatang dengan rakyat tempatan. Asimilasi yang berlaku ini adalah kaum India Muslim yang datang ke Pulau Pinang dengan menjalankan aktivi perdagangan mahupun menjadi tenaga buruh kepada British. Pedagang-pedagang yang datang ke Pulau Pinang ada dengan tujuan untuk menjalankan kegiatan ekonomi di Pulau Pinang memandangkan Pulau Pinang pada ketika telah menjadi sebuah pangkalan utama British di Tanah Melayu dan telah menjadikan Pulau Pinang sebagai pelabuhan utama yang menghubungkan timur dan juga barat. Manakala golongan buruh India pula, kedatangan mereka ke Pulau Pinang adalah dengan harapan untuk mengubah nasib hidup mereka daripada kehidupan sebelumnya. Asbab masalah yang dihadapi pihak British mengambil kesempatan untuk meningkatkan lagi jumlah tenaga buruh dari India untuk bekerja di Pulau Pinang. Menurut Mohan Rathakrishnan (2017) ada menyatakan dalam kajiannya bahawa sektor perladangan dan juga pengangkutan adalah satu keperluan mendorong pihak British dan peladang Eropah untuk membawa masuk buruh India yang murah bekerja di Pulau Pinang dan juga Seberang Perai. Kedatangan dan kehadiran golongan ini di Pulau Pinang telah membuka satu ruang baru untuk wujudnya kebudayaan yang baru di Pulau Pinang. Ini dapat dilihat hasil daripada perkahwinan campur antara rakyat tempatan dengan orang asing. Perkahwinan campuran ini telah mencetuskan satu kumpulan komuniti baru di Pulau Pinang iaitu Jawi Peranakan. Menurut Noriah Mohamed dan Omar Yusoff (2010) ada menyatakan bahawa pembentukan kumpulan masyarakat Jawi Peranakan di Pulau Pinang adalah bertitik tolakkan daripada berlakunya perkahwinan campur antara lelaki Arab, India Muslim, Benggali, Punjabi, Gujerati dan juga Afghani dengan wanita Melayu tempatan. Oleh sebab itu, kemasukan warga India terutamanya mereka yang beragama Islam menjadi satu asbab perkembangan Islam yang

di Pulau Pinang semakin baik kerana telah mewujudkan satu komuniti yang baru dan telah menghasilkan satu kebudayaan campuran baru antara budaya tempatan dan juga budaya asing.

Selain itu, perkembangan kebudayaan dari segi seni bina juga memainkan peranan dalam perkembangan agama Islam di Pulau Pinang. Kemasukan pengaruh-pengaruh luar telah yang dibawa pihak kolonial telah memberi satu impak yang baik kepada agama Islam di Pulau Pinang. Kemasukan pengaruh luar ini telah mewujudkan satu identiti yang baru dari segi reka bentuk dan juga seni bina di Pulau Pinang. Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang menjadi bukti kepada impak kebudayaan kepada perkembangan Islam di Pulau Pinang. Masjid Kapitan Keling sering menjadi satu julukan dan lambang kepada seni bina Islam di Pulau Pinang yang dipengaruhi oleh nilai-nilai kebudayaan campuran iaitu kebudayaan tempatan dan juga dari luar negara. Masjid Kapitan Keling merupakan sebuah masjid yang dibina oleh kumpulan etnik dari negara India yang datang berhijrah ke Pulau Pinang. Hasil daripada binaan masjid ini telah membentuk satu identiti Islam di Pulau Pinang. Binaan arkitekstur masjid ini telah mendapat pengaruh dari seni bina Islam dari India. Bermula dari awal pembinaan sehingga siap, masjid tersebut menjadi lokasi dan tempat untuk komuniti muslim di Pulau Pinang untuk bersama mengembangkan syiar Islam di Pulau Pinang. Impak ini tidak hanya diterima oleh komuniti muslim sahaja malah komuniti bukan muslim juga dapat menerima manfaatnya dalam kepelbagaian diversiti kebudayaan tempatan.

Kesimpulannya, impak kebudayaan kepada perkembangan Islam di Pulau Pinang telah menyumbangkan satu nilai warisan yang pelbagai anek ragam dengan memberikan kesinambungan yang seimbang dalam hubungan antara unsur budaya dan juga keagamaan. Masyarakat Islam dan bukan Islam di Pulau Pinang telah melakarkan satu keharmonian sejagat yang kuat dan bersama memelihara dan mempertahankan adat budaya dan juga kepercayaan agama masing-masing. Impak kebudayaan terhadap perkembangan Islam di Pulau Pinang juga telah memperkukuhkan identiti Islam dan menyumbang kepada keunikan dan keistimewaan nilai warisan negeri Pulau Pinang.

## 2.4 SEJARAH DAN PERKEMBANGAN MASJID KAPITAN KELING.

Umum mengetahui bahawa Masjid Kapitan Keling ini merupakan antara masjid yang sangat penting kepada negara Malaysia. Kepentingannya dilihat pada aspek sejarah dan juga nilai yang ada pada masjid sejak dari mula ia dibina dan masih kukuh tersergam indah sehingga ke hari ini. Nilai-nilai keagamaan dan kebudayaan yang ada pada bangunan tersebut menjadikan ia masih utuh meskipun telah melalui fasa-fasa perubahan dan perkembangan seiring dengan zaman bermula dari ia dibina sehingga ke hari ini. Masjid Kapitan merupakan antara wadah yang sangat penting kepada masyarakat muslim di Pulau Pinang terutamanya dalam kalangan masyarakat Jawi atau Chulia. Masjid Kapitan Keling telah terukir seribu satu kisah sejarah yang terpahat pada bangunan tersebut dan masih kekal hingga ke hari ini kerana kekayaan nilai sejarahnya. Masjid Kapitan Keling merupakan antara masjid yang tertua di Pulau Pinang dan juga antara yang tertua di Malaysia. Anggaran usia Masjid Kapitan Keling ini adalah sekitar 200 tahun berdasarkan pada tarikh awal masjid ini dibina. Menurut David S Jones (1997), menyatakan masjid pertama di tapak itu sebelum adanya peta Georgetown 1798 ada menunjukkan sebuah bangunan kecil yang ditandakan masjid Chulia yang sekarang kini dikenali Masjid Kapitan Keling. Lokasi masjid ini berada di Jalan Buckingham, Georgetown Pulau Pinang, merupakan kawasan ibu negeri dan juga merupakan kawasan bandaraya yang membangun dan rancak dengan aktiviti ekonomi dan juga pembangunan. Lokasi bangunan masjid ini boleh dikatakan sangat strategi dan juga sistematik kerana dikelilingi kawasan tumpuan masyarakat tempatan mahupun dari luar. Masjid Kapitan Keling ini bukan sahaja dikelilingi dengan kerancangan aktiviti pembangunan malah terdapat juga bangunan warisan lain yang lain dibina sezaman dengan Masjid Kapitan Keling ketika pemerintahan dan penjajahan kolonial Inggeris di Pulau Pinang. Penjajahan kolonial telah meninggalkan banyak kesan terutamanya tinggalan bangunan-bangunan kolonial dan Masjid Kapitan Keling menjadi salah satu bukti kepada tinggalan kolonial yang masih wujud dan masih terlihat sehingga ke hari ini. Pelbagai ragam dan kronologi telah berlaku sepanjang terbina bangunan bersejarah ini dan terdapat pelbagai faktor yang menjadikan masjid ini dibina di Pulau Pinang.

Umum mengetahui bahawa Pulau Pinang merupakan negeri yang menjadi bekas jajahan dan penaklukan tentera kolonial British dan menjadi antara yang terawal di Tanah melayu pada ketika itu. Faktor pendudukan kolonial British di Pulau Pinang menjadi titik permulaan kepada wujudnya binaan bangunan Masjid kapitan Keling. Kepentingan dan



kedudukan strategi kawasan Pulau Pinang telah membuka mata pihak kolonial untuk menakluki dan menaungi negeri Pulau Pinang dan pelbagai usaha telah dilakukan untuk merampas dan mengaburi kerajaan tempatan pada ketika itu. Tindakan Francis Light yang membohongi Sultan Kedah dan mengugut baginda telah membuka langkah kanan kepada Francis Light untuk mendapatkan Pulau Pinang. Kepentingan Pulau Pinang pada ketika itu adalah sebagai tempat persinggahan dan juga pelabuhan kepada aktiviti ekonomi perdagangan dan mempunyai potensi yang tinggi untuk memberikan pulangan kepada pemerintah. Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) menjadi salah satu faktor utama keinginan Francis Light untuk menguasai Pulau Pinang. Ketika kedatangan Francis Light di Pulau Pinang, beliau telah membawa bersama kumpulan angkatan tenteranya yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan juga anutan agama. Ada dalam kalangan mereka terdiri daripada kumpulan etnik orang berkulit putih, orang yahudi, India dan sebagainya lagi.

Perbezaan etnik dan anutan agama dalam kalangan angkatan tentera British ini berlaku adalah disebabkan oleh khidmat daripada masyarakat dari negara-negara yang dijajah dan dinaungi oleh British. Misalnya negara India yang merupakan antara negara yang telah dijajah oleh British dan juga dimana menjadi lokasi utama yang menguruskan pentadbiran Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) di luar tanah Inggeris. Ketika British mendarat di Pulau Pinang terdapat juga sejumlah daripada angkatan tentera adalah dari kalangan rakyat India yang berkhidmat sebagai tentara di bawah SHTI. Dalam kumpulan tentera tersebut terdapat sebahagian kelompok yang menganut agama Islam terumanya golongan tentera yang datang dari India. Perkhidmatan mereka kepada SHTI memerlukan mereka untuk menetap dengan lebih lama di Pulau Pinang sehinggakan mereka memerlukan pusat ibadah untuk memudahkan mereka melakukan aktiviti keagamaan. Keperluan tersebut menjadi faktor utama bangunan masjid dibina untuk komuniti tentera India muslim di Pulau Pinang.

Masjid Kapitan Keling merupakan masjid pertama yang dibina oleh golongan tentera British yang berketurunan India Muslim yang telah berkhidmat di Pulau Pinang sekitar penghujung abad ke 18. Tahun di mana mula pembinaan masjid ini adalah pada 1801 dan pemberian nama kepada masjid ini dengan bersempena nama ketua pemimpin masyarakat India Muslim di Pulau Pinang yang dikenali sebagai Kapitan Keling. Kapitan ini merupakan satu perkataan pinjaman daripada bahasa Sepanyol yang membawa maksud *captain* dalam bahasa Inggeris dan *ketua* dalam bahasa Melayu. Meskipun



begitu, perkataan Keling pula merujuk kepada kumpulan masyarakat yang berasal daripada benua Keling di India. Keling ini merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa sanskrit *kalingga* yang merujuk sebuah daerah di kawasan India Tenggara. Pemberian nama masjid ini juga merujuk kepada nama Kapitan Keling pertama yang memimpin komuniti India Muslim di Pulau Pinang iaitu Caudeer Mohudeen Merican. Caudeer Mohudeen Merican adalah seorang peniaga India Muslim yang berhijrah dari India ke Pulau Pinang kerana dipelawa oleh Francis Light untuk meneroka dan membuka aktiviti ekonomi di Pulau Pinang. Penghijrahan beliau ke Pulau Pinang telah menjadi beliau seorang yang dan sekaligus beliau diangkat menjadi Kapitan Keling iaitu ketua masyarakat India. Ketika beliau menerajui kepimpinan dan mengetuai masyarakat muslim beliau mendapati bahawa keperluan sebuah tempat ibadat sangat diperlukan memandangkan jumlah komuniti muslim pada ketika itu meningkat terutamanya dari golongan tentera dan termasuk juga golongan pedagang.

Kemasukan golongan pedagang ini kerana kemakmuran Pulau Pinang yang telah menarik pandangan dan minat pedagang dari India untuk membangunkan penempatan Pulau Pinang. Penempatan di kawasan seperti Pitt Street dan Chulia Street adalah kawasan dimana menjadi tumpuan pada pedagang untuk menetap. Oleh sebab itu, Caudeer Mohudeen telah bertindak dengan memohon tanah dengan keluasan lapan belas ekar daripada Gabenor Pulau Pinang iaitu Sir George Leith pada November 1801 bagi tujuan pembinaan masjid yang baru untuk komuniti Muslim. Permohonan ini akan memudahkan askar-askar British dari India yang beragama Islam untuk beribadat. Kebanyakan askar India Muslim ini kebanyakan adalah dari selatan India dari kumpulan etnik Tamil dan Malabar dan terdapat juga etnik-etnik dari Gujerat dan Punjabi. Pembinaan masjid tersebut telah menunjukkan dan melambangkan sifat toleransi dalam beragama. Hal ini kerana lokasi pembinaan masjid Kapitan Keling berada dekat dengan rumah ibadat lain seperti tokong cina Kong Hock Keong Temple yang telah dibina sekitar tahun 1800 manakala gereja St. George Church yang dibina pada 1818 dan juga kuil hindu Mahamariamman yang dibina pada 1833.

Walau bagaimana pun, disebabkan aktiviti pembangunan yang pesat di kawasan tersebut telah menyebabkan kawasan itu telah mengecil dari kawasan asal masjid. Keluasan asal masjid tersebut yang dahulunya berkeluasan 18 ekar dan kini hanya meninggalkan sisa sekitar 8 ekar sahaja. Dalam pada itu, masjid yang dilihat pada hari ini bukanlah masjid yang asal akan tetapi telah melalui fasa yang membawa kepada

pembaharuan. Masjid Kapitan Keling pada ketika ini merupakan hasil pembaharuan yang telah dibangunkan dan dibina semula sekitar tahun 1916. Implikasi kepada pembaharuan ini telah menyebabkan kawasan asal masjid yang dahulunya besar dan kini mula mengecil kepada 8 ekar sahaja disebabkan faktor pembangunan yang merangkumi pembinaan kemudahan jalan raya dan juga pembinaan bangunan untuk rumah kedai serta dan ada sebahagiannya dibangunkan untuk bangunan kediaman dan semuanya masih kekal sehingga ke hari ini.

Seterusnya, setelah dua tahun kemudian memperoleh sebidang tanah daripada Gabenor Pulau Pinang untuk pembinaan masjid untuk komuniti muslim, pelan bangunan masjid telah direka dengan berbentuk segiempat tepat dengan menggunakan bahan-bahan asas seperti batu-bata yang telah diimport dari negara India. Dalam masa yang sama sebuah telaga untuk tujuan kemudahan berwudhu telah dibina dengan menggali tanah berdekatan dengan bangunan masjid dan uniknya sehingga ke hari ini telaga tersebut masih kekal dan masih berfungsi untuk kegunaan jemaah. Jika dilihat dari sudut lain, masjid yang dibina ini juga adalah untuk menggantikan masjid yang lama dan terlihat usang dan hanya berupa pondok buruk yang diperbuat daripada kayu. Oleh sebab itu, masjid yang dibina ini adalah sebuah impian yang diinginkan oleh Caudeer Mohudeen untuk komuniti muslim di Pulau Pinang dan sekaligus menjadikan diri beliau merupakan seorang jurutera atau kontraktor yang mengendalikan pembinaan masjid tersebut.

Di sepanjang proses pembinaan bermula beliau sentiasa memastikan bahan binaan yang digunakan pada setiap sudut bangunan adalah bahan yang berkualiti tinggi dan bermutu dan perkara tersebut jelas dapat dibuktikan dengan penggunaan batu-bata yang dibawakan khas dari India dan begitu juga kayu-kayan dari benua Eropah. Dalam pembinaan masjid ini beliau telah mengilhamkan reka bentuk masjid dengan menerapkan ciri-ciri seni bina Moghul sebagai antara ciri seni bina yang utama pada bangunan masjid kerana menginspirasi masjid yang awal didirikan oleh kumpulan etnik suku Havidar, Jemadar dan juga Sepoi. Setelah kematian Caudeer Mohudeen pada tahun 1834 masyarakat India Muslim terus melakukan penambahbaikan ke atas masjid supaya tiada masalah yang timbul yang akan menjejaskan struktur masjid. Dalam pada itu, tanah yang dibina untuk pembinaan masjid tersebut adalah tanah yang di wakaf oleh Caudeer Mohudeen malah beliau juga turut memberikan tanah milik persendirian beliau dengan mewakafkannya kepada masjid. Tahun 1903 merupakan tahun dimana keluasan tanah tersebut mula berkurangan berikutan memberi laluan untuk aktiviti pembinaan dan

bayaran pampasan turut dibayar oleh pihak berkuasa kepada pihak masjid. Bermula daripada peristiwa tersebut keluasan asal masjid tidak lagi seperti dahulu dan kekal sehingga ke hari ini.

Lain daripada itu, pada tahun 1910 masjid Kapitan Keling sudah mula diubahsuai dengan menggunakan gaya seni bina Moghul dengan menambah mughal dan juga kubah pada bahagian bumbung masjid. Dalam pada itu, pada tahun 1916 sebuah madrasah telah dibina bersebelahan bangunan masjid untuk kegunaan pendidikan agama untuk kanak-kanak muslim. Meskipun begitu, penambahbaikan yang baru juga dilakukan pada tahun 1930 iaitu keluasan masjid ditambahkan lagi keluasan yang lebih luas seperti yang sedia dilihat pada hari ini, sementara itu ketinggian pada bahagian ruangan sembahyang utama iaitu pada bahagian tengah masjid juga ditambahkan lagi ketinggiannya. Beberapa aspek lain juga ditambahbaik seperti bahagian luar masjid yang mengenakan lantai yang berasaskan marmar putih dan tidak kurang juga hiasan dalaman masjid. Hiasan dalaman dihiasi dengan corak geometri dan beberapa penekanan corak juga dilakukan pada bahagian tiang masjid dan terdapat juga ukiran diterapkan pada bahagian menara kubah luar masjid.

Tambahan pula, tanah wakaf yang berada bertentangan dengan bangunan masjid juga dibangunkan sebuah rumah kedai rumah kediaman (apartmen) dan keberadaan binaan ini masih ada dan kekal sehingga ke hari ini. Bangunan tersebut dihuni oleh komuniti masyarakat India Muslim untuk memastikan supaya adanya ahli khairiyah masjid. Bahkan pada tahun yang sama juga pembinaan kubah emas juga ditambah sebagai inisiatif untuk menonjolkan lagi keunikan seni bina Moghul. Satu persatu penambakaan dilakukan untuk memelihara bangunan masjid supaya kekal berada dalam keadaan baik dan sempurna. Pada tahun 2002 kerajaan Malaysia telah memperuntukan sejumlah wang perbelanjaan untuk menampung kos untuk kerja-kerja pemuliharaan Masjid Kapitan Keling. Manakala pada tahun 2003, pihak masjid telah menambah baik bahagian bumbung dan bahagian dinding berikutan adanya kebocoran dikesan disebabkan berlakunya penyerapan air pada dinding dan juga bumbung. Meskipun begitu, pihak masjid juga telah membina laluan yang beratap di laluan untuk ke bahagian mengambil wudhu wanita. Tambahan pula, menara muadzin juga telah dibina dan pada bahagian menara tersebut juga telah dibina sebuah pusat informasi yang berfungsi untuk menjadi pusat dakwah kerana dilengkapi dengan sumber bahan bacaan dan adanya juga

kakitangan yang akan bertugas sebagai pendakwah untuk menerangkan mengenai agama Islam kepada pelancong yang mengunjungi masjid.

Kesimpulannya, jika dilihat dari sudut lain Masjid Kapitan Keling bukan sahaja penting pada komuniti muslim pada suatu ketika dahulu malah turut menjadi antara yang terpenting pada abad kini. Hal ini dikatakan demikian kerana Masjid Kapitan Keling pernah menjadi masjid rasmi negeri Pulau Pinang sebelum masjid negeri yang baru dibina dan siap pada awal lapan puluhan. Kini fungsi masjid ini tidak hanya bertumpu sebagai rumah ibadat malah turut menjadi tempat tarikan pelancongan yang penting untuk negeri Pulau Pinang. Menjangkau usia bangunan ini siap dibina, Masjid Kapitan Keling telah melalui beberapa fasa penambahbaikan dan pembaharuan sebagai langkah dan usaha untuk memulihara bangunan masjid supaya tidak berlakunya masalah dan kerosakan yang tidak diinginkan dan secara tidak langsung menjejaskan nilai-nilai sejarah dan seni bina masjid. Kos pembaikpulihan masjid telah menelan belanja berjuta-juta ringgit kerana melibatkan syarikat-syarikat tempatan mahupun luaran untuk pembaikpulihan bangunan masjid ini. Sehingga kini sejarah yang terukir di sepanjang perjalanannya masjid Kapitan Keling ini adalah satu kisah sejarah yang sangat hebat dan mempunyai keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri dan tidak sama seperti masjid lain yang ada di Malaysia. Oleh sebab itu, keunikan dan keistimewaan yang ada pada masjid perlu terus dijaga dan dipelihara supaya ia kekal dalam sanubari dan jiwa masyarakat tidak mengira pangkat umur, bangsa mahupun agama dan terus menyuburkan syiar islam di Pulau Pinang.


## **2.9 Rumusan bab**

Oleh itu, dalam bab 2 ini pengkaji telah membincangkan mengenai sejarah dan seni bina yang terdapat pada Masjid Kapitan Keling dengan lebih terperinci. Dengan perkara yang dibincangkan pengkaji dapat membuktikan bahawa binaan masjid tersebut lebih didominasi dengan seni bina daripada luar negara iaitu Moorish dan juga Moghul. Dengan pengumpulan maklumat berkaitan Masjid Kapitan Keling ini jelas dapat merumuskan mengenai kronologi pembinaan masjid ini dari peringkat awal sehingga peringkat yang dapat dilihat seperti sekarang ini. Pembinaan dan kewujudan binaan Masjid Kapitan Keling mempunyai seribu satu impak yang sangat positif dan drastik kepada negeri, negara, dan masyarakat tempatan. Peranannya yang menyeluruh kepada


semua baik dari segi ekonomi, pelancongan, toleransi dalam kalangan masyarakat Pulau Pinang yang pelbagai ragam budaya dan anutan agama. Dengan adanya pendokumentasian yang dilakukan ini ianya dapat dijadikan sebagai rujukan pengetahuan, aktiviti pembangunan budaya serta ketamadunan sesebuah negara sebagai usaha memelihara dan mengekalkan nilai warisan budaya tempatan.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



## **BAB 3**


### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**


Bab ini akan menjelaskan metodologi kajian yang akan digunakan oleh penyelidik sepanjang melaksanakan tugas penyelidikan ini disamping menjadi peranan sebagai panduan kepada penyelidik untuk memastikan objektif kajian yang dirangka dapat dicapai. Dalam pada itu, maklumat diperolehi daripada kaedah metodologi juga dapat membantu penyelidik untuk mendapat dan memperolehi maklumat dan data yang berkaitan dengan lebih tepat. Antara kaedah yang terlibat dalam pelaksanaan tugas penyelidikan ini adalah kaedah campuran iaitu kualitatif dan juga kuantitatif. Kaedah ini akan merangkumi beberapa peringkat yang terlibat seperti kajian kepustakaan, temu bual, analisis data, kajian selidik dan sebagainya lagi mengikut kesesuaian dan keperluan dalam penghasilan tugas ini. Oleh hal yang demikian, kesemua maklumat dan data yang diperolehi akan dikumpul dan disusun supaya tugas penyelidikan dapat dijalankan dengan lebih lancar dan sempurna.

#### **3.2 Metodologi kajian**

Metodologi kajian merupakan satu alternatif yang sangat penting dalam kajian penyelidikan ini kerana fungsi dan peranannya dalam adalah untuk memudahkan dan melancarkan proses perolehan dan pengumpulan maklumat dan juga data yang berkaitan. Proses pemerolehan maklumat dan data penyelidikan ini disertakan bersama dengan carta alir (Rajah 3.1). Carta yang dibentuk adalah untuk menerang dan memudahkan kefahaman untuk menjelaskan proses atau peringkat kajian yang dilakukan. Dalam pada itu, carta alir yang lengkap dibentuk juga berfungsi sebagai penyelesaian masalah mahupun persoalan yang timbul dapat diselesaikan dengan sempurna tanpa menjejaskan pelaksanaan tugas penyelidikan ini. Oleh hal yang demikian, dalam bab ini penyelidik akan menjelaskan dan menerangkan dengan lebih terperinci setiap komponen dalam metodologi kajian yang digunakan bagi menjawab semua permasalahan kajian dan memudahkan kajian penyelidikan dengan sempurna.




**Rajah 3.1:** Carta Alir Metodologi Kajian



**Rajah 3.2:** Carta Alir kaedah Kualitatif

Malumat dan data yang terkumpul diperolehi daripada dua kaedah metodologi kajian yang terdiri daripada dua kaedah iaitu kaedah kualitatif dan juga kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif kaedah dimana penyelidik akan mendapatkan maklumat dan data daripada pandangan responden mahupun daripada sumber ilmiah. Tujuan kaedah ini dipilih dan dilaksanakan dalam penyelidikan ini adalah untuk memastikan maklumat yang diperolehi adalah tepat dan sah. Kaedah ini akan melibatkan kaedah kepustakaan, temu bual, pemerhatian lapangan dan juga lain yang bersesuaian.



**Rajah 3.3:** Carta Alir Kaedah Kuantitatif

Selain itu, kaedah kuantitatif pula merupakan satu kaedah yang melibatkan data dan maklumat berkaitan numerik dan juga statistik. Malah kaedah ini juga akan melibatkan proses angka seperti pengiraan kuantiti dan juga peratusan dengan tujuan untuk mendapatkan keputusan akhir kajian. Dalam pada itu, kaedah kuantitatif juga akan melibatkan kaji selidik yang akan melibatkan pihak yang berperanan penting seperti responden kerana maklumat diperolehi adalah sangat penting memandangkan data yang diperolehi akan menjawab kajian penyelidikan yang dilaksanakan ini.

Meskipun begitu, pengaplikasian kedua-dua kaedah tersebut turut melibatkan penggunaan dua jenis data yang berlainan iaitu data primer dan juga data sekunder. Kedua-dua data ini diperlukan oleh penyelidik dalam penyelidikan ini untuk melengkapkan fokus kajian yang dilakukan. Menurut Yusof (2003) data primer adalah data yang berasal daripada sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Data-data ini dikumpul oleh penyelidik melalui proses eksperimental atau kajian lapangan seperti soal selidik, pemerhatian, temubual, dan sebagainya. Manakala data sekunder pula, menurut Merican (2005) data sekunder boleh dirujuk sebagai data yang telah dikumpul oleh pengkaji lain. Data-data yang diperolehi oleh pengkaji lepas masih lagi relevan dan sesuai untuk dijadikan rujukan dan digunakan untuk menjawab persoalan kajian dalam kajian penyelidikan ini. Data sekunder ini boleh diperolehi melalui kepustakaan, internet, arkib dan sebagainya lagi.

Berdasarkan kajian penyelidikan yang dilakukan ini, pendekatan yang dilakukan oleh penyelidik dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif adalah bersesuaian dengan dengan kajian yang dilakukan kerana dapat membantu untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dan bersesuaian dengan objektif yang dibentuk oleh penyelidik. Oleh hal yang demikian, penggunaan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif dapat mengukuhkan lagi maklumat yang diperolehi berkaitan dengan kajian penyelidik supaya tidak menimbulkan sebarang perdebatan pada kemudiannya.

### **3.3 Data Primer**

Sumber primer merupakan satu perolehan maklumat dan data asal yang telah sedia ada tanpa ada ubahan atau tokok tambahan dan ini bermaksud maklumat yang diperolehi adalah asli. Sumber yang dinyatakan dapat diperolehi dan lebih tertumpu dalam bentuk tulisan tangan, dan bahan yang belum diolah atau dicetak. Antara sumber primer yang dinyatakan adalah terdiri daripada temu bual, pemerhatian lapangan, survey lapangan dan sebagainya lagi dan bergantung kepada kesesuaian jenis kajian penyelidikan yang dilakukan. Penggunaan data primer sememangnya sangat diperlukan dalam penyelidikan penyelidik kerana keberkesannya dalam membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat dan data berkaitan kajian dengan lebih tepat dan sah. Dalam kajian penyelidikan ini, penggunaan kaedah seperti temu bual, pemerhatian lapangan telah digunakan oleh penyelidik kerana ianya dilihat sesuai dengan keperluan kajian penyelidik. Oleh itu, sememangnya penggunaan kaedah ini merupakan satu alternatif yang sesuai dan akan digunakan oleh penyelidik untuk membantu perolehan maklumat dengan lebih mudah dalam kajian penyelidikan ini.

#### **3.3.1 Temu bual**

Kaedah temu bual merupakan kaedah yang dilaksanakan oleh penyelidik dalam kajian ini. Kaedah ini digunakan oleh penyelidik adalah untuk memudahkan maklumat diperolehi secara terus daripada pihak yang telah dipilih oleh penyelidik. Menurut Kamarul Azmi Jasmi 2012 menyatakan kaedah ini menggunakan penemuramah yang menjalankan temu bual yang terperinci berdasarkan garis panduan yang ditetapkan. Dengan adanya kaedah kaedah temu bual ini, penyelidik dapat mendapatkan maklumat

seperti latar belakang, ciri-ciri serta informasi yang berkaitan dengan kajian dan secara langsung mendapat maklumat yang sahih dan tepat. Dalam pada itu, pilihan kaedah ini juga adalah kerana usaha penyelidik untuk menjalankan sesi soal jawab dengan kumpulan masyarakat sekitar berbanding menggunakan kaedah pengisian borang soal selidik. Di samping itu, kaedah temu bual secara bersemuka ini adalah lebih harmoni kerana memerlukan interaksi antara penyelidik dengan kumpulan masyarakat.

### **3.3.2 Pemerhatian lapangan**

Kaedah pemerhatian lapangan ini merupakan kaedah yang memerlukan komitmen penyelidik samaada melakukan pemerhatian secara terus mahupun secara penglibatan. Kaedah pemerhatian secara terus ini memerlukan penyelidik untuk melakukan pemerhatian secara langsung di kawasan kajian di samping mengumpul maklumat dan data yang diperlukan. Di samping, kaedah secara penglibatan pula merupakan kaedah antropologi (kajian tentang kehidupan masyarakat). Kaedah ini memerlukan penyelidik untuk melibatkan diri dengan kumpulan masyarakat supaya mudah memahami dengan lebih jelas mengenai kehidupan masyarakat sekitar dan dalam masa yang sama pengumpulan maklumat dan data yang diperlukan dapat direkod.

### **3.4 Data Sekunder**

Data sekunder merupakan data yang diperolehi daripada bahan-bahan kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu mahupun informasi atau maklumat yang terdapat bahan-bahan rujukan ilmiah. Melalui pembacaan bahan rujukan ilmiah data yang diperlukan akan diperolehi dan akan direkodkan dengan menggunakan olahan yang bersesuaian dengan kehendak dan juga keperluan dalam kajian penyelidikan ini. Secara spesifiknya pengumpulan data sekunder dapat diperolehi dari beberapa platform yang menyedia dan membekalkan data yang berkaitan seperti platform perpustakaan dan juga secara maya iaitu internet. Keadaan sebegini membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang diperlukan dengan lebih meluas. Terdapat pelbagai bentuk bahan yang boleh dijadikan sebagai sumber data sekunder ini seperti buku, kajian terdahulu, tesis, artikel, jurnal dan lain-lain. Keperluan data sekunder ini adalah bagi menyokong



maklumat yang diperolehi daripada data primer supaya kedua-dua data berkait dengan penyelidikan yang dijalankan.

### **3.4.1 Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan ini merupakan satu usaha penyelidik untuk menghimpun segala informasi yang relevan dan berkaitan yang diperlukan dalam penyelidikan. Kaedah ini merupakan kaedah yang awal dilakukan untuk mendapatkan maklumat. Pemerolehan maklumat dapat diperolehi daripada bahan-bahan ilmiah seperti buku, laporan penelitian, karangan-karangan ilmiah, tesis, serta sumber-sumber bertulis yang lain. Sumber-sumber yang diperolehi dapat dijadikan sebagai panduan untuk menyediakan laporan kajian penyelidikan. Dengan adanya kaedah kepustakaan ini penyelidik akan lebih mendapat gambar yang jelas konsep, kaedah, serta pengolahan dan penganalisan data yang bersesuaian dengan reka bentuk kajian penyelidikan yang dilakukan. Di samping itu, kaedah kepustakaan ini juga berfungsi dan berperanan untuk membanding, membezakan, menganalisis, menilai dan membuat kesimpulan ke atas kajian yang dilakukan.

### **3.4.2 Internet**

Dalam kajian penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan sumber internet bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dilakukan. Antara laman sesawang yang dijadikan sebagai rujukan penyelidik adalah seperti "*Course Hero*", "*Scribd*" dan sebagainya lagi. Rujukan dan pemerolehan data maklumat dari sumber internet dapat membantu penyelidik untuk mendapat maklumat yang lebih luas dan juga terkini mengenai tajuk kajian yang difokuskan. Dan ini jelas bahawa penyelidik tidak hanya bergantung pada sumber yang bercetak semata-mata. Dalam pada itu, melalui penggunaan kaedah ini juga segala maklumat dapat diperolehi tanpa had dan dapat dilakukan pada bila masa yang diperlukan.

### 3.5 Rumusan bab

Kesimpulannya, pemilihan dan penggunaan metodologi kajian yang betul adalah sangat diperlukan supaya sesuatu penyelesaian masalah dapat diperolehi. Pelbagai perkara perlu diambil kira supaya keberkesanan dalam proses perolehan data dapat dicapai. Dengan mengambil kira semua faktor-faktor yang timbul maka penggunaan kaedah seperti kualitatif dan kuantitatif adalah diperlukan. Meskipun kedua-dua kaedah tersebut mempunyai perbezaan dan juga merupakan kaedah yang empirikal, namun semua penyelidikan mempunyai matlamat yang sama iaitu mencapai objektif kajian. Oleh itu, dalam kajian penyelidikan ini kaedah kepustakaan, internet, temu bual, pemerhatian lapangan digunakan oleh penyelidik supaya kajian penyelidikan ini mendapat maklumat dan data yang mencukupi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam kajian ini.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Di dalam bab 4 ini, penyelidik akan membincangkan mengenai hasil dapatan yang dilakukan dan diperolehi sepanjang kajian ini dilaksanakan dengan berdasarkan persoalan dan objektif yang dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Dapatan kajian akan membincangkan mengenai analisis terperinci mengenai keistimewaan dan keunikan bangunan Masjid Kapitan Keling yang merangkumi dari segi aspek sejarah, seni bina serta impak kewujudan kepada masyarakat tempatan. Dalam proses pelaksanaan tugas ini juga penyelidik telah menggunakan beberapa pendekatan metodologi kajian yang dipilih dan bersesuaian dengan keperluan kajian dengan tujuan untuk mengumpul data dan maklumat berkenaan dengan topik yang ingin dibincangkan dalam kajian ini. Penyelidik telah memilih kaedah metodologi campuran yang merangkumi kaedah kualitatif dan juga kuantitatif. Bagi kaedah kualitatif penyelidik telah mengemukakan beberapa pendekatan penting yang merangkumi kajian kepustakaan, temu bual dan juga pemerhatian lapangan. Manakala bagi kaedah kuantitatif pula penyelidik menggunakan pendekatan seperti analisis data sekunder dan juga menggunakan kaji selidik. Kedua-dua aspek ini memerlukan pengkaji untuk menganalisis data untuk menjawab objektif dan juga persoalan berkaitan kajian ini.

Bagi mendapatkan maklumat dan informasi berkaitan kajian ini, penyelidik telah melakukan kaedah temubual. Tujuan kaedah ini dipilih dan digunakan dalam kajian ini adalah untuk membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai topik dan fokus kajian. Dengan menggunakan kaedah ini, penyelidik telah melakukan temubual bersama pihak dengan pengurusan daripada Masjid Kapitan Keling. Dengan adanya temubual ini dengan pihak masjid, ini akan lebih memudahkan penyelidik untuk lebih memahami dan mengumpul data berkaitan kajian ini. Walaubagaimanapun, penyelidik tidak hanya menggunakan kaedah temubual sahaja malah penyelidik juga menggunakan kaedah kaji selidik. Kaedah ini memerlukan penyelidik untuk mengemukakan beberapa pernyataan berkaitan kajian terutamanya untuk menjawab objektif kajian penyelidik yang kedua dan ketiga. Penyelidik telah mengedarkan kaji selidik ini kepada komuniti masyarakat untuk memberikan respon dan reaksi untuk

menjawab pernyataan yang dikemukakan dalam kaji selidik tersebut. Pengedaran kaji selidik adalah melalui pihak masjid kepada pihak komuniti masyarakat dan juga usaha dari penyelidik sendiri dengan mewar-warkan pautan kaji selidik. Tambahan pula, melalui kaji selidik ini juga responden juga boleh mengemukakan pandangan mereka dan sekiranya ada pandangan yang bersesuaian juga akan dibincangkan dalam bab ini.

## **4.2 PENDOKUMENTASIAN KEISTIMEWAAN DAN KEUNIKAN MASJID KAPITAN KELING.**

### **4.2.1 Motif bunga tulip sebagai lambang keunikan yang terpancar di Masjid Kapitan Keling.**

Masjid Kapitan Keling menjadi lambang dan mercu tanda syiar Islam berkembang di Pulau Pinang. Masjid Kapitan Keling juga telah menjadi satu pusat untuk komuniti setempat untuk menjalankan kegiatan dan aktiviti dan dikehendaki dalam Islam. Bertahun lamanya usia masjid ini wujud dan binaannya masih tersergam indah sehingga ke hari ini. Pelbagai aspek yang menjadikan bangunan warisan ini terus dipelihara untuk dijadikan sebagai tinggalan warisan sejarah kepada negeri mahupun negara. Dan terdapat juga pelbagai indikator penting yang menjadikan bangunan ini mempunyai keistimewaan dan keunikannya yang tersendiri dan tidak sama dengan masjid-masjid lain di Malaysia. Jika disebut dan dibincangkan mengenai Masjid Kapitan Keling ini sudah pasti dapat membayangkan bagaimana Masjid Kapitan Keling ini. Usianya yang sudah mencecah 200 tahun telah memendam dan menyimpan seribu satu kisah yang menarik dan perlu dijelajah supaya bangunan ini terus menjadi bangunan yang dipelihara dan dijaga untuk diteladani generasi yang akan datang. Keistimewaan dan keunikan yang ada pada Masjid Kapitan Keling ini menjadi satu simbolik yang menggambarkan bahawa bangunan warisan ini mempunyai nilai-nilai yang tiada tolak bandingnya dan mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri sebagai imej utama kepada bangunan warisan Masjid Kapitan Keling.

Seterusnya, pelbagai aspek-aspek yang membolehkan masjid ini mempersembahkan keistimewaan dan keunikan yang ada pada bangunan warisan tersebut. Aspek seni bina merupakan satu aspek yang sangat dominan yang boleh menjadi indikator untuk menerangkan keistimewaan dan keunikan yang ada pada bangunan warisan tersebut.

Aspek ini juga menjadi penyumbang untuk menghidupkan keunikan arkitekstur yang ada bangunan warisan Masjid Kapitan Keling. Seni bina yang ada pada Masjid Kapitan Keling ini yang memberikan satu keunikan dan keistimewaan padanya ialah penggunaan seni motif Bunga Tulip. Bunga Tulip merupakan seni bina yang ada pada bangunan warisan Masjid Kapitan Keling yang memberikan satu ciri keistimewaan dan keunikan pada bangunan tersebut. Seni Bunga Tulip ini pada asalnya banyak digunakan di negara-negara Eropah memandangkan tumbuhan tersebut merupakan tumbuhan yang popular di Eropah. Namun seni bina tersebut telah diaplikasikan dan digunakan dengan bahagian bangunan warisan Masjid Kapitan Keling. Penggunaan motif floran ini telah memperkayakan estetika masjid dan telah memberikan satu gabungan yang menarik antara unsur-unsur seni bina Islam dan juga motif floral Eropah. Penggunaan bunga tulip juga bukan sahaja membentuk ataupun mencipta satu keunikan seni bina malah juga memberi dan menyampaikan satu makna yang mendalam untuk menonjolkan keunikan yang ada pada bangunan dan secara tidak langsung menjadi ciri keistimewaan pada bangunan warisan tersebut. Menurut Encik Mohamed Rizwan Abdol Ghafoor Khan (2023) ada menyatakan bahawa seni Bunga Tulip masih terdapat pada beberapa hiasan masjid:

Bunga Tulip ini satu seni bina tu masih ada dengan daun ataupun arca Bunga Tulip masih ada dalam beberapa hiasan masjid yang melambangkan Bunga Tulip iaitu bunga yang hadir daripada Turki dan kepada imam Hanifah.

(Mohamed Rizwan, 2023)

Melalui petikan di atas, Encik Rizwan menyatakan bahawa seni bina Bunga Tulip masih berada pada beberapa bahagian di dalam hiasan masjid malah Bunga Tulip juga merupakan satu lambang bunga yang datang daripada negara Turki kepada Iman Hanifah.

Seni bina Bunga Tulip yang digunakan pada bangunan Masjid Kapitan Keling telah menghadirkan satu perspektif yang memberikan penekanan terhadap kepelbagaian seni budaya yang diadaptasikan pada seni bina Islam. Pengaruh seni bina yang dibawa telah mencipta satu nilai seni yang unik yang menggabungkan seni dari Eropah dan juga Asia. Keistimewaan seni bina Bunga Tulip di Masjid Kapitan Keling telah memperlihatkan satu gabungan seni bina yang harmoni dan pelbagai. Setiap hiasan Bunga Tulip yang digunakan telah dipilih dengan teliti dan diatur pada bahagian-bahagian yang tertentu



pada bangunan masjid supaya motif tersebut dapat menonjolkan lagi seni bina yang ada pada masjid. Motif ini bukan sahaja mencipta keseimbangan nilai estetika pada bangunan malah juga menekan prinsip seni bina Islam yang menekankan ketelitian dan juga keindahan. Dalam pada itu, penggunaan motif Bunga Tulip yang merentasi binaan konkrit masjid telah memberikan corak yang menarik dan secara tidak langsung memberikan satu cerminan yang baik terhadap arkitek-arkitek yang terlibat dalam pembinaan bangunan Masjid Kapitan Keling.

Selain itu, penggunaan Bunga Tulip ini tidak semata-mata digunakan sebagai hiasan sahaja malah juga memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan cerita-cerita sejarah dan perkembangan yang berlaku pada bangunan masjid. Setiap ukiran, motif, seni yang ada pada bangunan masjid mempunyai maksud dan pengaruhnya yang tersendiri. Dominasi seni Islam daripada empayar kerajaan Mughal menjadi satu seni bina yang sering digembar-gemburkan dalam seni bina Masjid Kapitan Keling. Namun begitu, seni bina yang bermotifkan Bunga Tulip di Masjid Kapitan Keling menjadi satu naratif yang berfungsi untuk menghidupkan nilai-nilai warisan dan menghidupkan kembali kisah-kisah silam samada dari perspektif masyarakat mahupun agama. Seni bina ada yang ada juga telah memberikan satu makna yang penting bagi setiap komuniti masyarakat Islam Kapitan Keling dalam membentuk identiti dan juga warisan mereka di Malaysia sejak dari dahulu sehingga sekarang. Menurut Encik Mohamed Rizwan Abdol Ghafoor Khan (2023) menyatakan bahawa Bunga Tulip ini menggambarkan fahaman Imam Hanifah yang dibawa kumpulan pedagang:

Bunga Tulip masih ada dalam beberapa hiasan masjid yang melambangkan Bunga Tulip iaitu bunga yang hadir daripada Turki dan kepada imam Hanifah. Ini adalah satu simbolik yang menunjukkan fahaman imam hanifah imam Hanafi lebih mandalam dalam masyarakat setempat yang dibawa pedagang.

(Mohamed Rizwan, 2023)


Berdasarkan petikan di atas, responden temubual iaitu Mohamed Rizwan Abdol Ghafoor Khan menyatakan bahawa seni Bunga Tulip yang menjadi hiasan masjid dan melambangkan kepada Imam Hanifah dan menjadi satu simbolik yang menunjukkan kepada fahaman Imam Hanafi yang lebih kuat dalam masyarakat setempat dan juga pedagang-pedagang yang berdagang pada satu ketika dahulu.

Seterusnya, berdasarkan hasil pemerhatian dan juga tinjauan lapangan yang dilakukan juga mendapati motif Bunga Tulip ini masih digunakan pada beberapa bahagian bangunan masjid. Ketika kajian lapangan dilakukan penyelidik mendapati motif Bunga Tulip banyak dikesan digunakan pada bahagian dinding-dinding bangunan masjid dan begitu juga pada bahagian tiang masjid. Motif Bunga Tulip yang dikesan juga banyak dihasilkan dalam pelbagai aneka ragam bentuknya namun masih mengekalkan nilai dan juga unsur motif Bunga Tulip. Reka bentuk Bunga Tulip yang digunakan ada menonjolkan motif bunga yang berkembang dan ada juga motif bunga separa kembang. Keadaan reka bentuk motif tersebut mungkin berbeza kerana bergantung pada kedudukan motif tersebut diletakkan. Tambahan pula, ada sebahagian motif tersebut diwarnakan dengan warna kelabu dan ada juga diwarnakan dengan warna putih tanpa menggunakan warna asal daripada Bunga Tulip tersebut.



Rajah 4.1: Motif Bunga Tulip pada bahagian dinding masjid

Sumber: Pemerhatian lapangan




Rajah 4.2: Motif Bunga Tulip pada bahagian tiang masjid

Sumber: Pemerhatian lapangan



Rajah 4.3: Motif Bunga Tulip pada bahagian gerbang tingkap masjid

Sumber: Pemerhatian lapangan



Rajah 4.4: Motif Bunga Tulip pada bahagian dinding mihrab masjid

Sumber: Pemerhatian lapangan



Rajah 4.5: Motif Bunga Tulip pada tiang masjid


Sumber: Pemerhatian lapangan





Rajah 4.6: Motif Bunga Tulip pada gerbang dinding masjid

Sumber: Pemerhatian lapangan



Rajah 4.7: Motif Bunga Tulip pada gerbang pintu utama masjid

Sumber: Pemerhatian lapangan

Ini jelas menunjukkan bahawa seni bina Bunga Tulip ini tidak hanya terbatas kepada kecantikan luaran yang ditonjolkan malah menjadi cerminan kepada nilai-nilai warisan dan juga keharmonian agama Islam. Melalui keunikan dan keistimewaan yang



ada ini tidak hanya menjadikan Masjid Kapitan Keling sebagai tempat untuk beribadah semata-mata malah dapat menjadi pusat seni yang dapat menceritakan kisah peradaban dan kepelbagaian warisan dari pelbagai budaya etnik masyarakat. Pentingnya seni bina Bunga Tulip di Masjid Kapitan Keling bukan sahaja menyampaikan nilai estetika dan simbolik masjid sahaja malah dapat bertindak menjadi satu wahana untuk menyampaikan nilai-nilai agama dan juga ajaran Islam.

#### **4.2.2 Keistimewaan Masjid Kapitan Keling sebagai pusat integrasi dan perpaduan masyarakat.**

Masjid Kapitan Keling sebuah ikon agama yang kaya dengan nilai warisan sejarahnya dan juga berdiri megah menjadi tempat yang disanjung bagi masyarakat yang beragama Islam di Pulau Pinang terutamanya di bandar Georgetown. Masjid ini juga sejak sekian lama telah menjalankan perannya kepada masyarakat untuk membentuk satu keharmonian dan juga kesejahteraan masyarakat Islam di Pulau Pinang malah juga kepada masyarakat yang bukan Islam juga turut menerima manfaat tersebut. Masjid bukan sahaja menyerlahkan fungsi dan perannya menjadi satu pusat ibadah umat Islam malah menjadi tempat mahupun wadah yang memayungi integrasi dan perpaduan masyarakat. Keistimewaan dan keunikan Masjid Kapitan Keling tidak hanya bergantung dan hanya bernoktahkan pada kemegahan ketinggian menara masjid mahupun arkitektur yang digunakan pada masjid semata-mata, malah masjid ini menjadi satu platform untuk semua komuniti masyarakat yang berbilang kaum, budaya untuk berkumpul dan secara tidak langsung menjadi landasan untuk membentuk perpaduan yang lebih harmoni.

Masjid Kapitan Keling juga menjadi satu daya tarikan yang menonjolkan keragaman budaya daripada pelbagai kumpulan komuniti dan etnik yang membentuk satu tembok yang mengukuhkan ruangan perpaduan. Keragaman ini adalah disebabkan oleh kesatuan pelbagai ragam etnik budaya dari luar dan juga tempatan yang bergabung di bawah satu pegangan dan fahaman yang dianjurkan dalam ajaran agama Islam. Bukan itu sahaja ruangan-ruangan yang ada pada Masjid Kapitan Keling ini juga menjadi pintu-pintu utama kepada individu atau masyarakat yang datang dari pelbagai kepercayaan dan anutan dapat berhimpun dan dapat mengeratkan silaturahim serta menjalin hubungan ukhuwah yang lebih mesra. Ini dapat membuktikan bahawa institusi ini buka sahaja

menunjukkan imej ataupun simbol kepada agama Islam sahaja malah menjadi satu titik pertembungan bermulanya kepelbagaian aneka ragam budaya dan kekuatan ikatan perpaduan masyarakat di Pulau Pinang dan mahupun di Georgetown.

Sejak dari awal permulaan Masjid Kapitan Keling ini siap dibina iaitu 200 tahun yang lalu Masjid Kapitan Keling telah menjadi pusat untuk masyarakat berkumpul untuk bersama-sama membincangkan dan menyelesaikan masalah yang timbul. Masalah mahupun hal-hal penting yang berlaku samada hal-hal peribadi, soal agama, mahupun masyarakat akan merujuk terus ke institusi masjid untuk dibincangkan. Hal ini berlaku kerana, pada zaman dahulu teknologi yang ada tidaklah begitu canggih untuk masyarakat mahupun individu tertentu berurusan dan berkomunikasi dengan mudah tidak seperti zaman moden abad ke 20 yang jauh lebih canggih dan mudah untuk berkomunikasi. Kekurangan ini memerlukan masyarakat pada zaman tersebut memerlukan kerahan dan penggunaan tenaga manusia sendiri untuk menggerakkan sesuatu kegiatan mahupun aktiviti yang diinginkan. Umat Islam yang ada dari pelbagai etnik, kelas sosial mahupun latar belakang akan bersama-sama berkumpul dan berdialog untuk mengatasi masalah yang berlaku. Perkara ini juga dalam masa yang sama dapat mengecapi kebersamaan dalam beribadah dan juga dapat mencerminkan nilai kesatuan dalam agama Islam meskipun berbeza latar belakang tidak menjadi penghalang untuk bersama bersatu dan mengukuhkan ukhuwah bersama. Menurut Encik Mohamed Rizwan Abdol Ghafoor Khan (2023) juga menyatakan bahawa keistimewaan Masjid Kapitan Keling ini juga menjadi tempat untuk masyarakat berbincang mengenai hal-hal dan kemusykilan yang timbul dalam kalangan masyarakat Islam:

Apa yang mereka buat waktu tersebut adalah di Masjid Kapitan Keling kita ada tempat untuk masyarakat berkumpul untuk menjalankan pelbagai healing dalam bahasa Inggeris. Iaitu satu diatas urusan harta benda urusan mengenali saudara bila mereka ada saudara yang datang daripada perdagangan dia tak ada lagi pengangkutan so mereka akan berjumpa di satu disini masjid Kapitan.

(Mohamed Rizwan, 2023)

Berdasarkan petikan di atas, responden temubual menyatakan bahawa pada ketika dahulu di masyarakat menjadikan Masjid Kapitan Keling adalah tempat untuk berkumpul. Malah Masjid Kapitan Keling juga menjadi tempat untuk masyarakat

menjalankan urusan mengenai harta benda dan juga mengenali saudara mara mereka yang datang daripada aktiviti perdagangan kerana pada ketika itu tiada lagi pengangkutan yang memudahkan mereka bertemu dan juga berkomunikasi.

Selain itu, keistimewaan Masjid juga dapat dilihat melalui peranannya yang aktif dalam usaha untuk membina jaringan sosial dalam kalangan masyarakat yang pelbagai etnik dan kepercayaan. Usaha ini bukanlah satu usaha untuk menyimpang kepercayaan agama daripada etnik lain akan tetapi untuk membina ikatan ukhawah yang lebih mantap meskipun berbeza pegangan agama dan kepercayaan. Melalui program-program, pendidikan mahupun kebajikan telah diadakan di Masjid Kapitan Keling dan telah membina satu hubungan yang erat antara individu dan keluarga komuniti daripada berbagai kaum. Melalui aktiviti yang dianjurkan di Masjid Kapitan Keling ini telah mewujudkan ruang lingkup yang lebih luas dalam interaksi dan komunikasi masyarakat dalam usaha untuk memupuk pemahaman dan saling menghormati antara komuniti masyarakat yang berlain etnik. Masjid Kapitan Keling tidak hanya terbuka kepada umat Islam sahaja malah menjadi tempat dan juga ruang untuk mengadakan sesi dialog untuk memberikan penerangan dan pengetahuan kepada masyarakat yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Islam. Interaksi dan perkongsian pemikiran yang sebegini dapat membantu bersama-sama memahami perbezaan dan persamaan antara kepercayaan agama malah dapat memperkukuhkan ikatan keamanan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Menurut Encik Mohamed Rizwan Abdol Ghafoor Khan (2023) dalam sesi temubual ada menyatakan bahawa Masjid Kapitan Keling telah menganjurkan program tahunan yang melibatkan komuniti masyarakat:

Program dan kegiatan yang telah kami jalankan sejak tahun 2009 di mana kita menjalankan program sambutan hari warisan Masjid Kapitan Keling dan juga masyarakat India Muslim. Kami sebut India Muslim Heritage Celebration. Di mana program tersebut dijalankan setiap tahun pada 7 Julai di mana program-program mengingatkan kepada warisan, makanan, dan juga telah ditampilkan kepada masyarakat bukan masyarakat India Muslim saja tetapi menghubungkan semua masyarakat lain untuk datang ke masjid.

(Mohamed Rizwan, 2023)

Berdasarkan petikan di atas, responden menyatakan bahawa terdapat program dan juga kegiatan yang telah dijalankan sejak tahun 2009. Program yang dijalankan adalah sambutan Hari Warisan Masjid Kapitan Keling dan juga masyarakat India Muslim.

Sambutan tersebut juga dipanggil “India Muslim Heritage Celebration”. Program tersebut juga dijalankan setiap tahun pada tanggal 7 Julai dengan tujuan untuk mengingatkan warisan, makanan dan juga untuk menampilkan dan memperkenalkan kepada masyarakat bukan India Muslim dan menghubungkan semua masyarakat untuk datang melawat Masjid Kapitan Keling.

Rentetan itu, hasil daripada temubual dan tinjauan lapangan yang dilakukan dapat menyelidik rumuskan bahawa Masjid Kapitan Keling mempunyai keistimewaan dan juga keunikannya yang tersendiri. Meskipun fungsi dan juga peranannya mungkin sama sebagai tempat untuk beribadah namun nilai-nilai warisan sejarah, seni bina dan arkitektur menjadikannya sebagai bangunan yang patut dijadikan sebagai ikon warisan di peringkat tempatan mahupun di peringkat antarabangsa. Motif-motif yang digunakan pada bangunan masjid juga menunjukkan satu kelainan berbanding bangunan masjid yang lain. Ini kerana setiap motif yang digunakan adalah kerana mempunyai maksud dan tujuannya yang tersendiri supaya nilai budaya masyarakat dapat dikekalkan dan dipelihara untuk tatapan generasi depan. Tambahan pula, fungsi dan juga peranan Masjid Kapitan Keling yang sudah lama menyuburkan ikatan dan jalinan hubungan masyarakat setempat dari awal penjajahan kolonial sehinggalah pasca penjajahan kolonial. Dan sehingga ke hari ini Masjid Kapitan Keling terus menjadi lokasi untuk mengimarahkan lagi ikatan ukhuwah masyarakat berbilang kaum dan juga agama di Pulau Pinang. Aktiviti-aktiviti dan juga program yang dijalankan telah membuktikan usaha pihak masjid untuk membawa status Masjid Kapitan Keling ke peringkat yang lebih tinggi dalam usaha memperkenalkan hasil karyawarisan tempatan ke peringkat global.

### **4.3 IMPAK MASJID KEPADA SOSIAL, EKONOMI, PELANCONGAN SERTA BUDAYA TERHADAP MASYARAKAT TEMPATAN.**

Masjid sememangnya satu institusi yang menjadi pusat dengan memainkan peranan yang penting dalam pelbagai aspek yang merangkumi aspek kehidupan masyarakat tempatan, aspek sosial, ekonomi, pelancongan dan juga budaya. Kewujudan masjid merupakan satu indikator penting untuk meningkatkan kualiti institusi keagamaan dan menjadi penyumbang kepada perkembangan ekonomi tempatan terutamanya dalam sektor pelancongan. Keharmonian dan perpaduan juga akan lebih kukuh dan mantap seiring usaha membawa imej dan nama baik negara ke peringkat antarabangsa. Dalam pada itu, usaha untuk mencapai tahap nilai dan sifat tanggungjawab yang tinggi dalam kalangan masyarakat untuk memelihara warisan budaya tempatan akan lebih kuat dalam jiwa dan sanubari masyarakat. Pemahaman yang lebih mendalam mengenai impak masjid dapat membantu semua pihak untuk bersama-sama bekerjasama untuk membangunkan strategi yang lebih berkesan untuk dimanfaatkan bersama pembangunan masjid dan juga masyarakat.

Hasil kaji selidik yang dilakukan oleh penyelidik telah mendapatkan sejumlah besar responden daripada kalangan masyarakat tempatan yang memberikan pandangan dan pendapat mereka hasil daripada pembinaan dan kewujudan bangunan warisan Masjid Kapitan Keling dalam komuniti masyarakat tempatan. Penyelidik juga telah menggunakan menggunakan perisian alternatif “*google form*” untuk kaji selidik ini bagi mendapatkan reaksi dan pandangan masyarakat. Seramai 130 orang responden telah menjawab kaji selidik ini dan sebahagian kecil telah memberikan pandangan dan pendapat mengenai perkara yang dibangkitkan dalam kaji selidik tersebut. Perkara yang terdapat dalam kaji selidik tersebut adalah merangkumi demografi responden, persepsi masyarakat, dan impak dari segi ekonomi, pelancongan, dan juga sosial. Hasil dapatan kaji selidik yang diperolehi penyelidik akan dibincangkan dan diperincikan melalui carta, graf, jadual dan juga huraian yang berkaitan dengan hasil dapatan.

#### **4.3.1 Data Demografi Responden**

Demografi responden yang dilakukan dalam kaji selidik ini membantu untuk memastikan sasaran responden dalam kajian ini. Aspek yang menjadi penekanan dalam pengumpulan data demografi responden ini adalah merangkumi aspek jantina, umur,




status dan juga kaum. Tujuan aspek-aspek tersebut ditekankan dalam demografi responden ini adalah untuk mengenalpasti intipati maklumat berkaitan latar belakang dan juga kriteria responden. Dalam masa yang sama hasil daripada demografi responden ini juga penyelidik dapat mengklasifikan komposisi responden yang lebih tepat dalam kaji selidik ini.

Berdasarkan carta 4.1 menunjukkan bahawa jumlah responden mengikut jantina adalah seimbang. Hasil dapatan menunjukkan jenis jantina lelaki dan perempuan menunjukkan jumlah sebanyak (50%) bersamaan 65 orang responden lelaki dan 65 orang responden perempuan. Jumlah responden yang seimbang ini adalah kerana penyelidik mengedarkan pautan kaji selidik ini kepada jumlah responden yang disasarkan penyelidik mengikut jenis jantina responden.

Selain itu, berdasarkan carta 4.2, menunjukkan jumlah responden mengikut tahap umur. Responden yang berumur 18-25 tahun adalah sebanyak (71.5%) bersamaan dengan 93 orang responden. Manakala responden yang berumur 25-33 tahun adalah sebanyak (10%) bersamaan dengan 13 orang responden. Sementara itu, responden yang berumur 34-40 tahun pula adalah sebanyak (8.5%) bersamaan dengan 11 orang responden. Meskipun begitu, jumlah untuk responden yang berumur 40 tahun ke atas pula merekodkan sebanyak 10% bersamaan 13 orang responden. Hasil daripada rekod dapatan ini menunjukkan bahawa responden yang berumur 18-25 tahun mendominasi jumlah responden kaji selidik ini iaitu bersamaan (71.5%) peratus. Faktor penyumbang kepada jumlah tertinggi tersebut adalah kerana faktor penguasaan dan kemahiran responden terhadap pengendalian media-media sosial memandangkan kaji selidik ini diedarkan melalui perkongsian pautan.


Seterusnya, berdasarkan carta 4.3 menunjukkan jumlah responden mengikut status. Responden yang mempunyai status bujang adalah sebanyak (75.4%) bersamaan 98 orang responden. Manakala jumlah responden yang berstatus berkahwin adalah sebanyak (24.6%) bersamaan 32 orang responden. Berdasarkan hasil jumlah responden tersebut menunjukkan jumlah responden yang mempunyai status bujang adalah paling tinggi iaitu sebanyak (75.4%) bersamaan 98 orang berbanding responden yang berstatus berkahwin hanya sebanyak (24.6%) bersamaan 32 orang. Perbezaan jumlah tersebut mungkin disebabkan oleh faktor mahupun kekangan masa yang ada untuk menjawab kaji selidik yang dilakukan oleh penyelidik.

Di samping itu, merujuk pula pada carta 4.4 menunjukkan jumlah responden mengikut kaum. Terdapat tiga kaum utama dan beberapa kaum lain-lain. Jumlah responden kaum utama iaitu kaum Melayu menunjukkan jumlah rekod sebanyak (69.2%) bersamaan 90 orang responden manakala responden mengikut kaum Cina pula menunjukkan sebanyak (10.8%) bersamaan 14 orang responden dan jumlah responden mengikut kaum India pula menunjukkan jumlah sebanyak (12.3%) bersamaan 16 orang responden . Manakala responden mengikut kaum lain iaitu kaum Jawi Peranakan menunjukkan jumlah sebanyak (5.4%) bersamaan 7 orang responden dan jumlah responden mengikut kaum Dusun dan juga Iban masing-masing menunjukkan jumlah sebanyak (1%) bersamaan 1 orang bagi setiap kaum tersebut. Berdasarkan jumlah data mengikut kaum ini menunjukkan jumlah responden kaum Melayu adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak (69.2%) berbanding kaum-kaum lain. Kaum Iban dan Dusun masing-masing merekodkan jumlah paling rendah dalam komposisi kaum responden kaji selidik ini iaitu sebanyak (1%) sahaja. Perbezaan ini mungkin berlaku disebabkan oleh faktor kawasan tersebut yang didominasi sesuatu kaum dan perlu juga mengambil kira faktor lokasi yang mungkin menjadi pusat tumpuan ekonomi yang menghadirkan pelbagai jenis kaum di kawasan tersebut sebagai tempat mencari sumber pendapatan.




Carta 4.1: Jumlah responden mengikut jantina

Sumber: Kajian Lapangan 2023




Carta 4.2: Jumlah responden mengikut umur

Sumber: Kajian lapangan



Carta 4.3: Jumlah responden mengikut status

Sumber: Kajian lapangan



Carta 4.4: Jumlah responden mengikut kaum

Sumber: Kajian lapangan

#### 4.3.2 Impak Masjid Kapitan Keling pada sektor ekonomi.

Masjid Kapitan Keling merupakan mercu tanda bandar warisan Georgerown, Pulau Pinang. Peranannya dalam konteks keagamaan dan juga kebudayaan telah memberikan impak yang signifikan terhadap sektor ekonomi tempatan. Lokasi dan keberadaannya yang strategik tidak dapat memisahkannya daripada menjadi pendorong kepada pelancongan, perniagaan, dan juga pertumbuhan ekonomi di kawasan sekitar. Hasil dapatan kajian akan meneliti dan menganalisis bagaimana impak Masjid Kapitan Keling ini dalam membentuk landskap ekonomi masyarakat setempat dan memberikan sumbangan kepada pertumbuhan dan kelanjutan sektor ekonomi di kawasan sekitar.

Hasil dapatan kaji selidik mendapati bahawa majoriti 59 orang responden bersamaan (45.4%) sangat setuju bahawa terbinanya Masjid Kapitan Keling ini dapat membantu komuniti tempatan dalam menjana pendapatan. Manakalah seramai 51 orang responden bersamaan (39.2%) pula menyatakan setuju berbanding 18 orang responden bersamaan (13.8%) menyatakan bahawa kurang setuju dengan kenyataan tersebut. Akan tetapi terdapat juga 2 orang responden bersamaan (1.5%) menyatakan tidak setuju. Dapatan menunjukkan majoriti responden yang sangat setuju adalah kerana Masjid Kapitan Keling merupakan daya tarikan yang utama di Pulau Pinang untuk sektor pelancongan. Daya tarikan yang ada ini telah membantu mengekalkan dan meningkat ekonomi komuniti tempatan di kawasan sekitar. Keberadaan Masjid Kapitan Keling di lokasi tersebut telah memberikan dorongan yang signifikan kepada sektor pelancongan yang secara tidak langsung membawa kepada pertumbuhan ekonomi melalui aktiviti ekonomi yang dibangunkan seperti perhotelan, restoran dan juga kedai-kedai masyarakat tempatan. (Graf 4.1)

Seterusnya, dapatan kaji selidik juga merekodkan majoriti 67 orang responden bersamaan dengan (51.5%) sangat setuju bahawa Masjid Kapitan Keling dapat membantu aktiviti ekonomi masyarakat tempatan di kawasan sekitar dapat bergerak dan beroperasi dengan baik. Manakala terdapat sejumlah 49 orang responden bersamaan (37.7%) menyatakan setuju, namun sebaliknya terdapat 12 orang responden bersamaan (9.2%) pula menyatakan bahawa mereka tidak setuju berbanding 2 orang responde bersamaan (0.8%) di mana masing menyatakan tidak setuju dan juga sangat tidak setuju. Sejumlah besar menunjukkan majoriti responden sangat setuju kerana Masjid Kapitan Keling merupakan masjid yang mempunyai daya tarikan yang lebih signifikan dan menjadi

penyumbang kepada sumber pendapatan masyarakat setempat. Ini dapat dilihat dengan aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan dan dibangunkan di kawasan sekitar yang merangkumi perhidmatan pengangkutan, penginapan, gerai, dan juga restoran yang memudahkan sokongan logistik dan kemudahan kepada pelancong dan juga komuniti setempat. Oleh sebab itu, secara tidak langsung memberikan impak positif terhadap pendapatan dan juga kestabilan ekonomi masyarakat tempatan. (Graf 4.2)

Selain itu, dapatan kaji selidik ini juga menunjukkan majoriti 64 orang responden bersamaan (49.2%) sangat setuju bahawa Masjid Kapitan Keling mampu untuk menjadi penyumbang kepada perkembangan dan kerancakan ekonomi negeri. Manakala terdapat juga 49 orang responden iaitu (37.7%) menyatakan setuju dengan kenyataan tersebut. Walaupun begitu, masih terdapat 15 orang responden iaitu (11.5%) menyatakan kurang setuju berbanding 2 orang responden lain bersamaan (1.5%) menyatakan tidak setuju. Dapatan merekodkan sejumlah besar responden sangat setuju kerana sektor pelancongan merupakan satu cabang yang menjadi kepada ekonomi negeri Pulau Pinang. Kemasukan pelancong ke dalam negeri telah meningkat keupayaan dan daya tahan sektor ekonomi negari kerana pelbagai aktiviti ekonomi akan dibangunkan terutamanya daripada kalangan penduduk sebagai langkah mengambil peluang untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan ini dalam masa yang sama mempelbagaikan sumber ekonomi dan juga menjadi sumber pendapatan kepada negeri mahupun masyarakat. Perkara tersebut dapat dilihat di kawasan sekitar Masjid Kapitan Keling yang pesat membangun terutamanya dalam ekonomi perhotelan, perniagaan dan sebagainya lagi. (Graf 4.3)


Di samping itu, majoriti responden iaitu 64 orang bersamaan (49.2%) sangat setuju Masjid Kapitan Keling dapat membantu sektor-sektor ekonomi yang baru dan pelbagai dapat dibangunkan di kawasan sekitar. Terdapat juga 50 orang responden iaitu (38.5%) menyatakan setuju dengan kenyataan tersebut, akan tetapi terdapat 15 orang responden bersamaan (11.5%) menyatakan bahawa mereka kurang setuju dengan kenyataan tersebut. Meskipun begitu, terdapat seorang responden iaitu (0.8%) menyatakan sangat tidak setuju. Masjid Kapitan Keling memainkan peranan yang penting dalam mendukung usaha sama untuk perkembangan sektor perniagaan kecil sederhana. Aktiviti perniagaan yang dijalankan di sekitar masjid telah membantu membina ekosistem perniagaan tempatan yang beragam dan pelbagai dan memberi peluang kepada usahawan tempatan untuk membina dan mengembangkan perniagaan mereka. Impak ini juga tidak hanya dimanfaatkan dari segi ekonomi malah menjadi penyumbang dalam



sektor pendidikan di mana Masjid Kapitan Keling menyediakan khidmat pendidikan agama untuk masyarakat. Dengan itu, Masjid Kapitan Keling tidak hanya berperanan dalam perkembangan ekonomi, tetapi juga dalam peningkatan modal insan masyarakat tempatan. (Graf 4.4)

Akhir sekali, majoriti responden seramai 62 orang bersamaan (47.7%) menyatakan sangat setuju bahawa Masjid Kapitan Keling dapat menjadi wadah kepada perkembangan peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan. Manakala 49 orang responden iaitu (37.7%) menyatakan bahawa mereka setuju dengan kenyataan tersebut. Namun begitu, sebaliknya pula terdapat 15 orang responden (11.5%) kurang setuju berbanding 4 orang responden (3.1%) yang menyatakan tidak setuju. Masjid Kapitan Keling menjadi pemangkin yang menyokong Pembangunan sektor perkhidmatan sokongan lain. Kewujudan masjid ini sebagai bangunan bersejarah telah mencipta satu indikator yang penting untuk keperluan khidmat sokongan pekerjaan seperti penyelenggaraan, pembersihan dan penyelenggaraan landskap. Oleh sebab itu, peluang pekerjaan yang disediakan ini dapat memberikan manfaat kepada masyarakat tempatan untuk terlibat dengan peluang pekerjaan yang ada. Ini juga jelas menunjukkan bahawa Masjid Kapitan Keling hanya merupakan tempat ibadah tetapi menjadi wadah penting untuk perkembangan peluang pekerjaan masyarakat tempatan. (Graf 4.5)


1. Terbinanya Masjid Kapitan Keling dapat membantu komuniti tempatan dalam menjana pendapatan. / 1. The Kapitan Keling Mosque can help the local community in generating income.  
130 responses



Graf 4.1: Impak Masjid Kapitan Keling pada sektor ekonomi

Sumber: Kajian lapangan


2. Masjid Kapitan Keling dapat membantu aktiviti ekonomi masyarakat tempatan di kawasan sekitar dapat bergerak dan beroperasi dengan baik. / 2. The ...nity in the surrounding area can operate well.  
130 responses



Graf 4.2: Impak Masjid Kapitan Keling pada sektor ekonomi

Sumber: Kajian lapangan


3. Masjid Kapitan Keling mampu untuk menjadi penyumbang kepada perkembangan dan kerancakan ekonomi negeri. / 3. The Kapitan Keling...e development and vitality of the states economy  
130 responses



Graf 4.3: Impak Masjid Kapitan Keling pada sektor ekonomi

Sumber: Kajian lapangan


4. Masjid Kapitan Keling dapat membantu sektor-sektor ekonomi yang baru dan pelbagai dapat dibangunkan di kawasan sekitar. / 4. The Kapitan K...ectors can be developed in the surrounding area.  
130 responses



Graf 4.4: Impak Masjid Kapitan Keling pada sektor ekonomi

Sumber: Kajian lapangan

5. Masjid Kapitan Keling dapat menjadi wadah kepada perkembangan peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan. / 5. The Kapitan Keling Mosq...oyment oppurtunities for the local community.  
130 responses



Graf 4.5: Impak Masjid Kapitan Keling pada sektor ekonomi

Sumber: Kajian lapangan

#### 4.3.3 Impak Masjid Kapitan Keling pada pelancongan.

Pada era globalisasi ini, sektor pelancongan merupakan sektor yang sangat penting kerana peranannya dalam mempromosikan warisan budaya dan juga sejarah sesebuah negara. Pulau Pinang menjadi satu destinasi pelancongan utama di Malaysia kerana kekayaan nilai warisannya menjadi penyumbang kepada aktiviti pelancongan tempatan. Salah satu mercu tanda pelancongan di Pulau Pinang iaitu Masjid Kapitan Keling yang mempunyai nilai budaya dan sejarah yang besar dari persepektif kepelbagaian etnik dan agama di Pulau Pinang. Hasil dapatan kajian ini akan menganalisis bagaimana impak signifikan yang dimiliki Masjid Kapitan Keling terhadap industri pelancongan di Pulau Pinang.

Hasil dapatan kaji selidik ini mendapati bahawa majoriti responden seramai 82 orang iaitu (63.1%) menyatakan sangat setuju bahawa Masjid Kapitan Keling dapat menjadi lokasi utama pelancong untuk mengenali dan menjejaki kekayaan khazanah budaya tempatan. Manakala sebahagian responden lain iaitu seramai 38 orang bersamaan (29.2%) menyatakan bahawa mereka setuju dengan kenyataan tersebut. Namun begitu, responden lain juga menyatakan bahawa mereka kurang setuju dan tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Jumlah yang direkodkan adalah 9 orang responden iaitu (6.9%) kurang setuju manakala 1 orang responden Bersama (0.8%) tidak setuju. Sebahagian besar responden menyokong kenyataan tersebut kerana Masjid Kapitan Keling merupakan sebuah bangunan yang mempunyai keunikan sejarahnya yang tersendiri. Usianya yang telah merentasi masa lebih dari dua abad telah menyaksikan pertumbuhan

dan juga perkembangan Pulau Pinang. Hasil seni bina dan juga arkitekstur yang ada pada bangunan tersebut menjadi pemangkin kepada tumpuan utama bagi peminat dan juga pengkaji tinggalan warisan-warisan dunia. (Graf 4.6)

Selain itu, dapatan dari kaji selidik juga mendapati majoriti responden 82 orang bersamaan (63.1%) menyatakan sangat setuju bahawa Masjid Kapitan Keling boleh menjadi sebuah lokasi untuk penyelidikan daripada penyelidik dan agensi luar. Terdapat juga trend yang menunjukkan 35 orang responden iaitu (26.9%) menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut. Namun begitu, ada juga responden yang menyatakan sebaliknya. Seramai 11 orang responden iaitu (8.5%) menyatakan kurang setuju manakala 1 orang responden (0.8%) menyatakan kurang setuju dan begitu juga 1 orang responden (0.8%) menyatakan sangat tidak setuju. Hasil dapatan menunjukkan sebahagian besar responden menyokong kenyataan tersebut. Ini kerana kekayaan nilai sejarah dan kemegahan seni bina yang ada pada Masjid Kapitan Keling telah menyediakan satu platform untuk para pengkaji memulakan serta menjalankan kajian ilmiah dan penyelidikan. Di samping dapat membantu memberikan satu nafas baru kepada pengumpulan maklumat dan data yang lebih mendalam terhadap bangunan warisan tersebut. (Graf 4.7)

Seterusnya, dapatan kaji selidik merekodkan majoriti 72 orang responden (55.4%) menyatakan mereka sangat setuju bahawa Masjid Kapitan Keling menjadi penyumbang dan mendorong kepada perkembangan infrastruktur sektor pelancongan tempatan. Namun begitu, terdapat 45 orang responden iaitu (34.6%) menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut berbanding responden lain. Terdapat 12 orang responden iaitu (9.2%) menyatakan mereka kurang setuju dan 1 orang responden (0.8%) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan sebilangan besar responden yang terlibat menyokong kenyataan tersebut. Hal ini kerana, peranan masjid yang memikul tanggungjawab menjadi aset penarik pelancong untuk berkunjung ke Pulau Pinang. Kemasukan pelancong luar dan juga tempatan yang berterusan telah meningkatkan keupayaan dan juga kualiti infrastruktur sektor pelancongan yang merangkumi kemudahan penginapan, pengangkutan, dan juga pusat perniagaan. Inisiatif tersebut telah membantu mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pelancong di samping meningkatkan keselesaan dan juga kualiti perkhidmatan kepada pelancong. (Graf 4.8)


Di samping itu, majoriti responden iaitu 68 orang responden (52.3%) juga menyatakan mereka sangat setuju bahawa Masjid Kapitan Keling dapat menjadi penentu dan hala tuju sektor pelancongan tempatan di masa akan datang. Manakala terdapat 47 orang responden bersamaan (36.2%) menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut. Akan tetapi, terdapat 14 orang responden (10.8%) kurang setuju dan begitu juga 1 orang responden (0.8%) menyatakan tidak setuju. Ini menunjukkan majoriti daripada responden menyokong dengan pernyataan tersebut. Masjid Kapitan Keling telah menjadi satu pusat pelancongan utama untuk pelancong yang berkunjung ke Pulau Pinang. Masjid Kapitan Keling juga telah memainkan peranannya dalam strategik untuk memperkasa dan membentuk araha dan perkembangan sektor pelancongan tempatan. Kemasukan dan lawatan pelancong dapat mengukur tahap kebolehpasaran asset-aset pelancongan tempatan negeri dan juga negara. Meskipun usia Masjid Kapitan Keling telah pun lanjut tetapi telah membuktikan keupayaannya menjadi salah satu destinasi utama pelancong yang melawat Pulau Pinang. (Graf 4.9)

Akhir sekali, dapatan kaji selidik juga menunjukkan majoriti 75 orang responden (57.7%) sangat setuju bahawa Masjid Kapitan Keling amat sesuai dijadikan produk pelancongan di peringkat antarabangsa setaraf dengan negara-negara lain. Terdapat juga 41 orang responden (31.5%) setuju dengan kenyataan tersebut. Meskipun begitu, seramai 12 orang responden (9.2%) menyatakan kurang setuju dan begitu juga dengan 2 orang responden (1.5%) pula menyatakan tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Masjid Kapitan Keling sangat sesuai dijadikan produk pelancongan tempatan yang setaraf di peringkat antarabangsa kerana bangun tersebut merupakan bangunan yang telah wujud selama 200 tahun. Usia bangunan tersebut bukanlah satu usia yang singkat tetapi lamanya teguh menjadi sebuah bangunan yang telah berhadapan perkembangan dan juga peredaran zaman. Nilai warisan yang ada pada bangunan seperti seni bina, fungsi, infrastruktur dan juga arkitekstur dapat menjadi aspek penting yang dapat menjadikan bangunan masjid tersebut dapat diangkat sebagai produk pelancongan ke peringkat antarabangsa. (Graf 5.0)



1. Masjid Kapitan Keling dapat menjadi lokasi utama pelancong untuk mengenali dan menjejaki kekayaan khazanah budaya tempatan. / The Kapitan K...xplore the richness of local cultural treasures.

130 responses




Graf 4.6: Impak Masjid Kapitan Keling pada pelancongan

Sumber: Kajian lapangan

2. Masjid Kapitan Keling boleh menjadi sebuah lokasi untuk penyelidikan daripada penyelidik dan agensi luar. / The Kapitan keling Mosque can be a l...search from researchers and outside agencies.

130 responses




Graf 4.7: Impak Masjid Kapitan Keling pada pelancongan

Sumber: Kajian lapangan

3. Masjid Kapitan Keling menjadi penyumbang dan mendorong kepada perkembangan infrastruktur sektor pelancong tempatan. / 3. The Kapitan Keling M...ture development of the local tourist sector.

130 responses




Graf 4.8: Impak Masjid Kapitan Keling pada pelancongan

Sumber: Kajian lapangan

4. Masjid Kapitan Keling dapat menjadi penentu dan hala tuju sektor pelancongan tempatan di masa akan datang. / 4. Kapitan Keling Mosque can be a det... direction of local tourism sector in the future.

130 responses




Graf 4.9: Impak Masjid Kapitan Keling pada pelancongan

Sumber: Kajian lapangan

5. Masjid Kapitan Keling amat sesuai dijadikan produk pelancongan di peringkat antarabangsa setaraf dengan negara-negara lain. / 5. Kapitan Keling Mosque is very suitable to be a tourism product at the international level as same with other countries.

130 responses



Graf 5.0: Impak Masjid Kapitan Keling pada pelancongan

Sumber: Kajian lapangan

#### 4.3.4 Impak Masjid Kapitan Keling pada sosial.

Masjid Kapitan Keling tidak hanya dianggap sebagai bangunan sejarah dan bangunan tetapi menjadi sebuah entiti yang membawa peranan dalam memelihara, menyuburkan dan mencerminkan kesan besar terhadap sosial budaya masyarakat tempatan. Sebagai ikon bersejarah di Pulau Pinang masjid ini telah menjadi penentu utama dalam membentuk identiti sosial dan budaya tempatan. Masjid Kapitan Keling juga menjadi satu tempat yang mencipta suasana dan persekitaran sosial yang positif dan juga menggalakkan pemahaman dan toleransi antara pelbagai komuniti di kawasan sekitar. Dapatan kaji selidik ini juga akan mengenalpasti bagaimana impak Masjid Kapitan Keling ini pada sosial budaya dalam kalangan masyarakat tempatan.

Hasil dapatan kaji selidik ini menunjukkan 82 orang responden iaitu (63.1%) menyatakan sangat setuju bahawa Masjid Kapitan Keling merupakan perantaraan yang berfungsi untuk menjalin dan mengeratkan ukhuwah sesama masyarakat muslim tempatan. Manakala terdapat juga 39 orang responden (30%) menyatakan setuju dengan kenyataan tersebut. Namun begitu, terdapat responden lain iaitu 7 orang responden bersamaan (5.4%) menyatakan kurang setuju begitu juga 2 orang responden (1.5%) yang menyatakan tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Hasil dapatan menunjukkan sebilangan besar responden menyokong kenyataan tersebut. Ini kerana Masjid Kapitan Keling merupakan tempat atau pusat ibadah yang sangat penting untuk penganut agama Islam di Pulau Pinang. Penganut agama Islam yang ada terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik, kaum dan juga budaya. Ini menunjukkan bahawa kepentingan yang ada pada Masjid Kapitan Keling adalah sebagai perantara yang penting untuk menjalin dan mengeratkan ukhuwah sesama masyarakat Muslim tempatan. (Graf 5.1)

Selain itu, kaji selidik yang dilakukan ini juga menunjukkan majoriti 82 orang responden (63.1%) sangat setuju bahawa aktiviti dan program yang dijalankan di masjid sangat membantu mendedahkan masyarakat kepada keharmonian sejagat. Manakala 38 orang responden (29.2%) menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut. Walau bagaimana pun, terdapat sebilangan kecil responden iaitu 9 orang responden (6.9%) menyatakan kurang setuju dan begitu jug dengan 1 orang responden (0.8%) menyatakan sangat tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Meskipun begitu, sebilangan besar responden memberikan reaksi dengan menyokong kenyataan tersebut. Masjid Kapitan Keling telah mengukuhkan peranannya sebagai pencetus keharmonian sejagat dengan melalui program dan juga aktiviti yang dijalankan secara terbuka kepada masyarakat. Inisiatif yang merentasi sempadan agama dan budaya ini telah menjadikan masjid tersebut sebagai pusat yang menjadi penyumbang aktif kepada pemahaman dan juga keharmonian dalam kalangan masyarakat tempatan. (Graf 5.2)

Seterusnya, hasil dapatan kaji selidik ini juga merekodkan majoriti responden iaitu 76 orang responden (58.5%) menyatakan sangat setuju bahawa Masjid Kapitan Keling merupakan pusat kemasyarakatan tanpa mengira faktor kepercayaan agama mahupun bangsa. Terdapat juga rekod dapatan yang menunjukkan 40 orang responden (30.8%) menyatakan mereka setuju akan tetapi terdapat juga responden lain iaitu 12 orang responden (9.2%) menyatakan mereka kurang setuju dan begitu juga 2 orang responden (1.5%) menyatakan mereka tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Walau bagaimana

pun, dapatana menunjukkan sebilangan besar responden menyokong dengan kenyataan tersebut. Masjid Kapitan Keling telah mewujudkan pelbagai program yang membantu untuk mengimarahkan lagi kunjungan masyarakat ke masjid. Aktiviti dan program seperti “*India Muslim Heritage Celebration*” menjadi antara acara tahunan yang dijalankan oleh pihak masjid untuk menarik minat dan kunjungan masyarakat dari pelbagai kaum dan budaya untuk bersama meraikan. Aktiviti sebegini menjadi medan untuk mengukuhkan persaudaraan di kalangan masyarakat dan juga mencipta satu hubungan yang erat dan merangsang pertukaran budaya yang positif. (Graf 5.3)


Di samping itu, majoriti responden iaitu 81 orang responden (62.3%) menyatakan mereka sangat setuju bahawa Masjid Kapitan Keling dapat menjadi pusat pendidikan untuk komuniti bukan islam untuk mempelajari hal ehwal Islam. Manakala 37 orang responden (28.5%) menyatakan setuju dengan kenyataan tersebut. Meskipun begitu, terdapat 11 orang responden (8.5%) menyatakan kurang setuju begitu juga dengan 1 orang responden (0.8%) menyatakan tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Hasil dapatan menunjukkan sebilangan besar responden menyokong dengan kenyataan tersebut. Masjid Kapitan Keling pada hari ini bukan sahaja menjadi pusat ibadah sahaja akan tetapi mengambil tanggungjawab yang lebih jauh untuk mengembangkan lagi syiar Islam kepada masyarakat. Masjid Kapitan Keling telah menyediakan pusat pendidikan yang memberi peluang kepada komuniti bukan Islam untuk memahami dan mempelajari hal ehwal Islam. Di satu sudut bahagian bangunan masjid iaitu menara azan muazin telah dibangunkan satu ruangan yang menyediakan bahan-bahan ilmiah mengenai agama Islam untuk memudahkan pengunjung bukan Islam mempelajari mengenai Islam. (Graf 5.4)

Akhir sekali, dapatan kaji selidik juga menunjukkan 78 orang responden (60%) sebagai majoriti menyatakan sangat setuju bahawa Masjid Kapitan Keling menjadi pusat untuk meyalurkan dan menyampaikan segala bantuan dan keperluan untuk pihak yang memerlukan. Manakala 38 orang responden (29.9%) menyatakan setuju dengan kenyataan tersebut. Namun begitu, terdapat 10 orang responden (7.7%) menyatakan kurang setuju dan 3 orang responden (2.3%) menyatakan tidak setuju. Malah terdapat juga 1 orang responden (0.8%) menyatakan sangat tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Meskipun begitu, dapatan menunjukkan sebilangan besar responden menyokong kenyataan tersebut. Masjid Kapitan Keling telah menjadi pusat komuniti masyarakat sejak dari awal pembinaan lagi terutamanya kepada komuniti muslim. Sejak dari awal pemerintahan colonial Masjid Kapitan Keling menjadi tempat untuk masyarakat

berkumpul dan juga mendapatkan bantuan untuk menguruskan hal ehwal berkaitan pengurusan harta benda. Malah sejak dahulu lagi masjid ini menjadi tempat untuk kumpulan-kumpulan pedagang untuk bertemu dengan ahli keluarga mereka yang menetap di Pulau Pinang. Sehingga ke hari ini Masjid Kapitan Keling terus menjadi pusat komuniti sekiranya memerlukan bantuan dan juga bimbingan disamping meningkatkan kesejahteraan komuniti setempat. (Graf 5.5)

1. Masjid Kapitan Keling merupakan perantaraan yang berfungsi untuk menjalin dan mengeratkan ukhwah sesama masyarakat muslim tempatan. / 1.....otherhood among the community local muslims.

130 responses




Graf 5.1: Impak Masjid Kapitan Keling pada sosial

Sumber: Kajian lapangan

2. Aktiviti dan program yang dijalankan di masjid sangat membantu mendedahkan masyarakat kepada keharmonian sejagat. / 2. The activities and ...lly help to expose society to harmony universal.

130 responses




Graf 5.2: Impak Masjid Kapitan Keling pada sosial

Sumber: Kajian lapangan




3. Masjid Kapitan Keling merupakan pusat kemasyarakatan tanpa mengira faktor kepercayaan agama mahupun bangsa. / 3. Kapitan Keling Mosque is...ut care the factor of religious beliefs or race. 130 responses



Graf 5.3: Impak Masjid Kapitan Keling pada sosial

Sumber: Kajian lapangan


4. Masjid Kapitan Keling dapat menjadi pusat pendidikan untuk komuniti bukan islam untuk mempelajari hal ehwal islam. / 4. Kapitan Keling Mo...r non-muslim community to learn islamic affairs. 130 responses



Graf 5.4: Impak Masjid Kapitan Keling pada sosial

Sumber: kajian lapangan

5. Masjid Kapitan Keling menjadi pusat untuk menyalur dan menyampaikan segala bantuan dan keperluan untuk pihak yang memerlukan. / 5. Kapita... all help and needs for the people who needed. 130 responses



Graf 5.5: Impak Masjid Kapitan Keling pada sosial

Sumber: Kajian lapangan

#### **4.3.5 Perspektif masyarakat terhadap bangunan warisan Masjid Kapitan Keling.**

Masjid Kapitan Keling menjadi lambang kebijaksanaan dan satu simbol yang melambangkan kearifan dan juga kemegahan pada zaman silam di peringkat tempatan. Masjid Kapitan Keling juga telah menarik perhatian sebagai sebuah bangunan yang penuh nilai warisan sejarah yang sangat hebat dan membentuk landskap yang penuh dengan kekayaan akan identiti masyarakat yang mendalam dan kompleks. Pengiktirafan yang diberikan pada bangunan warisan ini telah memberikan satu anjakan dan dukungan yang akan mengukuhkan lagi sejarah dan juga identiti masyarakat tempatan. Hasil dapatan kaji selidik yang merangkumi aspek persepektif masyarakat dapat memberikan pencerahan yang lebih mendalam untuk mengungkap bagaimana pandangan dan penerimaan masyarakat terhadap bangunan warisan. Dan hasil analisis daripada dapatan kajian ini juga akan dapat melihat bagaimana masyarakat menilai dan memahami aspek bangunan warisan dalam kolektif pemikiran masyarakat terhadap Masjid Kapitan Keling.

Hasil dapatan daripada kaji selidik ini menunjukkan majoriti responden seramai 94 orang responden bersamaan (72.3%) menyatakan mereka sangat setuju bahawa bangunan warisan adalah sangat penting untuk kemajuan dan pembangunan sesebuah negara. Hal ini, kerana bangunan warisan menjadi satu tonggak utama yang memelihara nilai warisan sejagat yang merentasi masa dengan harapan dapat mengekalkan identiti dan keunikan kepada tanah air. Bangunan warisan tidak hanya berasaskan pada struktur batu bata sahaja akan tetapi menjadi pelindung yang memayungi cerita sejarah tempatan yang menyuburkan budaya dan warisan masyarakat tempatan. Tambahan pula, dalam konteks pembangunan negara juga bangunan warisan memainkan peranan sebagai pemangkin yang membentuk identiti nasional dan sekaligus menjadi daya tarikan pelancongan. Bangunan warisan menjadi pencetus pertumbuhan ekonomi sektor pelancongan tempatan yang menarik pelancong tempatan mahupun luar negara. Pertumbuhan ekonomi pelancongan dapat mewujudkan peluang pekerjaan di samping meningkat pendapatan ekonomi tempatan. (Graf 5.6)

Selain itu, hasil dapatan lain juga menunjukkan majoriti responden seramai 94 orang bersamaan (72.3%) sangat setuju bahawa bangunan warisan adalah gambaran yang melambangkan kemegahan ketamadunan sesuatu masyarakat. Ini disebabkan oleh bangunan warisan yang masih wujud sehingga ke hari ini diabadikan sebagai tinggalan menakjubkan kerana memberi bayangan dan gambaran yang mengaitkan evolusi budaya

dan juga pencapaian ketamadunan sesebuah masyarakat. Tambahan pula, bangunan warisan ini juga menjadi satu simbol yang mencerminkan visual kehebatan dan kemahiran arkitekstur pada sesuatu zaman dan secara tidak langsung menonjolkan kehebatan sesuatu bangsa dalam kejuteraan, seni ukir, dan juga seni bina. Ini juga dapat membuktikan bahawa bangunan warisan menjadi saksi yang melihat perkembangan intelektual dan kebudayaan sesuatu masyarakat. (Graf 5.7)


Seterusnya, hasil dapatan ini juga menunjukkan seramai 99 orang responden bersamaan (76.2%) majoriti responden sangat setuju dengan pernyataan yang mengusulkan bahawa nilai dan sejarah bangunan warisan wajib dipelihara dan dikekalkan tidak mengira peredaran masa dan perubahan zaman. Pernyataan tersebut mendapat sokongan responden kerana nilai sejarah yang ada pada bangunan warisan memberikan satu dampak yang menunjukkan keunikan terhadap perkembangan masyarakat dan juga budaya pada zaman lampau. Melalui kepelbagaian yang ada pada bangunan warisan iaitu merangkumi aspek seni bina, arkitekstur, dan juga reka bentuk merupakan asas utama yang menyampaikan kepada masyarakat mengenai ciri-ciri budaya yang diamalkan pada ketika zaman dahulu. Pemeliharaan perlu dilakukan untuk bangunan warisan kerana setiap sudut bangunan warisan membawa gaya tradisi masyarakat dahulu. Pemeliharaan juga bukan sahaja melestarikan struktur fizikal bangunan malah lebih melindungi kerativiti, kehalusan seni dan juga teknikal yang ada pada bangunan warisan. Oleh itu, pemeliharaan bangunan warisan perlu dilakukan sebagai usaha mengekalkan nilai warisan yang ada supaya dapat menjadi tontonan generasi yang akan datang. (Graf 5.8)

Di samping itu, majoriti responden seramai 83 orang responden bersamaan (63.8%) sangat setuju bahawa Masjid Kapitan Keling adalah lambang ikonik yang menunjukkan Pulau Pinang kaya dengan nilai dan juga kronologi sejarahnya. Ini kerana Masjid Kapitan Keling merupakan sebuah bangunan warisan yang berada betul-betul dalam bandaraya Georgetown. Georgetown merupakan bandaraya yang telah mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai tapak warisan dunia. Bangunan-bangunan lama yang berada dalam kawasan tersebut secara automatik menjadi sebahagian daripada pengiktirafan tersebut. Sejarah masjid ini telah menunjukkan kehadiran India Muslim di Pulau Pinang dan telah menyiratkan episod-episod sejarah yang bermula awal penjajahan sehinggalah membentuk masyarakat yang berbilang kaum pada hari ini. Masjid Kapitan Keling menjadi saksi bagaimana perkembangan negeri Pulau Pinang dari awal penubuhan

oleh colonial sehingga Pulau Pinang terbentuk menjadi sebuah negeri yang harmoni dan maju pada ketika ini. (Graf 5.9)

Akhir sekali, hasil dapatan juga mendapati majoriti seramai 81 orang responden bersamaan (62.3%) sangat setuju bahawa Masjid Kapitan Keling mempunyai keunikan dan keistimewaan yang sangat menarik untuk diterokai dan dipelajari. Ini kerana Masjid Kapitan Keling mempunyai nilai kemegahan yang menimbulkan keunikan dan keistimewaan yang menjadikannya sebagai sebuah destinasi untuk diterokai dan dipelajari dengan mendalam. Keunikan dan keistimewaan yang ditampilkan dari aspek seni bina yang menggabungkan seni bina Islam daripada Kerajaan Islam iaitu empayar Mughal. Sejarah yang membentuk binaan masjid menjadi aspek yang menjadikan iainya sebuah bangunan yang unik dan Istimewa. Bangunan Masjid Kapitan Keling ini dibina oleh golongan India Muslim yang datang ke Pulau Pinang ketika melakukan aktiviti perdagangan mahupun menjadi barisan tentera yang berkhidmat kepada British. Keunikan nama masjid juga diambil daripada pemimpin yang memimpin dan mengetuai masyarakat India Muslim pada ketika dahulu iaitu Kapitan Keling. Ini membuktikan bahawa Masjid Kapitan mempunyai keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri dan juga penting terus diterokai dan mempelajari tinggalan warisan ini. (Graf 6.0)


1. Bangunan warisan adalah sangat penting kepada kemajuan dan pembangunan sesebuah negara.  
/ 1. Heritage building are very important to progress development of a country.  
130 responses



Graf 5.6: Persektif masyarakat

Sumber : Kajian lapangan


2. Bangunan warisan adalah gambaran yang melambangkan kemegahan ketamadunan sesuatu masyarakat. / 2. Heritage building are an image that ...bolizes splendors of the civilization of a society.  
130 responses



Graf 5.7: Perspektif masyarakat

Sumber: Kajian lapangan


3. Nilai dan sejarah bangunan warisan wajib dipelihara dan dikekalkan tidak mengira peredaran masa dan perubahan zaman. / 3. The value and histo...served retained even differents times and eras.  
130 responses



Graf 5.8: Perseptif masyarakat

Sumber: Kajian lapangan

4. Masjid Kapitan Keling adalah lambang ikonik yang menunjukkan Pulau Pinang kaya dengan nilai dan kronologi sejarahnya. / 4. The Kapitan Keling Mo... is rich with the value and historical chronology.  
130 responses




Graf 5.9: Perseptif masyarakat

Sumber: Kajian lapangan



5. Masjid Kapitan Keling mempunyai keunikan dan keistimewaan yang sangat menarik untuk diterokai dan dipelajari. / 5. The Kapitan Keling Mo...ng uniqueness and speciality to explore and learn.  
130 responses



Graf 6.0: Perspektif masyarakat

Sumber: Kajian lapangan

## Bab 5

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Pengenalan

Dalam bahagian ini, penyelidik menghuraikan rumusan hasil daripada kajian yang dilakukan. Dan pada bahagian ini juga penyelidik akan memberikan pandangan mahupun cadangan yang boleh diusulkan terhadap dapatan kajian yang diperolehi. Rumusan yang diberikan adalah bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap implikasi yang diperolehi terhadap hasil kajian yang dijalankan. Cadangan-cadangan yang diusulkan juga adalah untuk memastikan isu-isu yang timbul dapat diatasi dan dijadikan rujukan untuk penyelidikan lanjutan pada masa depan. Oleh itu, bahagian ini akan merangkumkan kajian penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik dan sekaligus menyempurnakan kajian penyelidik.

#### 5.2 Rumusan

Kajian penyelidikan yang dilaksanakan oleh penyelidik ini telah merungkai dan telah mengenalpasti apakah keistimewaan dan keunikan yang ada pada bangunan warisan Masjid Kapitan Keling. Dan kajian ini juga telah menunjukkan bagaimana impak bangunan warisan Masjid Kapitan Keling terhadap masyarakat tempatan. Pelbagai langkah dan prosedur yang dilakukan oleh penyelidik untuk melengkapkan kajian penyelidikan ini. Penyelidikan telah mengenalpasti beberapa langkah untuk memastikan kajian ini dijalankan dengan mengikut aliran yang betul dan juga berdasarkan bukti yang sahih.

Pada peringkat awal penyelidik telah mengenalpasti objek atau subjek kajian yang dipilih untuk dijadikan sebagai bahan fokus kajian untuk penyelidikan ini. Penyelidik telah mengenalpasti bangunan warisan Masjid Kapitan Keling sebagai fokus kajian penyelidik dan kemudian mengidentifikasi fokus kajian penyelidik yang menjurus kepada keistimewaan dan keunikan yang ada pada bangunan warisan Masjid Kapitan Keling. Dan penyelidik juga menjuruskan bagaimana impak bangunan masjid Kapitan Keling kepada masyarakat tempatan. Dalam usaha untuk melengkapkan fokus kajian ini beberapa aspek yang menjadi keutamaan penyelidik untuk memastikan segala maklumat

dan data yang dihuraikan adalah berdasarkan fakta dan juga sumber rujukan yang sahih. Antara aspek yang diutamakan dalam kajian penyelidikan adalah mengenai objektif kajian yang dirangka dalam kajian ini. Objektif kajian sangat penting dalam kajian ini untuk memastikan kajian dilakukan selari dengan fokus utama kajian ini dilaksanakan. Objektif yang dirangka adalah merangkumi mengenalpasti keistimewaan dan keunikan pada Masjid Kapitan Keling dan juga menganalisis impak masjid kepada ekonomi, pelancongan, serta sosial budaya terhadap masyarakat tempatan. Objektif kajian yang dirangka adalah satu indikator yang penting dalam kajian penyelidikan akan tetapi perlu dilaksanakan dengan menggunakan kaedah metodologi yang sesuai. Penggunaan kaedah metodologi adalah untuk memastikan kajian penyelidikan ini tidak tersasar dari fokus kajian. Keperluan kaedah tersebut juga adalah supaya kaedah pengumpulan hasil dapatan kajian penyelidikan adalah berdasarkan dari sumber yang betul dan juga sahih supaya persoalan yang berbangkit dapat diselesaikan. Penggunaan kaedah metodologi kajian seperti kaedah kualitatif dan juga kuantitatif telah membantu penyelidik mendapat hasil dapatan kajian untuk menyokong dan menyelesaikan isu yang berbangkit.

Oleh hal yang demikian, hasil dapatan kajian yang diperolehi oleh penyelidik telah menjawab persoalan yang timbul dalam kajian ini. Beberapa dapatan telah menjawab objektif yang dirangka dalam kajian penyelidikan ini. Keistimewaan dan keunikan yang ada pada masjid tidak hanya bergantung pada nilai sejarahnya semata-mata namun dari segi seni motif yang ada pada bangunan masjid juga menjadi aspek yang memberikan keistimewaan dan keunikan pada bangunan tersebut. Seni motif bunga tulip merupakan seni yang memberikan keistimewaan dan keunikan pada bangunan Masjid Kapitan Keling. Seni motif yang berunsurkan pengaruh daripada budaya masyarakat India Muslim ini telah memberikan satu kelainan kepada bangunan masjid sehingga menonjolkan perbezaan dengan bangunan-bangunan warisan yang lain. Hasil dapatan juga menunjukkan keistimewaan dan keunikan bangunan warisan Masjid Kapitan Keling sebagai tempat integrasi dan juga perpaduan masyarakat. Amalan ini telah diamalkan daripada awal pembinaan masjid lagi di mana Masjid Kapitan Keling menjadi tempat untuk masyarakat bersama berkomunikasi dan berbincang mengenai masalah dan juga isu yang timbul dalam kalangan masyarakat. Ini menunjukkan bahawa masjid Kapitan Keling ini tidak terhad sebagai tempat ibadah akan tetapi penguat dan juga penghubung yang mengharmonikan kehidupan masyarakat tempatan sejak dari dahulu lagi. Meskipun begitu, dapatan kajian impak yang diterima masyarakat daripada Masjid Kapitan Keling

juga menunjukkan majoriti responden menerima impak yang baik hasil daripada pembinaan Masjid Kapitan Keling. Pelbagai impak yang diterima masyarakat tempatan iaitu seperti penyumbang kepada aktiviti ekonomi tempatan, perkembangan sektor pelancongan tempatan malah menjadi penyumbang kepada sosial budaya tempatan. Perspektif masyarakat terhadap bangunan warisan Masjid Kapitan Keling juga menunjukkan reaksi yang positif hasil dapatan yang diperolehi daripada kajian selidik yang dijalankan. Majoriti responden memberikan pandangan baik dan juga mengutarakan pendapat dan juga pandangan mereka terhadap bangunan warisan. Ini menunjukkan bahawa masyarakat masih lagi mementingkan dan masih lagi mementingkan nilai warisan tempatan yang ada.

Kesimpulannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa Masjid Kapitan Keling mempunyai keistimewaan dan juga keunikannya yang tersendiri. Usianya yang telah mencecah ratusan tahun tidak menjadi penghalang untuk terus memelihara dan juga melindungi nilai warisan tempatan. Kewujudan Masjid Kapitan Keling telah mengubah corak warisan budaya tempatan sehingga menjadi Pulau Pinang menjadi tempat yang kaya dengan nilai-nilai warisan yang pelbagai. Kewujudan bangunan masjid juga membuktikan telah memberi impak dan juga pulangan yang positif kepada masyarakat samaada sebagai penyumbang pendapatan ekonomi masyarakat tempatan mahupun negeri sebagai pusat pelancongan utama.

### **5.3 Cadangan**

Dalam usaha untuk mendapatkan dapatan kajian dengan maklumat dan juga data yang baik namun keperluan cadangan sesuai juga sangat penting dalam konteks penyelidikan kajian ini. Keperluan untuk menyusun ciri cadangan yang holistik dan juga bernas adalah untuk meningkatkan lagi kualiti dan juga relevan kajian ini. Cadangan yang diberikan juga adalah sebagai sumbangan sampingan dalam kajian ini supaya dapat mewujudkan satu tindakan lebih praktikal untuk menyempurnakan tujuan dan hasil perbincangan dapatan kajian penyelidikan ini. Tambahan pula, cadangan yang diketengahkan juga dapat membantu mengisi kekosongan maklumat yang mungkin wujud dalam kajian yang dilakukan. Oleh itu, keperluan untuk memberikan cadangan dalam kajian ini sangat penting kerana aspek yang membantu hala tuju penyelidikan dan memberikan kejelasan yang lebih menyeluruh mengenai kajian yang dilaksanakan ini.

### **5.3.1 Memperkasakan kerjasama dengan pihak berkepentingan.**

Kerjasama merupakan satu aspek penting dan perlu menjadi indikator penting untuk mengukuhkan lagi kedudukan dan juga kualiti sesuatu perkhidmatan. Dalam konteks warisan kerjasama juga merupakan elemen yang utama dalam usaha pemeliharaan dan pembangunan bangunan warisan. Pelbagai inisiatif yang boleh dilakukan dalam usaha kerjasama ini supaya agenda yang dirancang dapat dilaksanakan dan berjaya dicapai. Mengadakan sesi dialog terbuka antara usaha kerjasama yang perlu dilakukan. Sesi dialog ini mesti dilakukan diantara pihak Masjid Kapitan Keling dan juga pihak kepentingan yang lain. Pihak kepentingan tidak hanya perlu diterhadkan dengan pihak kerajaan akan tetapi juga boleh dibuat bersama dengan pihak NGO, swasta dan juga antarabangsa. Sesi dialog ini juga dapat membantu pihak bangunan warisan untuk menyuarakan pendapat dan juga pandangan mengenai masa depan bangunan warisan. Pelbagai aspek yang boleh diutarakan dalam sesia dialog tersebut seperti tawaran pembiayaan kos pemuliharaan, tawaran kos operasi. Malah boleh juga bertukar pandangan dan cadangan daripada pihak lain supaya supaya dapat merangka pelan strategik yang lebih sistematik untuk tujuan pemeliharaan jangka panjang bangunan warisan. Bermula daripada tiktik persamaan ini pihak masjid dan juga pihak lain dapat membina satu matlamat utama yang dapat dicapai bersama untuk mengekalkan dan melindungi bangunan warisan.

### **5.3.1 Mempromosikan bangunan warisan di peringkat tempatan dan juga antarabangsa.**

#### **a) Tempatan**

Pada peringkat tempatan pelbagai pihak boleh terlibat dan memainkan peranan masing dan bersama-sama untuk mempromosi dan memperkenalkan bangunan warisan kepada masyarakat tempatan. Pelbagai inisiatif yang boleh dilakukan untuk menyahut usaha ini dalam kalangan masyarakat tempatan. Pihak kerajaan antara pihak yang terpenting dalam pentadbiran sesebuah negara dan juga negeri. Pihak kerajaan mestilah menyediakan satu inisiatif penyelidikan yang berterusan. Inisiatif ini adalah sebagai usaha untuk meningkatkan lagi penyelidikan mengenai kajian bangunan warisan tempatan. Inisiatif tersebut juga dapat meningkatkan pengumpulan data dan juga maklumat dengan lebih mendalam



dan menyeluruh supaya segala data tinggalan sejarah bangunan dapat dirungkai dan membantu merancang langkah-langkah yang lebih berkesan untuk pemeliharaan bangunan warisan tempatan. Tambahan pula, pihak swasta mahupun NGO juga perlu menubuhkan satu agensi yang lebih afisyen supaya dapat membantu dalam penyusunan strategi pemeliharaan yang lebih sesuai dan berkesan di samping berkeupayaan mempromosikan bangunan warisan di pelbagai platform untuk menarik minat dan kunjungan masyarakat tempatan tanpa terus bergantung pada pihak kerajaan.

#### **b) Antarabangsa**

Pihak antarabangsa juga perlu memainkan peranan untuk mempromosikan bangunan warisan sebagai usaha untuk melestarikannya. Promosikan bangunan warisan di peringkat antarabangsa memerlukan satu usaha yang teliti untuk menarik perhatian masyarakat global kepada nilai sejarah, kebudayaan, dan nilai warisan yang terkandung pada bangunan warisan. Mengadakan festival dan juga pameran antarabangsa yang berterusan antara cara yang perlu dilakukan sebagai usaha untuk mempromosikan bangunan warisan. Festival yang diadakan mestilah dilakukan secara global dan tidak hanya memfokuskan pada satu tempat sahaja supaya warisan-warisan yang ada dapat diperkenalkan dan dipersembahkan kepada masyarakat antarabangsa yang lain. Masjid Kapitan Keling perlu mengambil langkah dengan terlibat dengan festival bertaraf antarabangsa untuk memperkenalkan warisan budaya tempatan dan secara tidak langsung menarik minat masyarakat dunia untuk melawat tinggalan warisan tempatan.

## RUJUKAN

- Ahmad, A. B., & Mujani, W. K. (2013). Seni bina Islam: Satu pengamatan. *Journal of Civilisational Studies*, (10), 1-18.
- Aziz, S. H., Ali, A., & Zin, M. (2021). Mosque: A History of Islamic Architectural Writing in Malaysia: Masjid: Sejarah Penulisan Seni Bina Islam di Malaysia. *AL-MUQADDIMAH: Online Journal of Islamic History and Civilization*, 9(1), 53-71.
- Azmi, E., & Ismail, M. Z. (2016). Cultural Heritage Tourism: Kapitan Keling mosque as a focal point & symbolic identity for Indian muslim in Penang. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 222, 528-538. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2016.05.211>
- Azmi, E., & Ismail, M. Z. (2016). Cultural Heritage Tourism: Kapitan Keling mosque as a focal point & symbolic identity for Indian muslim in Penang. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 222, 528-538.
- Hanapi, N. S. A. N., & Tugang, N. (2021). Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah: Suatu Tinjauan Menyeluruh. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 228-235.
- Harun, S. N. (2011). Heritage building conservation in Malaysia: Experience and challenges. *Procedia Engineering*, 20, 41-53.
- Hussin, S. (2016). Tokoh dan Institusi Pendidikan Islam di Pulau Pinang.
- Johar, S., Ahmad, A. G., Che-Ani, A. I., Tawil, N. M., & Usman, I. M. S. (2011). Analisa kajian lapangan ke atas kecacatan pada bangunan masjid lama di Malaysia. *Journal Of Design+ Built*, (2).
- Jones, D. (1997). Masjid Kapitan Keling. *Architecture Plus Design*, 14(6), 40.
- Kadir, N. A. A., Dahalan, N. N. N., & Jamaludin, N. (2021). Seni dalam Islam: Kajian khusus terhadap seni ukir. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding (E-JITU)*, (1), 1-15.
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kebangsaan, A. P. (1996). Undang-Undang Malaysia.
- Khalid, I. K. M., Ramli, H., & Sabran, A. B. (2015). Memori Warisan Sejarah Reka Bentuk Bandar Tanjung Malim: The Redesigning of the Historic Town of Tanjung Malim. *KUPAS SENI*, 3.
- Kurniawan, S. (2014). Masjid dalam lintasan sejarah umat islam. *Jurnal Khatulistiwa-Journal of Islamic Studies*, 4(2), 169-184.
- Mahmood, N. H. N. (1997). Orang-orang cina di Tanah Melayu.
- Mohamed Rizwan Abdol Ghafoor Khan (2023). Keistimewaan dan keunikan Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang. Temu Bual, 23 Januari
- Mohamed, N., Salleh, M., Musa, M., Saidin, M., & Halimi, A. J. (2006). *Sejarah Awal Pulau Pinang*.

- Randolph, J. (2009). A guide to writing the dissertation literature review. *Practical assessment, research, and evaluation*, 14(1), 13.
- Rani, P., Putri, C., & Devina, A. (2017). Transforming heritage building for commercialisation. *Planning Malaysia*, 15.
- Rathakrishnan, M. (2017). PENGHIJARAHAN BURUH INDIA KE PULAU PINANG: KAJIAN MENGENAI CORAK MIGRASI DAN PENGARUH SOSIO-EKONOMI SEBELUM TAHUN 1930. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 44(2).
- Yusoff, O. (2005). Kaum Jawi Peranakan di Pulau Pinang: Isu-isu budaya dalam konteks pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia. *Latihan Ilmiah: Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang*.
- Yusoff, O. (2010). Sejarah Pembentukan Jawi Peranakan Pulau Pinang. In O. Yusoff & J. Aziz., *Jawi Peranakan di Pulau Pinang Ekspresi Sebuah Identiti* (PP. ). Universiti Sains Malaysia.
- Yusoff, O., & Aziz, J. (Eds.). (2010). *Jawi Peranakan di Pulau Pinang* (Penerbit USM).
- Zakaria, S., Ramli, N., & Azmi, N. S. N. (2017). Pengalaman Mewarisi Pengetahuan Dan Kemahiran Seni Kasut Manik Baba Nyonya: Pandangan Melalui Sejarah Lisan. *Jurnal Peradaban*, 10(1), 1-15.

# LAMPIRAN



KELANTAN



